

**ANALISIS PEMBENTUKAN LEKSIS
KATA MAJMUK SETARA DALAM
BAHASA MELAYU DAN BAHASA CINA**

CHAN KAR MIN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**ANALISIS PEMBENTUKAN LEKSIS
KATA MAJMUK SETARA DALAM
BAHASA MELAYU DAN BAHASA CINA**

CHAN KAR MIN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **CHAN KAR MIN**

(No. K.P/Pasport: **650105-08-6862**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC070019**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):
**ANALISIS PEMBENTUKAN LEKSIS KATA MAJMUK SETARA DALAM BAHASA
MELAYU DAN BAHASA CINA**

Bidang Penyelidikan: **LEKSIKOLOGI**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: **DR. WONG NGAN LING**

Jawatan: **PENYELIA**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji lexis kata majmuk setara (KMS) bahasa Melayu dan bahasa Cina dari aspek struktur, kategori, makna dan ciri-ciri. Sebanyak 91 lexis KMS bahasa Melayu dan 101 KMS padanan penterjemahan bahasa Cina dipungut sebagai data pilihan. Daripada aspek struktur dan kategori, KMS bahasa Melayu yang dikumpul didapati mempunyai dua belas jenis sementara KMS bahasa Cina mempunyai empat belas jenis. Ini berbeza daripada dapatan kajian Ceccagno dan Scalise (2006) KMS merumuskan bahasa Cina mempunyai tujuh jenis. Daripada aspek makna, konsep Kepala (dua kepala dan tiada kepala) Ceccagno dan Scalise (2006) digunakan. Konsep dua kepala bermaksud gabungan inti dengan inti (seperti: adab tertib, siang malam), sementara tiada kepala bermaksud kedua-dua kata tersebut tiada inti sehingga menghasilkan satu gabungan erti yang baru (seperti: kaki tangan, hati jantung). Dapatan kajian ini mendapati jenis dua kepala (*two headed*) ini merupakan majoriti data kajian baik dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Cina. Ini bererti kebanyakannya makna KMS BM dan KMS BC adalah jelas (dua kepala), hanya sebahagian kecil sahaja maknanya sukar dikenalpasti (tiada kepala). Daripada aspek ciri-ciri, Zaidi (2008) merumuskan sembilan ciri penentu kata majmuk bahasa Melayu, tetapi kajian ini menunjukkan ciri-ciri ini tidak semestinya dapat diaplikasikan dalam KMS bahasa Melayu dan bahasa Cina. Hanya tujuh ciri untuk bahasa Melayu dan tiga ciri untuk bahasa Cina yang dapat diaplikasikan. Dengan itu, hasil ini membuktikan bahawa unsur-unsur KMS dapat memberi interpretasi makna secara lebih tepat kepada pengguna bahasa. Diharapkan ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang berguna kepada pengguna-pengguna dwibahasa.

ABSTRACT

This study examines the Malay and Chinese languages' lexis of coordinate compounds (KMS) from the aspect of structure, category, meaning and feature. A total number of 91 Malay language and 101 translations of Chinese language coordinate compounds (KMS) are selected as data sampling. In terms of structure and category, it is gathered that the Malay language KMS are collected in twelve categories whereas Chinese language KMS are collected in fourteen categories. This differs from the findings of Ceccagno dan Scalise (2006) where the Chinese language only have seven categories of KMS. In terms of meaning, the concept of Heads (Two Heads and No Head) by Ceccagno dan Scalise (2006) is adopted. The concept of Two Head means the combination of kernels (e.g. *adab tertib*, *siang malam*) whereas no head means both heads are without core to produce a combination of new meaning (e.g. *kaki tangan*, *hati jantung*). This study has proved that this kind of 'Two head' as the majority of data review either in Malay or Chinese language. This implies that the meaning of KMS is mostly confirmed Two Head and only a small friction of the meaning is hard to figure out. (i.e. No Head). In terms of features, Zaidi (2008) concluded nine features of compound, however this study shows that these nine features may not necessarily be applied in KMS Malay and Chinese language. There are only seven features of Malay language and three features of Chinese language that could be applied. Thus the result of this study proved that the elements of KMS will provide an more accurate interpretation of word meaning to all the language users. It is hoped that this study will be a useful source of reference as well to all bilingual users.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih kepada penyelia yang telah bersara, Professor Madya Dr. Asha Doshi A/P K K Doshi Kantilal atas bantuan, bimbingan, teguran dan nasihat yang berguna sepanjang kajian sebelum beliau bersara. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ingin ucapkan kepada penyelia Dr. Wong Ngan Ling yang menggantikan Professor Madya Dr. Asha Doshi. Beliau sentiasa bersedia memberi nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini. Saya amat menghargai kesabarannya, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. Shenna Kaur A/P Jaswant Singh kerana menolong dalam program *Turnitin*.

Turut diucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi biasiswa pengajian saya selama 18 bulan. Selain itu, risalah selidik yang bertajuk Bentuk Kata Majmuk Berdasarkan Data Korpus telah diterima melalui pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Puan Aminah Awang Besar, kemudahan yang diberi amat dihargai. Saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak DBP.

Tidak ketinggalan juga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan saya yang banyak memberikan sokongan, semangat dan galakan di sepanjang pengajian saya ini. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada sesiapa yang telah memberi sumbangan dalam menjayakan disertasi ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang saya tidak terdaya mencatat dalam halaman ini.

KANDUNGAN

| | |
|---|----------|
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL | xiii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN | 1 |
| 1.2 PERNYATAAN MASALAH | 5 |
| 1.2.1 Kata Majmuk | 5 |
| 1.2.2 Kata Majmuk Setara | 8 |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN | 11 |
| 1.4 SOALAN KAJIAN | 11 |
| 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN | 12 |
| 1.6 BATASAN KAJIAN | 14 |
| 1.7 DEFINISI ISTILAH KATA MAJMUK SETARA (KMS) | 16 |
| 1.7.1 Kata Majmuk Setara Bahasa Melayu (KMS BM) | 16 |
| 1.7.2 Kata Majmuk Setara Bahasa Cina (KMS BC) | 17 |
| 1.8 RINGKASAN BAB | 18 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| BAB 2 | KAJIAN KEPUSTAKAAN | 20 |
| 2.1 | PENDAHULUAN | 20 |
| 2.2 | KONSEP KMS BM | 20 |
| 2.2.1 | Dwandwa | 21 |
| 2.2.2 | Kata Majmuk Setara | 22 |
| 2.2.3 | Frasa Setara Dan Frasa Kompleks Setara | 25 |
| 2.2.4 | Frasa Rangkap Kata | 26 |
| 2.2.5 | Kata Majmuk Atau Frasa | 29 |
| 2.3 | KONSEP KMS BC | 32 |
| 2.4 | KONSEP KMS OLEH PARA LINGUIS BARAT | 36 |
| 2.5 | KAJIAN KMS BM | 40 |
| 2.5.1 | Aspek Tatabahasa | 40 |
| 2.5.2 | Aspek Morfologi | 41 |
| 2.5.3 | Aspek Morfosintaksis | 42 |
| 2.5.4 | Aspek Semantik Dan Pragmatik | 43 |
| 2.5.5 | Aspek Penggunaan Data Korpus | 46 |
| 2.5.6 | Rumusan Ringkas Kajian-kajian Lepas Tentang KMS BM | 48 |
| 2.6 | KAJIAN KMS BC | 50 |
| 2.6.1 | Aspek Fonologi | 50 |
| 2.6.2 | Aspek Morforlogi Dan Tatabahasa | 51 |
| 2.6.3 | Aspek Makna | 57 |
| 2.6.3.1 | Darjah Kejelasan Makna | 57 |
| 2.6.3.2 | Perhubungan Makna AB | 59 |
| 2.6.3.3 | Makna Daripada Segi Etimologi | 61 |
| 2.6.3.4 | Konsep Kepala | 61 |

| | | |
|--------------|--|-----|
| 2.7 | RINGKASAN BAB | 64 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | 67 |
| 3.1 | PENDAHULUAN | 67 |
| 3.2 | PROSEDUR PENGUMPULAN DATA KMS | 68 |
| 3.2.1 | Pemilihan Data KMS BM | 69 |
| 3.2.2 | Pengorganisasian Data KMS BM | 74 |
| 3.2.3 | Penyemakan Makna KMS BM | 80 |
| 3.2.4 | Pengenalpastian Padanan Terjemahan Daripada KMS BM Kepada KMS BC | 80 |
| 3.2.5 | Pengorganisasian Data KMS BM – Padanan Terjemahan KMS BC | 92 |
| 3.3 | PENGANALISISAN DATA DAN PERBANDINGAN DATA | 98 |
| 3.3.1 | Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) | 99 |
| 3.3.2 | Pendekatan Chui (1991) Dan Kajian Zhou (2006) | 101 |
| 3.3.3 | Penentu Ciri-Ciri Kata Majmuk Setara | 103 |
| 3.4 | RINGKASAN BAB | 104 |
| BAB 4 | ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN | 107 |
| 4.1 | PENDAHULUAN | 107 |
| 4.2 | ANALISIS DATA DARIPADA ASPEK STRUKTUR DAN KATEGORI | 108 |
| 4.3 | ANALISIS KMS BM DAN KMS BC BERDASARKAN KONSEP KEPALA | 112 |
| 4.3.1 | Analisis Konsep ‘2’ Atau ‘0’ Kepala KMS BM dan KMS BC | 113 |
| 4.4 | PENGANALISISAN CIRI-CIRI KMS BM DAN KMS BC | 117 |
| 4.5 | RINGKASAN BAB | 122 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| BAB 5 | KESIMPULAN | 124 |
| 5.1 | PERBINCANGAN | 124 |
| 5.2 | STRUKTUR DAN KATEGORI KMS BM & BC | 124 |
| 5.3 | KONSEP KEPALA DAN PERHUBUNGAN MAKNA KMS BM & BC | 129 |
| 5.4 | CIRI-CIRI PENENTU KMS BM & BC | 131 |
| 5.5 | IMPLIKASI KAJIAN | 135 |
| 5.6 | CADANGAN KAJIAN LANJUT | 137 |
| 5.7 | KESIMPULAN | 138 |
| RUJUKAN | | 140 |
| LAMPIRAN A | | 145 |
| LAMPIRAN B | | 172 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Mukasurat |
|--|-----------|
| Jadual 1.1 Makna kata seerti | 12 |
| Jadual 1.2 Makna kata majmuk setara (KMS) | 13 |
| Jadual 1.3 Pembentukan kata bahasa Cina | 17 |
| Jadual 2.1 Ketidakselarasan konsep KMS BM oleh para linguis | 31 |
| Jadual 2.2 Huraian KMS BC oleh para linguis negara Cina dan negara Barat | 39 |
| Jadual 2.3 Pencirian kata majmuk (unsur binaan) menurut penahu | 44 |
| Jadual 2.4 Pencirian kata majmuk (hubungan bentuk) menurut penahu | 45 |
| Jadual 2.5 Perbandingan data terpilih berdasarkan tiga ciri kriteria bentuk | 46 |
| Jadual 2.6 Kajian-kajian lepas tentang KMS BM | 50 |
| Jadual 2.7 Exocentric or two-headed $[N+N]_N$, $[V+V]_V$, $[A+A]_A$ coordinate compounds | 62 |
| Jadual 2.8 Exocentric $[V+V]_N$, $[A+A]_N$, $[V+V]_{N/V}$ nominal compounds | 62 |
| Jadual 2.9 Kajian-kajian lepas tentang KMS BC | 63 |
| Jadual 3.1 Penyusunan data KMS Bahasa Melayu daripada KDE4 | 71 |
| Jadual 3.2 Saiz dan jenis data KMS BM daripada KDE4 | 74 |
| Jadual 3.3a Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4) | 75 |
| Jadual 3.3b Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4) | 77 |
| Jadual 3.3c Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4) | 78 |
| Jadual 3.4 Analisis data KMS BM berdasarkan struktur dan kategori | 79 |
| Jadual 3.5 Proses pencarian padanan terjemahan KMS BC | 81 |
| Jadual 3.6 Pemilihan Data KMS BC | 84 |
| Jadual 3.7 Penyemakan makna dan penentuan golongan kelas kata KMS BC | 85 |

| | |
|---|-----|
| Jadual 3.8a Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC | 86 |
| Jadual 3.8b Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC | 89 |
| Jadual 3.8c Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC | 91 |
| Jadual 3.9a Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS | 95 |
| Jadual 3.9b Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS | 96 |
| Jadual 3.9c Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS | 97 |
| Jadual 3.10 Saiz dan jenis data KMS BM dan padanan KMS BC | 98 |
| Jadual 3.11 Konsep kepala | 100 |
| Jadual 4.1 Analisis data KMS BM berdasarkan struktur dan kategori | 109 |
| Jadual 4.2 Analisis data KMS BC berdasarkan struktur dan kategori | 110 |
| Jadual 4.3 Jumlah dan peratus analisis data berdasarkan struktur dan kategori | 110 |
| Jadual 4.4a Konsep ‘kepala’ KMS BM dan KMS BC | 113 |
| Jadual 4.4b Konsep ‘kepala’ KMS BM dan KMS BC | 115 |
| Jadual 4.4c Konsep ‘kepala’ KMS BM dan KMS BC | 116 |
| Jadual 4.5 Ciri–ciri KMS BM dan KMS BC | 118 |
| Jadual 4.6 KMS BM dan KMS BC tidak boleh menerima sebarang penyisipan | 119 |
| Jadual 4.7 Struktur KMS BM dan KMS BC yang boleh diubah | 120 |
| Jadual 5.1 Jenis Kombinasi struktur dan kategori KMS BM dan KMS BC | 127 |
| Jadual 5.2 Analisis data KMS BM dan KMS BC berdasarkan 9 ciri penentu | 131 |
| Jadual 5.3 Tujuh ciri penentu KMS BM | 132 |
| Jadual 5.4 Tiga ciri penentu KMS BC | 133 |
| Jadual 5.5 Cadangan terjemahan dalam KPE3 | 135 |
| Jadual 5.6 Data KMS BM (KDE4) yang tidak dimasukkan dalam entri KPE3 | 136 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Mukasurat |
|--|-----------|
| Rajah 2.1. Klasifikasi kata majmuk | 37 |
| Rajah 3.1. Proses pengumpulan data KMS BM-padanan KMS BC | 106 |

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

| Singkatan/Symbol | Definisi |
|------------------|-------------------------------------|
| BM | Bahasa Melayu |
| KM | Kata Majmuk |
| KMS | Kata Majmuk Setara |
| KN | Kata Nama |
| KA | Kata Adjektif |
| KK | Kata Kerja |
| KAv | Kata Adverba |
| KP | Kata Posisi |
| KB | Kata Bilangan |
| F | Frasa |
| KDE3 | <i>Kamus Dewan Edisi 3</i> |
| DBE4 | <i>Kamus Dewan Edisi 4</i> |
| KPE3 | <i>Kamus Perdana Edisi 3</i> |
| XHC | <i>Xiandai Hanyu Cidian</i> |
| XHC5 | <i>Xiandai Hanyu Cidian Edisi 5</i> |
| XHGC | <i>Xiandai Hanyu Guifan Cidian</i> |
| <i>N</i> | <i>Noun</i> |
| <i>V</i> | <i>Verb</i> |
| <i>A</i> | <i>Adjective</i> |
| AV | Adverb |

sambung

| Singkatan/Symbol | Definisi |
|------------------|---|
| <i>AV</i> | <i>Adverb</i> |
| $[N+N]_N$ | $[Noun + Noun]_{Noun}$ |
| $[V+V]_V$ | $[Verb + Verb]_{Verb}$ |
| $[V+V]_N$ | $[Verb + Verb]_{Noun}$ |
| $[V+V]_{N/V}$ | $[Verb + Verb]_{Noun/Verb}$ |
| $[A+A]_A$ | $[Adjective + Adjective]_{Adjective}$ |
| $[A+A]_N$ | $[Adjective + Adjective]_{Noun}$ |
| <i>CAT</i> | <i>CATEGORY</i> |
| <i>STRUCT</i> | <i>STRUCTURE</i> |
| STRUK | Struktur |
| KAT | Kategori |
| <i>R</i> | Makna secara umum rujuk kajian Mohamed (1999) |
| Ω | Makna secara khusus rujuk kajian Mohamed (1999) |
| + | KMS BC |
| - | Bukan KMS BC |
| x | Tidak dimasukkan dalam entri KPE3 |
| * | Tidak dimasukkan dalam entri XHC5 |

BAB 1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kata majmuk setara merupakan jenis pembentukan kata majmuk yang unik dan produktif, baik dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Cina. Pernyataan ini disokong oleh ahli-ahli bahasa seperti Asmah (1993), Abdullah dan Ainon (1994), Liaw dan Abdullah (1994) dan Zhao (1980). Walaupun istilah yang berlainan telah digunakan oleh Asmah (frasa setara), Abdullah dan Ainon (frasa rangkap kata), Liaw dan Abdullah (kata majmuk setara) dan Zhao (*coordinate compounds*), sebenarnya mereka merujuk kepada pembentukan kata yang sama. Dengan ini, kajian ini akan menghuraikan kata majmuk setara dari segi leksikologi, iaitu struktur, kategori, makna dan ciri-ciri dengan lebih jelas lagi.

Sehingga kini, persoalan kata majmuk masih dibincangkan dengan hangat meskipun ramai ahli linguistik telah menulis tentangnya. Lebih-lebih lagi, jenis kata majmuk setara yang ingin diselidiki ini juga tiada keseragaman dalam istilah dan penghuraian yang jelas. Kekeliruan sama ada ia merupakan kata majmuk atau frasa masih menjadikan persoalan. Konflik yang timbul ini sebenarnya telah memberi ruang untuk perbincangan dalam kajian ini.

Menurut Asmah (1986), bahasa Melayu sangat kaya dengan ‘frasa setara’ yang dapat menggambarkan alam pemikiran orang-orang Melayu yang suka melihat kejadian dan sifatnya dalam pasangan. Frasa adverba yang dibicarakan oleh Asmah (1986)

merupakan kata yang menerangkan kata kerja. Contoh-contoh frasa nama, frasa kerja, frasa sifat dan frasa adverba yang diberikan oleh beliau seperti berikut:

- i. frasa nama: suami isteri, ibu bapa
- ii. frasa kerja: makan minum, keluar masuk
- iii. frasa sifat: miskin kaya, cantik molek
- iv. frasa adverba: hulu hilir, sana sini

Pendapat beliau sejajar dengan pendapat Abdullah dan Ainon (1994) yang menyatakan bahawa salah satu ciri istimewa bahasa Melayu adalah kegemaran menggunakan dua perkataan yang bertindih erti. Mereka berpendapat bahawa terdapat dua jenis frasa rangkap kata. Jenis pertama terdiri daripada dua perkataan yang mempunyai makna hampir serupa seperti berikut:

- i. rangkap kata nama dengan kata nama: sawah ladang, harta benda
- ii. rangkap kata kerja dengan kata kerja: tukar ganti, cerai berai
- iii. rangkap kata sifat dengan kata sifat: kurus kering, hitam legam

Sementara itu, jenis kedua pula merupakan pasangan kata yang mempunyai makna yang bertentangan misalnya, ‘ibu bapa, tua muda, tinggi rendah, hina mulia, soal jawab’ dan contoh-contoh lain.

Abdullah dan Ainon (1994) berhujah bahawa terdapat beratus-ratus contoh sebegini dalam bahasa Melayu. Di samping itu, mereka membincangkan perbezaan antara frasa rangkap kata dengan kata ganda. Sebagai contoh, mereka menggolongkan ‘cerdik pandai’ sebagai frasa rangkap kata dan bukannya kata ganda bebas (sejenis kata ganda). Mereka memberi alasan bahawa ‘cerdik’ dan ‘pandai’ merupakan dua perkataan dan kedua-duanya

mempunyai makna yang hampir sama. Oleh itu, ‘pandai’ bukan ‘pengganda’ kepada ‘cerdik’. Selain itu, ‘gunung-ganang, sayur-mayur’ dianggap sebagai kata ganda berima atau berentak kerana kata ‘ganang’ dalam ‘gunung-ganang’ dan ‘mayur’ dalam ‘sayur-mayur’, kedua-dua perkataan tersebut tidak mempunyai makna. Kata-kata ini hanya mempunyai rentak atau rima yang merupakan ‘pengganda’ kepada gunung dan sayur sahaja. Ini jelas menunjukkan frasa rangkap kata yang dikemukakan oleh Abdullah dan Ainon (1994) bermaksud ianya mesti terdiri daripada dua perkataan dan kedua-duanya mempunyai makna tersendiri.

Fenomena bahasa yang sebegini juga dihuraikan oleh Liaw dan Abdullah (1994) dengan menggunakan istilah ‘kata majmuk setara’. Pada pendapat mereka, kata majmuk setara adalah terdiri daripada gabungan dua kata dasar yang dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu seerti, berlawanan erti dan sejajar. Contoh-contoh seerti seperti ‘mala petaka, hutan rimba, sangkut paut’, berlawanan erti seperti ‘miskin kaya, buruk baik, tinggi rendah’ dan sejajar seperti ‘pinggan mangkuk, kampung halaman, rumah tangga’.

Zhao (1980) linguist bahasa Cina telah menghuraikan keunikan pembentukan kata bahasa Cina. Zhao (1980) menjelaskan bahawa pembentukan kata jenis penggandaan dan pemajmukan bahasa Cina memang sangat produktif. Bahkan ini menyebabkan makna bahasa Cina dapat disampaikan dengan lebih tepat dan lebih halus. Zhao telah membincangkan kedua-dua jenis pembentukan ini dengan lanjut dan jelas. Zhao menghuraikan makna kata majmuk setara *coordinate compound* yang halus berdasarkan beberapa contoh.

Beliau menyatakan apabila dua perkataan yang mendukung erti yang sama, iaitu 黑 (hitam) dan 暗 (gelap) digabungkan menjadi kata majmuk setara 黑暗 (hitam gelap). Beliau berpendapat bahawa gabungan kata majmuk setara tersebut mempunyai makna yang lebih halus, iaitu sangat gelap berbanding dengan kata tunggal 黑 (hitam) atau 暗 (gelap) sahaja. Bagi contoh 买 (beli) 卖 (jual) pula, kedua-duanya mempunyai perhubungan erti berlawanan. Dengan itu, apabila dua kata ini digabungkan, maknanya bukan lagi bermaksud jual atau beli, tetapi mempunyai makna yang lebih khusus iaitu berniaga *trade*.

Sehubungan ini, kata majmuk bahasa Cina juga telah menarik perhatian ahli-ahli linguistik barat baru-baru ini, seperti Ceccagno dan Scalise (2006). Mereka telah membuat perbandingan kata majmuk dalam bahasa Cina dengan bahasa Inggeris. Mereka telah memaparkan contoh '*coordinate compounds*' bahasa Cina yang unik dalam kajian mereka misalnya, 大小 'besar + kecil = saiz', 裁缝 'potong + jahit = tukang jahit'. Mereka berpendapat bahawa gabungan jenis '*coordinate compounds*' ini menghasilkan kombinasi kata yang mempunyai makna yang khusus dan unik. Ini jelas menunjukkan mereka merujuk kepada jenis pembentukan kata majmuk setara. Dengan itu, mereka menyarankan kata majmuk setara *coordinate compounds* dalam bahasa Cina patut diberi perhatian yang lanjut.

Secara ringkas, berdasarkan pendapat dan penghuraian yang berlainan tentang konsep kata majmuk setara oleh para penahu bahasa Melayu dan bahasa Cina, iaitu Asmah (1993), Abdullah dan Ainon (1994), Liaw dan Abdullah (1994), Zhao (1980) dan Ceccagno dan Scalise (2006), dapatlah disimpulkan kata majmuk setara merupakan sejenis

pembentukan kata yang unik dan produktif, tetapi dari segi konsep dan istilah memang memerlukan penghuraian yang lebih jelas.

Bertitik tolak dari perspektif ini, satu penyelidikan secara deskriptif terhadap kata majmuk setara dilaksanakan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Ini bukan hanya memaparkan keunikan kata jenis ini, malahan menerapkan konsep ini dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa secara berkesan di negara kita yang bersifat multilingua.

Zaman kita telah beralih ke zaman info-teknologi yang berkembang pesat dan ledakan pelbagai maklumat menyebabkan banyak kosa kata yang baru dihasilkan. Sebagai pengguna bahasa yang ingin maju bersama bahasa, kita perlu bersikap terbuka untuk mencari pola yang serupa dan berbeza dalam interlinguistik supaya intepretasi makna bahasa menjadi lebih tepat dan jelas.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

1.2.1 Kata Majmuk

Dalam mendeskripsi kata majmuk bahasa Melayu, analisis yang lazim dilaksanakan oleh ahli-ahli bahasa adalah berdasarkan bentuk, jenis, fungsi dan makna. Secara umumnya, kebanyakan pengkaji bahasa Melayu bersependapat tentang penggolongan kata majmuk dari segi fungsi, misalnya Asmah (1982), Hashim (1993), Liaw dan Abdullah (1994), Abdullah (2006) dan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (1989, 2008). Mereka membahagikan kata majmuk kepada kata nama

majmuk (jalan raya, gambar rajah), kata kerja majmuk (kemas kini, campur aduk), kata adjektif majmuk (panas terik, suka cita) dan kata tugas majmuk (kepada, bagaimana).

Namun begitu, oleh sebab perbezaan pendekatan dan perspektif yang didukung oleh para linguist, kajian Liaw dan Abdullah (1994) pada tahun 90an sehingga kajian Zaiton dan Nor Hashimah (2005), kajian Abdullah (2006) dan kajian Zaidi (2008) yang baru-baru ini, isu konsep kata majmuk masih diperdebatkan dari aspek definisi, bentuk dan penggolongan.

Isu kata majmuk yang masih diperdebatkan oleh ahli-ahli bahasa seperti yang dinyatakan oleh Liaw dan Abdullah (1994) dan Zaiton dan Nor Hashimah (2005) iaitu:

- a. Apakah ciri-ciri kata majmuk?
- b. Adakah ianya ditulis bersambung, terpisah atau digunakan sempang?
- c. Adakah kata majmuk itu bersifat kata atau frasa?
- d. Apakah nama yang paling sesuai digunakan untuk merujuk kepada sesuatu bentuk?

Persoalan ini bukan sahaja berlaku dalam bahasa Melayu, bahkan berlaku dalam bahasa Inggeris. Heah (1989) dan Bissetto dan Scalise (2005) berpendapat bahawa isu definisi dan klasifikasi kata majmuk dalam bahasa Inggeris masih merupakan satu persoalan universal.

Menurut Duan (2002) dan Wang (2007) pula, kajian linguistik bahasa Cina moden tentang morfologi dan 词汇 *wordhood* (pembentukan kata) telah bermula sejak 1950an. Namun sehingga kini masalah konsep 字 (huruf) atau 词 (perkataan) masih hangat diperdebatkan di kalangan para linguist bahasa Cina.

Duan (2002) dan Wang (2007) masing-masing dalam kajian mereka menyarankan bahawa terdapat dua pandangan yang berbeza di kalangan para linguis Cina tentang konsep perkataan. Ada sekumpulan penahu yang berpendapat bahawa konsep perkataan dan morfologi tidak wujud dalam bahasa Cina kerana bahasa Cina memiliki ciri-ciri yang berbeza daripada bahasa-bahasa lain. Sedangkan, para penahu yang lain pula membantah kerana pada dasarnya, semua bahasa di dunia ini memiliki persamaan sejagat '*universal*' iaitu sama ada bahasa di Barat atau di Timur masing-masing wujud konsep perkataan '*word*' dan morfologi. Pendek kata, prinsip sejagat '*universal*' ini telah disokong oleh sarjana-sarjana bahasa seperti Huang dan Liao (1997), Zhu (1999), Chen (2001), Packard (2000), Zhou (2006) dan Ceccagno dan Scalise (2006).

Wang (2007) menerangkan masalah bahasa Cina tentang konsep huruf 字 '*character*' dan perkataan 词 '*word*' dengan memberi satu contoh yang senang difahami, misalnya bagi perkataan linguistik '语言学' *yuyanxue*, biasanya orang Cina akan tanya: “这三个字是什么意思?” (Apakah makna tiga huruf '*character*' ini?). Ternyata di sini bahawa pada kebiasaannya orang Cina merujuk kepada konsep huruf dan bukan konsep perkataan. Oleh itu, penerapan konsep '*word*' perkataan dan tatabahasa barat dalam penghuraian pembentukan kata bahasa Cina masih dibincangkan. Berdasarkan kenyataan ini, dapatlah dikatakan masalah kajian pembentukan kata bahasa Cina moden terutamanya konsep huruf 字 atau perkataan 词 perlu diteliti.

1.2.2 Kata Majmuk Setara

Tidak dapat dinafikan masalah dalam pengenalanpastian kata majmuk setara memang menghadapi masalah yang sama seperti kata majmuk secara umumnya. Ketidakselarasan penggunaan istilah oleh penahu menimbulkan kekeliruan pengenalanpastian bentuk kata majmuk setara. Menurut Mortensen (2003) terdapat pelbagai istilah yang dirujuk terhadap kata majmuk setara oleh para linguis bahasa Inggeris seperti *dvandva compounds*, *copulative compounds*, *appositional compounds*, *parallel compounds*, *coordinating compounds*, *co-compounds*, *symmetrical compounds*, *redundant compounds*, *fixed binominals*, *binoms* dan lain-lain. Justeru itu, pengenalanpastian konsep kata majmuk setara perlu dilaksanakan untuk menangani persoalan ini.

Para linguis bahasa Melayu seperti Mees (1969), Asmah (1993, 2008), Abdullah dan Ainon (1994), Liaw dan Abdullah (1994), Nik Safiah et al. (2008) telah membincangkan kata majmuk dalam tatabahasa tetapi mereka mempunyai pandangan yang berlainan dalam menghuraikan konsep dan istilah kata majmuk setara.

Mees (1969) menamakan kata jenis ini sebagai ‘dwandwa’ dan mendefinisikannya sebagai persenyawaan bergabung atau komposit kopulatif. Kata jenis ini bersifat eksosentrik, iaitu kedua-dua perkataan mempunyai perhubungan makna sedarjat atau setara. Sebagai contohnya, laki bini, cantik molek, tua muda, lebih kurang, ini itu, jatuh bangun, harta benda, tanah air dan seumpamanya.

Asmah (1993) pula menggunakan istilah frasa setara. Beliau telah membahagikannya kepada dua jenis, iaitu frasa setara sinonim (contoh: sahabat handai, sanak saudara) dan frasa setara antonim (contoh: ibu bapa, suami isteri). Ini bermakna beliau telah melibatkan fenomena bahasa ini dalam aspek sintaksis dan bukan soal morfologi. Namun Asmah (2008) menggunakan istilah frasa kompleks setara yang terbahagi kepada tiga jenis, iaitu frasa setara sinonim (contoh: sahabat handai, sanak saudara, ribut taufan), frasa setara antonim (contoh: ibu bapa, suami isteri, asam garam) dan frasa setara pelengkap (contoh: sawah ladang, sirih pinang, makan minum). Hal ini telah menimbulkan kekeliruan dalam menghuriakan konsep perkataan dengan konsep frasa.

Abdullah dan Ainon (1994) menggunakan istilah frasa rangkap kata untuk menjelaskan dua jenis fenomena bahasa, iaitu dua perkataan yang sama erti (misalnya: harta benda, tukar ganti, cerdik pandai) atau yang bertentangan makna (misalnya: hina mulia, siang malam, pergi balik).

Liaw dan Abdullah (1994) pula menggunakan istilah kata majmuk setara yang terbahagi kepada tiga jenis iaitu seerti (contoh: mala petaka, hutan rimba, sangkut paut), berlawanan ertinya (contoh: kaya miskin, buruk baik, tinggi rendah) dan sejajar (contoh: kampung halaman, pinggan mangkuk, rumah tangga).

Nik Safiah et al. (2008) menggunakan contoh-contoh seperti ‘ibu bapa, kakitangan’ yang digolongkan sebagai ‘kata nama majmuk’, sementara ‘hutan rimba, pinggan mangkuk’ pula digolongkan sebagai ‘frasa nama’. Ini jelas menunjukkan timbulnya kekeliruan pendapat sarjana tentang kata dan frasa.

Berdasarkan konsep kata majmuk setara para sarjana bahasa Melayu di atas, perbezaan penggunaan istilah dan pendapat para penahu telah memberi ruang untuk peyelidikan dan perbincangan kata majmuk setara bahasa Melayu dan bahasa Cina dalam kajian ini.

Bagi istilah kata majmuk setara (KMS), para linguis Cina menampakkan keselarasan pendapat dengan menggunakan dua istilah iaitu 合成词 (kata komposit) atau 复合词 (kata majmuk). Dari segi jenis pula, secara amnya para linguis menggunakan istilah 并列式 (koordinat) atau 联合式 (gabungan). Pian dan Wang (1999) telah membincangkan dan menyelaraskan istilah yang disebut di atas ini sahaja digunakan agar mengelakkan kekeliruan pengguna bahasa.

Kebanyakan ahli-ahli linguis, misalnya Huang dan Liao (1997), Liu (2003), Zhu (1999), Chen (2001), Ge (2002) menggunakan istilah 联合型复合词 kata majmuk jenis gabungan. Zhou (2006) pula menggunakan istilah 并列式复合词 kata majmuk koordinat dalam perbincangan tatabahasa bahasa Cina.

Justeru itu, dapat disimpulkan bukan mudah untuk memberi definisi yang tepat tentang kata majmuk setara. Lebih-lebih lagi isu konsep kata majmuk yang sememangnya lama dibahaskan sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Cina seperti yang dibincangkan di 1.2.1 di atas menunjukkan kata majmuk masih memerlukan banyak penerokaan.

Ketidakselarasan dalam isu kata majmuk dan kata majmuk setara ini tidak harus dipandang ringan kerana pembentukan kata majmuk merupakan salah satu aspek penting dalam kajian leksikologi dalam mana jua bahasa. Ini seterusnya akan mempengaruhi para pelajar, guru, penyelidik dan penyusun kamus. Kajian ini akan meninjau masalah yang wujud dalam pencirian kata majmuk setara ini supaya masalah pembentukan kata jenis ini dapat ditangani.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif bandingan yang bertujuan menganalisis pembentukan lexis salah satu jenis kata majmuk, iaitu kata majmuk setara (KMS) bahasa Melayu (BM) dan bahasa Cina (BC). Objektif khusus kajian ialah:

- a. Mengorganisasikan data lexis KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC ke dalam tiga kategori (seerti, berlawanan erti dan erti sejajar).
- b. Menganalisis struktur [KN+KN], [KK+KK], [KA+KA], [KA_v+KA_v] dan kategori [KN], [KK], [KA], [KA_v] bagi KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC.
- c. Menganalisis penghuraian makna KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC.
- d. Menghuraikan ciri-ciri KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC.

1.4 SOALAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat menjawab soalan-soalan berikut:

- a. Apakah struktur kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina?
- b. Apakah kategori kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina?

- c. Apakah persamaan dan perbezaan kata majmuk setara dalam penghuraian makna kata majmuk setara bahasa Melayu dan padanan bahasa Cina?
- d. Apakah ciri-ciri kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan keunikan struktur, kategori, ciri-ciri dan makna kata majmuk setara. Apabila seseorang mempelajari bahasa, adalah menjadi beban bagi seseorang itu untuk mengingatkan kosa kata yang bertimbun-timbun. Jadi, pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan senarai jaringan perkataan yang diorganisasikan dengan perhubungan seperti makna seerti, berlawanan erti dan erti yang sejajar akan memudahkan ingatan seseorang dalam penguasaan kosa kata. Selain daripada memperkaya kosa kata seseorang, pengenalpastian pembentukan kata yang pelbagai adalah salah satu cara bagaimana bahasa dapat dipelajari dengan lebih mendalam. Misalnya seperti kata-kata di bawah Jadual 1.1 dan Jadual 1.2:

Jadual 1.1

Makna kata seerti

| Kata Seerti | Makna kata dipetik daripada KDE4 |
|-------------|--|
| riang | I sangat gembira, girang hati, suka hati |
| gembira | 1. = bergembira sangat suka, sangat girang, besar hati; 2. = naik~ = bergembira bangga dan berani, marah; 3. = kegembiraan |
| ria | I 1. gembira, girang, riang, sukacita; 2. ramai atau riuh (oleh suara orang bersuka-suka, berseronok-seronok, dll) |

Jadual 1.2

Makna kata majmuk setara (KMS)

| Kata majmuk setara | Makna kata dipetik daripada KDE4 |
|--------------------|----------------------------------|
| riang gembira | suka dan gembira |
| riang ria | riang gembira |
| ria gembira | tersangat ria |

Daripada contoh di atas, seseorang dapat mengenal pasti tiga kata yang seerti: riang, gembira dan ria. Kombinasinya akan menjadi kata majmuk setara jenis seerti seperti: 'riang + gembira, riang + ria dan ria + gembira'. Ketiga-tiga kata majmuk setara ini secara amnya membawa maksud 'gembira', tetapi jika diteliti dengan lebih lanjut, kita akan mendapati misalnya 'riang gembira' dan 'riang ria' bermaksud 'riang dan gembira' secara amnya sementara 'ria gembira' pula mempunyai maksud 'tersangat gembira'. Pengenalpastian cara pembentukan kata yang sebegini akan membantu seseorang mempelajari bahasa dengan lebih mendalam. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan juga panduan terutamanya dalam aspek penggunaan bahasa iaitu:

- Menerapkan konsep kata majmuk setara dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya pelajaran lebih dinamik dan menarik dengan bandingan bahasa.
- Sebagai satu sumber rujukan dan maklumat kepada pelajar, guru, penyelidik dan penyusun kamus dalam penggunaan dwibahasa.
- Menjalinkan persahabatan kaum dengan mengintepretasi makna secara lebih tepat.
- Menperkaya kajian leksikologi bahasa Melayu dan bahasa Cina dan penyusunan kamus dwibahasa.

1.6 BATASAN KAJIAN

Bidang kajian ini bertumpu kepada penganalisan kata majmuk setara dalam aspek struktur, kategori, makna serta ciri-ciri bentuk binaan kata majmuk setara jenis seerti, berlawanan erti dan erti yang sejajar dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Bahan kajian dirujuk melalui dua sumber, iaitu kamus ekabahasa, kamus tribahasa dan buku-buku tatabahasa. Sumber pertama adalah pengumpulan data-data daripada kamus-kamus untuk penghuraian dan perbandingan iaitu:

- a. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KDE4) merupakan kamus ekabahasa yang diketuai oleh editor Hajah Noresah Baharom et al. yang diterbitkan pada 2007.
- b. *Kamus Perdana Edisi Ketiga* (KPE3) yang disusun oleh Cheng Song Huat dan Lai Choy dan diterbitkan pada 2008.
- c. *Kamus Xiandai Hanyu Cidian Edisi Kelima* (XHC5) 现代汉语词典第5版 yang disusun oleh Lü Shu Xiang dan Ding Sheng Shu dan diterbitkan pada 2011.

Kamus-kamus yang dipilih ini merupakan kamus-kamus yang telah menjadi rujukan utama oleh pengguna-pengguna bahasa Melayu dan bahasa Cina di Malaysia. Kamus KDE4, KPE3 dan XHC5 adalah kamus yang terkini dalam pasaran, oleh itu kamus-kamus ini dipilih kerana dari segi entri memang telah dikemaskinikan dan ditambahbaik.

Selain daripada tiga kamus di atas, dua kamus yang lain juga digunakan sebagai rujukan tambahan iaitu: *Xiandai Hanyu Guifan Cidian* 现代汉语规范词典 yang disusun

oleh Li Xing Jian pada tahun 2004 dan Kamus Kembangan (Bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris) yang disusun oleh Lai Choy pada tahun 2010.

Sumber kedua yang digunakan sebagai rujukan adalah definisi konsep dan contoh-contoh kata majmuk setara (KMS) daripada buku-buku tatabahasa dalam bahasa Melayu, misalnya *Nahu Melayu Muktahir* yang dikarang oleh Asmah dan diterbitkan pada 1993, *Nahu Melayu Moden* merupakan karya Liaw dan Abdullah yang diterbitkan pada 1994, *Tatabahasa Dinamika berdasarkan Tatabahasa Dewan* yang ditulis oleh Abdullah dan Ainon dan diterbitkan pada 1994, *Morfologi* ditulis oleh Abdullah pada 2006, *Nahu Kemas Kini* merupakan karya Asmah yang diterbitkan pada 2008, *Tatabahasa Dewan* pula dikarang oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, diterbitkan pada 2008. Sementara itu, bagi tatabahasa bahasa Cina, buku-buku seperti: *Bahasa Cina Kontemporari 现代汉语* yang dikarang oleh Huang Bo Rong dan Liao Xu Dong dan diterbitkan pada 1997, *Kamus Linguistik 语言文字词典* disusun oleh Pian Yu Qian dan Wang Tie Zhu dan diterbitkan pada 1999, *Bahan Pengajaran Tatabahasa 语法讲义* yang ditulis oleh Zhu De Xi pada 1999, *Pembentukan Kata Hanyu 汉语词法论* ditulis oleh Chen Guang Lei yang diterbitkan pada 2001, *Kajian Lexikologi dan Leksikografi 词汇学词典学研究* ditulis oleh Zhou Jian dan diterbitkan pada 2006 dan buku-buku tatabahasa lain digunakan sebagai rujukan.

1.7 DEFINISI ISTILAH KATA MAJMUK SETARA (KMS)

Memandangkan terdapat ketidakselarasan dalam istilah KMS oleh ahli-ahli bahasa, definisi istilah kata majmuk setara yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada Liaw dan Abdullah (1994) bagi bahasa Melayu dan Pian dan Wang (1999) untuk bahasa Cina.

1.7.1 Kata Majmuk Setara Bahasa Melayu (KMS BM)

Liaw dan Abdullah (1994) mengategorikan kata majmuk kepada dua golongan besar, iaitu kata majmuk setara dan kata majmuk tidak setara. Liaw dan Abdullah (1994) juga menamai kata majmuk setara sebagai kata majmuk dwandwa.

Kata majmuk dwandwa merupakan dua perkataan yang sedarjat dipersandarkan dekat-dekat sehingga bergabung menjadi satu paduan. Berdasarkan makna perkataan yang dipersandarkan itu, kata majmuk setara dapat dibahagi kepada tiga jenis:

a. Kata majmuk seerti

Kata majmuk yang kata keduanya digunakan untuk menguatkan pengertian kata yang pertama. Kata yang kedua itu biasanya seerti atau hampir ertinya dengan kata yang pertama (contoh: mala petaka, hutan rimba, sangkut paut).

b. Kata majmuk yang berlawanan ertinya

Kata majmuk yang kata keduanya mengandungi erti yang bertentangan dengan kata pertama (contoh: kaya miskin, buruk baik, tinggi rendah).

c. Kata majmuk sejajar

Kata majmuk yang kata keduanya bukanlah kata seerti kata pertama dan bukan pula kata berlawanannya (contoh: kampung halaman, pinggan mangkuk, rumah tangga).

1.7.2 Kata Majmuk Setara Bahasa Cina (KMS BC)

Pian dan Wang (1999) menggunakan istilah 合成词 (kata komposit) atau 复合词 (kata majmuk). Daripada segi jenis pula, istilah 并列式 (koordinat) atau 联合式 (gabungan) digunakan untuk menyenangkan pengguna bahasa.

Pian dan Wang (1999) menghuraikan proses pembentukan kata dalam bahasa Cina yang terdiri daripada pemajmukan, pengimbuhan dan penggandaan. Pemajmukan merupakan penggabungan dua atau lebih morfem. Kebanyakan kata majmuk bahasa Cina merupakan kata yang terdiri daripada dua morfem, hanya sebilangan kecil kata majmuk yang mempunyai penggabungan lebih daripada dua morfem. Oleh itu, kajian kata majmuk setara ini adalah berdasarkan dua morfem baik dalam bahasa Melayu atau bahasa Cina. Penghuraian ringkas tentang pembentukan kata bahasa Cina oleh Pian dan Wang (1999) seperti berikut:

Jadual 1.3

Pembentukan kata bahasa Cina

| Pembentukan kata | Contoh-contoh |
|---------------------------------------|--------------------------------|
| 1. 合成词/复合词 Pemajmukan | |
| a. 并列式 setara atau para taksis | 朋友 sahabat + handai = sahabat |
| Menggabungkan dua atau lebih morfem | 上下 atas + bawah = lebih kurang |
| yang seerti, lawan erti atau sejajar. | 城市 bandar + pecan = bandaraya |

sambung

| Pembentukan kata | Contoh-contoh |
|---|---|
| b. 偏正式 Endosentrik Kata depan ialah penerang dan kata belakang pula merupakan kepala. | 火车 api + kereta = keretapi 皮鞋 kulit + kasut = kasut kulit |
| c. 动宾式 Pelengkap/Kata kerja-Objek Kata depan adalah perbuatan dan kata belakang melengkapi perbuatan dengan objek. | 关心 tumpuan + hati = ambil perhatian 投资 lontar + modal = melabur |
| d. 谓补式 Pengiring/Kata kerja-Adverba Kata depan adalah perbuatan dan kata belakang cuma pengiring saja. | 提高 meningkat + tinggi = meningkatkan 说明 menerang + jelas = menjelaskan |
| e. 主谓式 Penerang/Subjek-Predikat Kata depan merupakan penerang dan kata belakang pula diterangkan. | 月亮 bulan + terang = bulan 地震 bumi + gempa = gempa bumi |
| 2. 附加式 Pengimbuhan/Derivasi/Terbitan Salah satu kata merupakan kata dasar dan satu lagi merupakan penambah atau imbuhan. | 老虎 tua + harimau = harimau 石头 batu+kepala = batu |
| 3. 重叠式 Penggandaan Dua perkataan yang berulang-ulang. | 星星 bintang + bintang = bintang 刚刚 baru + baru = baru-baru ini |

1.8 RINGKASAN BAB

Bab ini cuba memaparkan keunikan dan produktifnya kata majmuk setara, baik dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Cina. Selain itu, kekeliruan konsep dan istilah dalam penghuraian kata majmuk juga telah membuka ruang untuk perbincangan dalam kajian ini.

Dengan itu, kajian leksis dalam pembentukan kata majmuk setara harus dilaksanakan. Lebih-lebih lagi, bahan-bahan penulisan bandingan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina masih kurang di tanah air kita. Diharapkan kajian ini dapat memberi

gambaran yang jelas dari aspek binaan dalaman kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Memandangkan kemahiran multilingulisme dapat membantu komunikasi kita dalam masyarakat majmuk di negara kita, maka diharapkan kajian ini akan dapat memantapkan pengenalpastian kata majmuk setara baik dalam bahasa Melayu atau bahasa Cina dengan lebih tepat dan jelas.

BAB 2 KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 PENDAHULUAN

Kata majmuk setara (KMS) merupakan salah satu jenis kata majmuk (KM). Setakat ini, kebanyakan kajian lepas yang dilakukan merupakan kajian KM BM dan KM BC secara umum oleh sarjana tempatan dan luar negeri. Justeru itu, kajian kata KMS BM dan KMS BC secara spesifik memang kurang diselidiki. Bab ini hanya akan menumpu kepada bahagian KMS BM dan KMS BC yang pernah dibincangkan oleh sarjana tempatan dan luar negeri supaya dapat memperlihatkan perkaitan di antara kajian lepas dan kajian yang akan dijalankan. Bab ini akan menghuraikan konsep KMS BM dan konsep KMS BC dalam buku-buku tatabahasa yang dituliskan oleh para linguist dengan lanjutnya. Seterusnya, kajian-kajian lepas berkaitan dengan KMS BM dan KMS BC oleh para linguist tempatan dan luar negara akan dibincangkan.

2.2 KONSEP KMS BM

Liaw dan Abdullah (1994), Zaiton dan Nor Hashimah (2005), Abdullah (2006) dan Zaidi (2008) telah mengemukakan masalah KM bahasa Melayu dari aspek istilah, definisi, penggolongan, penentu ciri-ciri KM sama ada ianya bersifat sebagai kata, frasa, kata ganda atau simpulan bahasa, persoalan KM sepatutnya ditulis bersambung atau terpisah. Ternyata bahawa huraian masalah konsep KM tersebut akan menimbulkan kekeliruan terhadap konsep kata majmuk setara (KMS), lebih-lebih lagi jenis pembentukan kata ini kurang

diberi perhatian oleh para linguis. Oleh itu, permasalahan KMS BM akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh huraian para linguis dalam buku tatabahasa seperti di bawah ini.

2.2.1 Dwandwa

Mees (1969) menggunakan istilah ‘persenyawaan’ atau ‘komposit’ untuk pemajmukan. Beliau telah menerapkan konsep bahasa Sanskrit iaitu ‘persenyawaan’ yang dikemukakan oleh seorang sarjana tatabahasa bangsa Hindu, Panini (300 S. M.) ke dalam tatabahasa bahasa Melayu. Menurut beliau ‘persenyawaan’ ini dibahagikan kepada tiga jenis iaitu dwandwa, tarpurusha, bahuwrihi seperti berikut:

- i. Dwandwa yang merupakan persenyawaan bergabung atau komposit kopulatif iaitu bersifat eksosentrik yang merujuk kepada bahagian gabungannya adalah sedarjat atau setara, misalnya: laki bini, cantik molek, tua muda, lebih kurang, ini itu, jatuh bangun, harta benda, tanah air.
- ii. Tarpurusha iaitu komposit determinatif (yang menentukan). Ini bermakna bahagian kata yang kedua menerangkan bahagian kata pertama yang bersifat endosentrik, misalnya: pintu air, ibu kota, sapu tangan, tanah lapang, buah nangka, pohon jambu, bunga mawar, beras pulut.
- iii. Bahuwrihi iaitu komposit posesif yang menyatakan kepunyaan. Yang istimewa persenyawaan jenis ini mengambil kira sesuatu yang mempunyai sifat yang dimiliki ‘simpang dua’ ialah jalan yang bersimpang dua, ‘kaki tiga’ ialah kerusi yang mempunyai tiga kaki.

Beliau berpendapat bahawa penggolongan ‘persenyawaan’ mengikut kelas kata, misalnya kata nama, kata kerja dan kata adjektif adalah tidak memuaskan. Ini disebabkan kelas kata ‘persenyawaan’ keseluruhan itu tidak sepadan dengan komponen-komponennya. Beliau mengemukakan beberapa contoh ‘persenyawaan’ keseluruhan seperti, ‘tua muda’ merupakan kata nama tetapi komponen-komponennya adalah adjektif, ‘lalu lintas’ merupakan kata nama tetapi komponen-komponennya telah berubah menjadi kata kerja, ‘siang malam’ bersifat adjektif manakala komponen-komponennya pula merupakan kata nama. Beliau menyimpulkan sifat-sifat persenyawaan adalah:

- i. Kedua-dua komponennya mempunyai erti khusus.
- ii. Bahagian gabungan itu tidak boleh disifatkan satu persatu.
- iii. Bahagian gabungan itu biasanya kata dasar tetapi seluruh persenyawaan itu juga mengalami pengimbuhan, misalnya berjual-beli.

Dengan itu, persenyawaan yang dimaksudkannya adalah gabungan dua atau lebih kata dasar yang menghasilkan satu pengertian yang khusus. Perbincangan definisi dan penghuraian contoh-contoh Mees (1969) tentang dwandwa (persenyawaan bergabung atau komposit kopulatif) ini didapati amat menghampiri konsep KMS BC yang juga terbahagi kepada tiga jenis (seerti, berlawananan erti dan sejajar).

2.2.2 Kata Majmuk Setara

Istilah kata majmuk setara (KMS) telah dipilih oleh Liaw dan Abdullah (1994) untuk gabungan kata jenis ini. Liaw dan Abdullah (1994) membahagikan kata majmuk

bahasa Melayu kepada dua golongan besar, kata majmuk setara dan kata majmuk tidak setara, iaitu:

- i. kata majmuk setara/dwandwa yang terdiri daripada tiga jenis. Kata majmuk seerti (contoh: mala petaka, hutan rimba, sangkut paut), kata majmuk yang berlawanan erti (contoh: kaya miskin, buruk baik, tinggi rendah) dan kata majmuk sejajar (contoh: kampung halaman, pinggan mangkuk, rumah tangga).
- ii. kata majmuk tidak setara/tatpurusha yang bersifat DM (Diterangkan-Menerangkan) iaitu: kata nama diterangkan oleh kata nama, misalnya ‘air mata, matahari, anak buah’, kata nama diterangkan oleh kata sifat, misalnya ‘papan hitam, kerusi malas, orang tua’ dan juga kata nama diterangkan oleh kata kerja, misalnya ‘kapal terbang, buku kerja, nasi goreng’.

Seterusnya, Liaw dan Abdullah (1994) membahagikan KMS kepada tiga jenis berdasarkan makna perkataan:

- i. kata majmuk seerti: kata keduanya yang seerti atau hampir ertinya digunakan untuk menguatkan pengertian kata yang pertama. Contoh: mala petaka, hutan rimba, sangkut paut, tipu daya, mara bahaya.
- ii. kata majmuk yang berlawanan ertinya: kata keduanya mengandungi erti yang bertentangan dengan kata pertama. Contoh: kaya miskin, buruk baik, tinggi rendah, hina mulia, kecil besar.
- iii. kata majmuk sejajar: kata keduanya bukanlah kata seerti kata pertama dan bukan pula berlawanannya. Contoh: kampung halaman, pinggan mangkuk, rumah tangga, ibu bapa.

Walaupun begitu, Liaw dan Abdullah (1994) menerangkan terdapat sejumlah kata kerja yang boleh menjadi ‘kepala’ (bahagian utama) kepada kata majmuk tidak setara dengan contoh-contoh seperti ‘tanggungjawab, lalu lintas, turun naik dan pulang pergi’.

Kesemua contoh ini menimbulkan kekeliruan kerana dengan menggolongkan ‘tanggungjawab, lalu lintas, turun naik dan pulang pergi’ dalam kata majmuk tidak setara dan bukannya dalam golongan kata majmuk setara. Ini jelas menggambarkan penghuraian yang tidak seragam tentang KMS BM.

Yang menarik, Liaw dan Abdullah (1994) telah membincangkan kekeliruan tentang kata majmuk dan kata ganda yang masih belum mencapai persetujuan oleh para ahli bahasa. Liaw dan Abdullah (1994) tidak bersetuju dengan pendapat Abdullah (1980) yang menggolongkan ‘hutang piutang, saudara-mara’ sebagai kata ganda kerana Liaw dan Abdullah (1994) berpendapat bahawa ‘hutang’ dan ‘piutang’ merupakan gabungan dua kata dasar yang mempunyai hubungan berlawanan erti, sementara ‘saudara’ dan ‘mara’ pula merupakan dua kata yang bererti yang sejajar. Pada pendapat Liaw dan Abdullah (1994), kedua-dua kata gabungan ini sepatutnya merupakan kata majmuk setara (KMS) dan bukan kata ganda. Namun, Abdullah (2005) menerima ‘saudara-mara’ sebagai ‘kata ganda jenis gandaan rentak suku kata akhir’. Isu sama ada ‘saudara-mara’ sepatutnya merupakan kata majmuk setara (KMS) atau kata ganda sebenarnya masih mengelirukan. Berkenaan permasalahan KMS yang diperdebatkan ini sebenarnya memberi ruang untuk perbincangan atau kajian yang selanjutnya.

2.2.3 Frasa Setara Dan Frasa Kompleks Setara

Asmah (1993) telah membincangkan jenis ‘frasa setara’ dengan contoh-contoh yang seperti di bawah:

- i. frasa nama setara sinonim; contoh: kasih sayang, tubuh badan, ribut taufan
- ii. frasa nama setara antonim; contoh: ibu bapa, abang adik, datuk nenek.
- iii. frasa bilangan kompleks setara tanpa kata penghubung; contoh: satu dua ekor, lima enam orang.
- iv. frasa kerja majmuk sinonim; contoh: (ber)tegur sapa, (ber)sangkut paut, (ber)nikah kahwin.
- v. frasa kerja majmuk antonim; contoh: (ber)jual beli, (ber)soal jawab, keluar masuk, pulang pergi.
- vi. frasa sifat kompleks setara tanpa penghubung; contoh seerti: cantik molek, tinggi lampai, letih lesu, lemak manis.
- vii. frasa sifat kompleks setara tanpa penghubung; contoh berlawanan: pahit manis, kaya miskin, besar kecil.

Dalam frasa nama setara sinonim, beliau telah menghuraikan kombinasi kedua-dua kata yang terdiri daripada bahasa Melayu asli dan juga bahasa pinjaman. Misalnya, tubuh (Melayu) badan (Arab), ribut (Melayu) taufan (Arab), handai (Tamil) taulan (Arab), sahabat (Arab) handai (Tamil), sanak (Melayu) saudara (Sanskrit).

Selain itu, beliau menerangkan dua contoh penggabungan frasa sifat yang agak istimewa (pinjaman dari bahasa Cina): 高大 ‘besar tinggi’ (badan yang tinggi dan tegap), 矮

小 ‘kecil pendek’ (badan yang pendek dan kecil). Beliau telah menggunakan analisis komponen makna untuk menerangkan makna kedua-dua contoh ini. Kesimpulannya, kedua-dua contoh ini merupakan penggabungan yang mempunyai persamaan pada satu komponen makna ‘ketinggian’ sahaja iaitu:

| | |
|--------|--------------------------|
| besar | + keluasan, + ketinggian |
| tinggi | - keluasan, + ketinggian |
| kecil | - keluasan, - ketinggian |
| pendek | - keluasan, - ketinggian |

Dalam buku tatabahasa yang baru-baru ini, Asmah (2008) menggunakan istilah frasa kompleks setara untuk merujuk kepada gabungan kata jenis ini. Secara ringkas beliau membahagikannya kepada tiga jenis:

- i. frasa setara sinonim; contoh: sahabat handai, sanak saudara, ribut taufan
- ii. frasa setara antonim; contoh: ibu bapa, suami isteri, asam garam
- iii. frasa setara pelengkap; contoh: sirih pinang, makan minum, kecil molek

Dapat disimpulkan beliau telah melibatkan jenis gabungan kata jenis ini dari aspek binaan sintaksis (frasa) dan bukan lagi soal morfologi (kata).

2.2.4 Frasa Rangkap Kata

Abdullah dan Ainon (1994) menyatakan dua jenis frasa rangkap kata yang terdiri daripada makna yang hampir serupa dan makna yang bertentangan. Bagi frasa rangkap kata yang mempunyai makna yang hampir serupa, misalnya:

- i. rangkap kata nama dengan kata nama: jiran tetangga, kain baju, akar umbi.
- ii. rangkap kata kerja dengan kata kerja: tukar ganti, tokok tambah, pulang balik.
- iii. rangkap kata sifat dengan kata sifat: gagah berani, segan silu, sakit pening.

Kedua-kedua perkataan dalam frasa rangkap kata di atas merupakan gabungan kata yang tidak dapat diselitkan dengan perkataan lain di antara kedua-duanya. Jika diselitkan dengan perkataan lain maka makna rangkap kata akan berubah, contohnya ‘kerusi meja’ bermaksud ‘berbagai perabut’ yang merupakan frasa rangkap kata sementara ‘kerusi dan meja’ pula bermaksud hanya ‘kerusi’ dan ‘meja’ yang merupakan frasa biasa. Sementara frasa rangkap kata yang terdiri daripada dua makna yang bertentangan pula misalnya, ibu bapa, tua muda, hitam putih, jatuh bangun.

Mereka berpendapat bahawa ciri-ciri frasa rangkap kata mesti terdiri daripada dua perkataan yang memiliki kelas kata yang sama dan tidak boleh diselitkan dengan perkataan. Sekiranya frasa rangkap kata diikuti oleh penerang, penerang itu seharusnya dapat menerangkan kedua-dua perkataan sekaligus. Contohnya, ‘kerusi meja baru’, baru menerangkan ‘kerusi meja’ kerana ‘kerusi’ dan ‘meja’ kedua-duanya adalah inti. Sebaliknya bagi frasa biasa misalnya ‘kerusi rotan baru’, ‘rotan’ menerangkan ‘kerusi’ kerana ‘kerusi’ merupakan inti, manakala ‘baru’ pula menerangkan ‘kerusi rotan’. Mereka juga memasukkan sebilangan simpulan bahasa sebagai frasa rangkap kata seperti: sepak terajang, pahit maung, tenggelam timbul, tolak ansur, hujung pangkal dan pecah belah.

Selain itu, mereka menghuriakan frasa rangkap kata berdasarkan aspek makna yang dibahagikan kepada empat jenis makna iaitu makna golongan besar, makna ‘banyak’ dan ‘amat’, makna ‘semua’ dan makna ‘sangat’ dengan contoh-contoh seperti berikut:

- i. makna golongan besar (generik):
pinggan mangkuk = semua barang kegunaan makan minum, termasuk sudu, garpu, cawan, gelas dan lain-lain
kerusi meja = semua jenis perabut
cerdik pandai = semua pakar dalam segala bidang
- ii. makna ‘banyak’ dan ‘amat’:
caci maki = segala macam cacian dan makian dan jenis yang amat buruk
hutan rimba = segala macam hutan yang besar-besar
pahit maung = segala pengalaman yang buruk-buruk
- iii. makna ‘semua’:
kecil besar = semua saiz
tua muda = semua usia
untung rugi = semua nasib
- iv. makna ‘sangat’:
basah kuyup = sangat basah
hitam legam = sangat hitam
pucat lesi = sangat pucat

Abdullah (2005, 2006, 2008) telah merombak semula perbincangannya tentang morfologi mengikut perkembangan bahasa Melayu yang terkini. Beliau menekankan contoh-contoh yang beliau gunakan adalah selaras dengan Nik Safiah et al. (2005). Dapat disimpulkan, konsep kata majmuk Abdullah (2005, 2006, 2008) selaras dengan konsep Nik Safiah et al. (2005). Ini bermakna kata majmuk (KM) merupakan binaan perkataan yang lazimnya terdiri daripada dua kata, di mana setiap kata boleh terdiri daripada kata akar atau kata terbitan. Walaupun sedemikian, istilah Abdullah (2005, 2006, 2008) rangkap kata

selaras dengan kajian lepas beliau bersama Ainon (Abdullah & Ainon, 1994) iaitu frasa rangkap kata. Beliau berhujah bahawa rangkap kata adalah dua perkataan yang lain sama sekali. Misalnya, ‘cerdik pandai’ merupakan rangkap kata kerana bentuk perkataan ‘pandai’ bukan merupakan ‘pengganda’ kepada cerdik, sebaliknya ‘pandai’ ialah ‘pasangan rangkap’ kepada ‘cerdik’. Beliau telah memberi contoh-contoh mengikut kelas kata seperti berikut:

| | |
|------------------------------|--------------------------------|
| pinggan mangkuk (kata nama) | kerusi meja (kata nama) |
| budi bahasa (kata nama) | sawah ladang (kata nama) |
| periuk belanga (kata nama) | adat kebiasaan (kata nama) |
| caci maki (kata kerja) | tendang terajang (kata kerja) |
| sangkut paut (kata kerja) | kata nista (kata kerja) |
| tepuik tampar (kata kerja) | gemuk gedempol (kata adjektif) |
| sopan santun (kata adjektif) | kurus kering (kata adjektif) |
| gagah berani (kata adjektif) | hitam legam (kata adjektif) |

Dengan perbezaan sudut pandangan para penahu bahasa Melayu, ‘frasa rangkap kata’ yang dimaksudkan di atas menimbulkan kekeliruan dan persoalan tentang bagaimana bentuk kata majmuk, kata ganda dan frasa dapat dibezakan.

2.2.5 Kata Majmuk Atau Frasa

Nik Safiah et al. (2008) pula menyatakan kata majmuk merupakan dua kata dasar atau lebih dirangkaikan dan membawa makna yang khusus. Terdapat tiga kelompok iaitu:

- i. kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas
- ii. kata majmuk yang berbentuk istilah khusus

- iii. kata majmuk yang mendukung maksud kiasan, iaitu simpulan bahasa

Dari segi penggolongan kata, mereka telah membahagikan kata majmuk mengikut kelas kata, iaitu kata nama majmuk, kata kerja majmuk dan kata adjektif majmuk. Secara amnya, penjenisan kata majmuk (misalnya rangkaian kata bebas, istilah khusus, maksud kiasan/simpulan bahasa) dan penggolongan kata majmuk (kata nama majmuk, kata kerja majmuk dan kata adjektif majmuk) ini merupakan deskripsi kata majmuk yang umum.

Selain itu, Nik Safiah et al. (2008) menyarankan bahawa dalam bahasa Melayu kebanyakan kata majmuk terdiri daripada golongan kata nama. Didapati contoh ‘ibu bapa’ bukan sahaja muncul sebagai kata majmuk bahkan dalam binaan ‘frasa nama: inti + inti’ dengan maksud lawan erti contoh ‘ibu bapa’ sekali lagi dijumpai. Adakah ini bermakna Nik Safiah et al. (2008) bersetuju bahawa ada segolongan perkataan mendukung dua konsep, iaitu kata majmuk dan frasa secara serentak atau bertindih? Ternyata sekali contoh-contoh ini menimbulkan kekeliruan pengguna bahasa terhadap konsep kata majmuk dan konsep frasa.

Perbincangan kata majmuk setara bahasa Melayu (KMS BM) oleh para linguist di atas boleh diringkaskan kepada Jadual 2.1 di bawah ini:

Jadual 2.1

Ketidakselarasan konsep KMS BM oleh para linguist

| Penahu-penahu | Istilah dan penggolongan | Contoh-contoh |
|--|---|---|
| 1. Mees (1969) Dwandwa, Persenyawaan bergabung, Komposit kopulatif | Dwandwa, persenyawaan bergabung atau komposit kopulatif | laki bini, cantik molek, tua muda, lebih kurang, ini itu, jatuh bangun, harta benda, tanah air |
| 2. Asmah (1993) Frasa setara | a. frasa nama setara sinonim b. frasa nama setara antonim c. frasa bilangan kompleks setara tanpa kata penghubung d. frasa kerja kompleks setara atau majmuk e. frasa kerja majmuk sinonim f. frasa sifat kompleks setara tanpa penghubung | kasih sayang, tubuh badan ibu bapa, abang adik satu dua ekor, lima enam orang makan minum, jatuh bangun nikah kahwin, campur gaul penat lelah, pahit manis, kaya miskin |
| 3. Asmah (2008) Frasa kompleks setara | a. frasa setara sinonim b. frasa setara antonim c. frasa setara pelengkap | sahabat handai, sanak saudara, ribut taufan ibu bapa, suami isteri, asam garam sirih pinang, makan minum, kecil molek |
| 4. Abdullah dan Ainon (1994) Frasa rangkap kata | i. Makna yang hampir serupa a. rangkap KN dengan KN b. rangkap KK dengan KK c. rangkap KA dengan KA ii. Makna yang bertentangan | sawah ladang, harta benda tukar ganti, cerai berai kerus kering, hitam legam ibu bapa, tua muda, tinggi rendah, hina mulia |
| 5. Liaw dan Abdullah (1994) Kata majmuk setara | a. seerti: kata keduanya yang seerti atau hampir ertinya digunakan untuk menguatkan pengertian kata yang pertama b. berlawanan ertinya: kata keduanya mengandungi erti yang bertentangan dengan kata pertama. c. sejajar: kata keduanya bukanlah kata seerti kata pertama dan bukan pula berlawanannya | mala petaka, hutan rimba, sangkut paut kaya miskin, buruk baik, tinggi rendah kampung halaman, pinggan mangkuk, rumah tangga |

sambung

| Penahu-penahu | Istilah dan penggolongan | Contoh-contoh |
|-----------------------------|--------------------------------|--|
| 6. Nik Safiah et al. (2008) | Kata nama majmuk Frasa nama | ibu bapa, kakitangan hutan rimba, pinggan mangkuk |

Daripada huraian para linguist di atas, dapat disimpulkan mereka masing-masing menggunakan istilah yang berbeza, konsep yang jauh berlainan untuk menerangkan gabungan kata jenis ini. Mees (1969), Liaw dan Abdullah (1994) menyatakan gabungan kata jenis ini bersifat sebagai kata majmuk (KM). Namun Asmah (1993, 2008) merujuk kepada frasa setara, Abdullah dan Ainon (1994) dan Abdullah (2006) pula sebagai frasa rangkap kata, Nik Safiah et al. (2008) tidak banyak menyentuh pembentukan jenis ini sehingga hanya satu contoh ‘ibu bapa’ yang muncul sebagai kata majmuk dan juga frasa nama. Oleh yang demikian, ketidakselarasan konsep kata majmuk setara dalam bahasa Melayu merupakan permasalahan kajian ini yang akan dibincangkan dengan lebih lanjutnya dalam kajian-kajian lepas para linguist tempatan.

2.3 KONSEP KMS BC

Kesulitan dalam penghuraian kata majmuk bahasa Cina pula berbeza dengan bahasa Melayu. Bahasa Cina pula menghadapi kekeliruan tentang konsep perkataan (*word*). Konsep tata bahasa barat dalam penerangan *word* didapati adalah agak sukar diterapkan untuk menghuraikan binaan konstituen-konstituen kata majmuk bahasa Cina (Wang, 2007; Duan, 2002; Ceccagno & Scalise, 2006).

Xu (2001, 2008) berpendapat bahawa sebenarnya dalam morfologi bahasa Cina, konsep ‘*zi*’ 字 adalah berbeza daripada konsep *word* dalam bahasa Inggeris, lebih-lebih lagi proses pembentukan perkataan seperti pemajmukan dan pengimbuhan. Oleh yang demikian, kata majmuk diistilahkan oleh Xu (2001, 2008) sebagai ‘kumpulan huruf’ 字组.

Selain itu, Duan (2002) telah membincangkan permasalahan morfem ‘akar terikat’ *bound roots* yang dikemukakan oleh Packard (2000) dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Dalam bahasa Inggeris, morfem ‘akar terikat’ *bound roots* misalnya ‘*logy*’ mesti mengikut susunan tertentu dalam membentuk perkataan seperti ‘*biology, sociology*’. Namun begitu, keadaan yang sebalik berlaku dalam bahasa Cina kerana ‘akar terikat’ *bound root* 粘着词根 dalam bahasa Cina boleh terdiri daripada satu huruf tanpa mengikut susunan tertentu. Misalnya itik 鸭 bergabung dengan anak 子 menjadi ‘itik + anak 鸭子 = itik 鸭’. Oleh sebab dalam bahasa Cina itik 鸭 bukan dianggap sebagai perkataan tetapi merupakan ‘akar terikat’ *bound root* 粘着词根 yang boleh terletak di sebelah kiri atau kanan untuk membentuk perkataan seperti: 小鸭 (kecil + itik = anak itik) atau 鸭毛 (itik + bulu = bulu itik). Persoalan yang dikemukakan oleh linguist di atas menunjukkan konsep pembentukan kata majmuk dalam bahasa Cina adalah kompleks dan berbeza dengan konsep morfem ‘akar terikat’ *bound root* bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, pada dasarnya kata majmuk setara (KMS) dalam buku-buku tatabahasa para linguist bahasa Cina menampakkan keselarasan dari segi istilah dan konsep. Dari segi istilah, para linguist bahasa Cina menggunakan dua istilah, iaitu kata komposit 合成词 atau kata majmuk 复合词. Dari segi jenis pula, secara amnya dua istilah digunakan

iaitu koordinat 并列式 atau gabungan 联合式. Zhou (2006) menggunakan istilah kata majmuk koordinat 并列式复合词 sementara kebanyakan ahli-ahli linguistik seperti Huang dan Liao (1997), Liu (2003), Zhu (1999), Chen (2001), Ge (2002) menggunakan istilah kata majmuk jenis gabungan 联合式复合词.

Dari segi definisi, kata majmuk setara bahasa Cina (KMS BC) adalah terdiri daripada dua atau lebih morfem-morfem yang bergabung menjadi satu unit kesatuan yang mempunyai makna seerti, sejajar atau berlawanan. Para linguistik bahasa Cina secara amnya menghuraikan kata majmuk setara dari aspek makna.

Chen (2001) membahagikan kata majmuk jenis gabungan 联合式复合词 kepada tiga jenis:

i. 同义联合 Gabungan jenis seerti:

根本 (akar + asal = asal usul)

喜欢 (suka + suka = suka)

计算 (kira + kira = membilang)

ii. 对称联合 Gabungan jenis bersimetri atau berlawanan:

买卖 (jual + beli = berniaga)

黑白 (hitam + putih = hitam dan putih atau betul dan salah)

早晚 (siang + malam = siang malam atau akhirnya)

iii. 平行联合 Gabungan jenis sejajar:

高大 (tinggi + besar = badan tinggi dan gagah)

心肠 (hati + usus = hati atau niat)

笔墨 (pen + dakwat = penulisan)

Ge (2002) pula berpendapat bahawa kata majmuk jenis gabungan 联合式复合词 merupakan penggabungan kata yang dapat dibahagi kepada seerti, berlawanan erti dan sejajar:

i. 同义联合 Gabungan jenis Seerti:

朋友 (kawan + kawan = kawan)

语言 (kata + kata = bahasa)

别离 (pisah + pisah = berpisah)

行走 (jalan + jalan = berjalan)

艰难 (susah + susah = kesusahan)

美丽 (cantik + cantik = cantik)

ii. 反义联合 Gabungan jenis berlawanan erti:

是非 (betul + salah = betul salah)

来往 (balik + pergi = pergi balik)

开关 (buka + tutup = suis)

买卖 (beli + jual = perniagaan)

今昔 (kini + dahulu = dahulu dan sekarang)

长短 (panjang + pendek = kepanjangan/kemalangan/betul salah)

iii. 意义相关联合 Gabungan jenis sejajar:

领袖 (leher baju + lengan baju = pemimpin) 骨肉 (tulang + daging = adik beradik)

记载 (mencatat + memuat = merekod)

清凉 (sejuk + segar = sejuk dan segar)

描写 (menyurih/melukis + menulis = menyatakan)

安乐 (tenang + gembira = tenang dan senang hati)

Selain itu, makna kata majmuk setara bahasa Cina (KMS BC) juga dihuraikan dengan lanjut oleh para linguist seperti Huang dan Liao (1997), Liu (2003) dan Pian dan

Wang (1999). Mereka mendapati makna KMS BC boleh bersifat sejajar 意义相关联合, bergabung untuk membentuk makna baru 新的意义 atau salah satu makna yang berfungsi sebagai makna yang berat sebelah 偏义词 seperti berikut:

- i. makna dua kata bersifat sejajar 意义相关联合

美好 (cantik + elok = gembira dan bahagia) 寒冷 (dingin + sejuk = sejuk)

善良 (baik + bagus = baik)

- ii. makna dua kata bergabung membentuk makna baru 新的意义:

骨肉 (tulang + daging = adik beradik) 尺寸 (kaki + inci = saiz)

风浪 (angin + ombak = halangan/cabaran)

- iii. salah satu makna yang berfungsi iaitu makna yang berat sebelah 偏义词:

国家 (negara + keluarga = negara) 忘记 (lupa + ingat = lupa)


动静 (gerak + diam = gerak geri/suara)

Secara amnya dapat dirumuskan bahawa istilah dan definisi KMS BC oleh para linguist adalah seragam dan selaras, hanya terdapat perbezaan penghuraian jenis KMS dari perspektif makna sahaja.

2.4 KONSEP KMS OLEH PARA LINGUIS BARAT

Menurut Mortensen (2003), banyak istilah telah digunakan oleh para linguist barat untuk merujuk kepada KMS bahasa Inggeris, misalnya: *dvandva compounds*, *copulative compounds*, *appositional compounds*, *parallel compounds*, *coordinating compounds*, *co-compounds*, *symmetrical compounds*, *redundant compounds*, *fixed binomials*, *binoms*.

Sarjana linguistik barat Ceccagno dan Scalise (2006) mencadangkan kata majmuk setara (KMS) dengan istilah *coordinate compound* digunakan agar selaras dengan kajian kata majmuk (KM) Bisetto dan Scalise (2005) seperti Rajah 2.1 berikut:



Rajah 2.1. Klasifikasi kata majmuk

Sumber daripada “The classification of compounds,” oleh Bisetto dan Scalise, 2005, *Lingue e Linguaggio*, IV, 2, 319-332.

Ini bererti kata majmuk dalam pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006), pada tahap pertama yang meliputi aspek perhubungan tata bahasa yang dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu *subordinate compound*, *attributive compound* dan *coordinate compound*. Pada tahap kedua yang melibatkan aspek semantik, ketiga-tiga jenis kata majmuk ini dapat dibahagikan kepada endosentrik dan eksosentrik. Endosentrik yang merujuk kepada salah satu kata merupakan ‘kepala’ bagi sesuatu perkataan, iaitu makna utama perkataan tersebut misalnya, 国家 ‘negara + keluarga = negara’ dan eksosentrik pula merupakan perkataan yang tidak mempunyai ‘kepala’, iaitu dua kata tersebut membentuk makna perkataan yang baru, misalnya 骨肉 ‘tulang + daging = adik beradik’. Penghuraian yang lebih jelas dengan contoh-contoh tiga jenis kata majmuk (*Subordinate*, *Attributive*, *Coordinate*) telah dipaparkan oleh Ceccagno dan Scalise (2006) seperti berikut:

| | | |
|--------------------|----|---------------------------------------|
| <i>Subordinate</i> | 手表 | $[N+N]$ 'hand + clock = watch' |
| <i>Attributive</i> | 白菜 | $[A+N]$ 'white + vegetable = cabbage' |
| <i>Coordinate</i> | 呼吸 | $[V+V]$ 'exhale + inhale = breathe' |

Secara amnya, konsep KMS *coordinate compound* yang digunakan dalam kajian Ceccagno dan Scalise (2006) dijadikan rujukan utama dalam kajian ini. Dapat disimpulkan, bukan mudah untuk memberi definisi yang tepat tentang KMS *coordinate compound*. Kesulitan ini terbukti oleh pendapat ahli-ahli linguistik baik di timur mahupun di barat seperti yang telah dibincangkan. Pada dasarnya, kekeliruan konsep KMS BM oleh para linguistik tempatan sama ada bentuk kata ini merupakan kata majmuk, frasa, frasa setara, frasa rangkap kata atau kata ganda. Dengan itu, dalam kajian ini, istilah KMS oleh Liaw dan Abdullah (1994) dipilih kerana memandangkan ianya amat menghampiri konsep penghuraian KMS BC 并列式复合词 juga yang dibahagikan kepada tiga jenis iaitu: kata majmuk seerti 同义, kata majmuk yang berlawanan ertinya 反义 dan kata majmuk sejajar 近义. Jadual 2.2 di bawah menunjukkan huraian secara ringkas istilah KMS BC oleh para linguistik negara Cina dan negara Barat.

Jadual 2.2

Huraian KMS BC oleh para linguist negara Cina dan negara Barat

| Para linguist | Jenis KMS | Contoh-contoh KMS |
|--|--|--|
| 1. Chen (2001) 并列式复合词 kata majmuk koordinat | a. 同义联合 Gabungan jenis seerti b. 对称联合 Gabungan jenis bersimetri/berlawanan c. 平行联合 Gabungan jenis sejajar | 根本 akar + asal = asal usul 喜欢 suka + suka = suka 计算 kira + kira = membilang 买卖 jual + beli = berniaga 黑白 hitam + putih = hitam dan putih/betul dan salah 高大 tinggi + besar = badan tinggi dan gagah 心肠 hati + usus = hati/niat |
| 2. Ge (2002) 联合式复合词 kata majmuk jenis gabungan | Merupakan penggabungan kata akar mengikut pendekatan sintaktik. a. 同义联合 Gabungan jenis seerti b. 反义联合 Gabungan jenis berlawanan erti c. 意义相关联合 Gabungan jenis sejajar | 朋友 kawan + kawan = kawan 语言 kata + kata = bahasa 来往 balik + pergi = pergi balik 开关 buka + tutup = suis 领袖 leher baju + lengan baju = pemimpin 骨肉 tulang + daging = adik beradik |
| 3. Huang dan Liao (1997), Liu (2003) dan Pian dan Wang (1999). 联合式复合词 kata majmuk jenis gabungan | a. bersifat sejajar/saling melengkapi 意义相关联合 b. bergabung membentuk makna baru 新的意义 c. makna yang berat sebelah 偏义词 | 美好 cantik + elok = gembira dan bahagia 寒冷 sejuk + sejuk = sejuk 骨肉 tulang + daging = adik beradik 风浪 angin + ombak = halangan/cabaran 国家 negara + keluarga = negara 忘记 lupa + ingat = lupa |
| 4. Ceccagno dan Scalise (2006) <i>coordinate compound</i> | <i>Exocentric or two-headed</i> <i>Exocentric (no head)</i> | 店铺 shop + shop = shop 裁缝 (to) cut + (to) sew = tailor 大小 large + small = size |

2.5 KAJIAN KMS BM

Sehingga kini, kata majmuk bahasa Melayu (KM BM) telah dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa tempatan tetapi kajian tentang kata majmuk setara bahasa Melayu (KMS BM) secara spesifik belum lagi dikaji. Oleh itu, hanya bahagian yang berkaitan dengan KMS atau idea yang dapat dijadikan panduan sahaja dalam kajian-kajian lepas akan dipetik oleh pengkaji. Lima aspek tentang kajian KMS BM yang akan dibincangkan iaitu: tatabahasa, morfologi, morfosintaksis, semantik dan pragmatik, data korpus.

2.5.1 Aspek Tatabahasa

Konsep KM BM dan konsep KMS BM telah dibincangkan daripada aspek tatabahasa oleh Mees (1969), Asmah (1993, 2008), Abdullah dan Ainon (1994), Liaw dan Abdullah (1994), Nik Safiah et al. (2008). Penghuraian dan persoalan tentang kata majmuk dari aspek bentuk, fungsi, ciri-ciri dengan istilah yang berbeza berserta contoh-contoh telah dinyatakan seperti di atas. Untuk menangani masalah ketidakselarasan istilah KMS BM ini, kajian ini menggunakan istilah KMS (kata majmuk setara) yang digunakan oleh Liaw dan Abdullah (1994) kerana penghuraian konsepnya selaras dan agak menghampiri dengan konsep KMS BC. Selain itu, memandangkan istilah dan penghuraian *coordinate compound* oleh Ceccagno dan Scalise (2006) juga didapati sesuai dengan penghuraian ciri-ciri KMS BM dan KMS BC kajian ini. Dengan itu, kajian Ceccagno dan Scalise (2006) ini dijadikan rujukan utama dalam kajian ini.

2.5.2 Aspek Morfologi

Rogayah (1997) membincangkan kajian dua penahu tempatan dalam binaan dalaman kata majmuk dengan mengikut lunas-lunas kajian linguistik barat. Menurut Rogayah (1997), Abdullah (1974) menggunakan konsep kepala (pendekatan Bloomfield) dan Hashim (1993) menggunakan teori Transformasi Generatif dalam menghuraikan struktur kata majmuk. Menurut Hashim (1993), komponen tatabahasa mengikut aliran Transformasi Generatif mengandungi lima komponen iaitu komponen leksikon, komponen kategori atau struktur, komponen transformasi, komponen fonologi dan komponen semantik. Kedua-dua ahli bahasa ini bukan sekadar memaparkan sifat-sifat kata majmuk tetapi cuba memperlihatkan binaan dalaman kata majmuk bahasa Melayu.

Rohizah (1997) pula menggunakan pendekatan morfologi kaedah IA (Item dan atur) untuk menerangkan proses pembentukan KM BM. KM BM diteliti oleh beliau daripada perspektif perbandingan antara dua laras iaitu teks sastera dan teks sains ilmiah. Kajian tersebut sama seperti dua kajian di atas tidak menyentuh langsung tentang kata majmuk setara. Namun ketiga-tiga kajian telah memaparkan KM BM dengan pendekatan yang berlainan. Teoritis barat yang digunakan dalam menerangkan pembentukan kata dapat meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang konstruksi dalaman KM BM.

Sumalee (1995) menerapkan teori morfologi yang berdasarkan kriteria sintaksis dan kriteria semantik untuk melihat kata majmuk daripada perspektif perbandingan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Sumalee telah mengkaji dari aspek konstruksi kata majmuk, perjenisan kata majmuk, bentuk serta fungsi kata majmuk dan maknanya dalam

dua bahasa. Beliau menganalisis data-data kata majmuk berdasarkan 21 naskah majalah masing-masing dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Yang menarik perhatian, beliau menggunakan istilah Liaw (1985), iaitu kata majmuk kopulatif yang dibahagi kepada konstruksi kopulatif seerti, konstruksi kopulatif yang berlawanan erti dan konstruksi kopulatif sejajar dalam kajiannya. Perbincangan tentang kata majmuk kopulatif hanya merupakan salah satu bahagian daripada kajiannya.

Beliau merumuskan hasil kajian dari aspek statistik ini telah menunjukkan penggunaan kata majmuk kopulatif dalam bahan bahasa Melayu meliputi 29.17% berbanding dengan bahasa Thai sebanyak 22% daripada kata majmuk keseluruhan.

2.5.3 Aspek Morfosintaksis

Mohamed (1999) menggunakan pendekatan elektrik dalam menelusuri konstruksi leksikal dan semantik kata majmuk bahasa Melayu dari perpestif morfosintaksis. Kajian beliau yang menarik adalah bahagian tentang konstruksi kopulatif yang terdiri daripada konstruksi sinonim, konstruksi antonim dan konstruksi sejajar. Beliau menggunakan konsep koindeks untuk merelisasikan konstruksi dan semantik kata majmuk kopulatif. Data kata majmuk bagi analisis ini diambil daripada kajian Liaw dan Abdullah (1994) dan kajian Sumalee (1995) kerana hanya dua pengkaji ini yang menerangkan konstruksi kata majmuk dengan menggunakan istilah kopulatif. Konstruksi kajian tersebut dianalisis berdasarkan kategori kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Didapati kajian tersebut menghuraikan konstruksi dari aspek semantik seperti contoh-contoh di bawah bagi jenis sinonim:

i. Contoh: Konstruksi KN KN

hutan rimba

sampah sarap

R = tempat

R = hasil buangan

Ω = kawasan hutan yang luas dan besar

Ω = bermacam-macam jenis sampah

ii. Contoh: Konstruksi KK KK

sangkut paut

silih ganti

R = pertalian

R = tukar

Ω = hubungan atau perkaitan

Ω = saling berganti

iii. Contoh: Konstruksi KA KA

susah payah

bersih suci

R = kesulitan

R = murni

Ω = sangat susah

Ω = tidak tercemar

Oleh sebab kajian tersebut mengkaji kata majmuk secara keseluruhan, bahagian kata majmuk kopulatif walaupun sedikit sahaja dengan menggunakan simbol teori elektrik ‘ R ’ yang bermaksud makna secara umum dan ‘ Ω ’ merupakan makna yang secara khusus tetapi penghuraian konstruksi kopulatif ini sedikit sebanyak telah menyumbangkan idea yang berguna untuk KMS kajian ini.

2.5.4 Aspek Semantik Dan Pragmatik

Zaiton dan Nor Hashimah (2005) telah menggunakan analisis semantik dan pragmatik untuk menyelesaikan masalah perbezaan kata majmuk dengan frasa. Mereka

telah memberikan satu gambaran yang jelas tentang konsep kata majmuk yang menyeluruh oleh para penahu tempatan.

Di samping itu, dua jadual tentang ketidakselarasan pencirian oleh penahu tentang kata majmuk secara ringkas dan padat telah diperkemaskan oleh mereka berdasarkan kajian-kajian awal yang telah dibuat oleh para penahu seperti Jadual 2.3 dan Jadual 2.4 di bawah:

Jadual 2.3

Pencirian kata majmuk (unsur binaan) menurut penahu

| Pencirian | Penahu | | | | | |
|-------------------------------|------------------|---------------|--------------------|---------------|---------------|-------------------|
| kata majmuk (unsur binaan) | Abdullah 1987 | Asmah 1982 | Nik Safiah 1997 | Aisah 1978 | Arbak 1984 | Harimurti 2001 |
| Morfem/kata | √ | | | | | √ |
| akar/terbitan | | | | | | |
| Morfem bebas/partikel | | √ | | √ | | |
| Kata dasar/perkataan | | | √ | | | |
| Perkataan bentuk bebas | | | | | √ | |
| Panduan leksem | | | | | | √ |

Nota. Sumber daripada Zaiton dan Nor Hashimah (2005)

Jadual 2.4

Pencirian kata majmuk (hubungan bentuk) menurut penahu

| Pencirian | Penahu | | | | | |
|--|------------------|---------------|--------------------|---------------|---------------|-------------------|
| kata majmuk (hubungan bentuk) | Abdullah 1987 | Asmah 1982 | Nik Safiah 1997 | Aisah 1978 | Arbak 1984 | Harimurti 2001 |
| Konstruksi sintaktik (hukum DM) dan konstruksi bukan sintaktik (hukuman MD) | √ | | | | | √ |
| Tidak boleh ditransformasikan | | | | √ | | |
| Ketidakbolehsisipan | | | √ | √ | | √ |
| Persenyawaan | | | | | √ | |
| Ketidakbolehbalikan | | | | | | √ |
| Ketidakbolehluasan | √ | | | | | √ |

Nota. Sumber daripada Zaiton dan Nor Hashimah (2005)

Zaiton dan Nor Hashimah (2005) meperlihatkan pencirian kata majmuk dengan berdasarkan dua kriteria:

- i. Kriteria Bentuk yang melihat kata majmuk dari aspek unsur binaan, hubungan bentuk dan imbuhan;
- ii. Kriteria Semantik yang melihat kata majmuk dari aspek hubungan semantik, terutama kesatuan makna.

Selain itu, kajian Zaiton dan Nor Hashimah (2005) telah membincangkan masalah ketidaktekalan kedudukan entri kata majmuk dalam KDE3 (1994) dan mengesyorkan cara masukan yang dapat memantapkan penyusunan kamus. Hanya lima kata majmuk (ibu ayam, ibu keladi, ibu saudara, ibu angkat dan rumah ibu) dan lima frasa (ibu jari, ibu mentua dan ibu kandung, ibu bapa, ibu kaki) dianalisis dengan pendekatan semantik dan pragmatik. Yang menarik adalah dapatan kajian ini merumuskan ‘ibu bapa’ sebagai frasa berdasarkan pendekatan semantik dan pragmatik yang digunakan dan bukannya kata

majmuk setara. Ini membuktikan persoalan kata majmuk setara amat perlu dikajikan secara lanjutnya (rujuk kepada Jadual 2.5).

Jadual 2.5

Perbandingan data terpilih berdasarkan tiga ciri kriteria bentuk

| Data (gabungan kata) | Ketidakbolehsisipan | Ketidakbolehbalikan | Ciri imbuhan | Hasil |
|-------------------------|---------------------|---------------------|-----------------|-------------|
| ibu ayam | √ (KM) | √ (KM) | √ (KM) | Kata Majmuk |
| ibu keladi | √ (KM) | √ (KM) | √ (KM) | Kata Majmuk |
| ibu saudara | √ (KM) | √ (KM) | √ (KM_) | Kata Majmuk |
| ibu angkat | √ (KM) | √ (KM) | √ (KM) | Kata Majmuk |
| rumah ibu | √x (KM)/(F) | √ (KM) | √ (KM) | Kata Majmuk |
| ibu jari | √x (KM)/(F) | x (F) | √ (KM) | Frasa |
| ibu mertua | x (F) | √ (KM) | √ (KM) | Frasa |
| ibu kandung | x (F) | √ (KM) | √ (KM) | Frasa |
| ibu bapa | x (F) | √ (F) | √ (KM) | Frasa |
| ibu kaki | x (F) | x (F) | √ (KM) | Frasa |

Nota.Sumber daripada Zaiton dan Nor Hashimah (2005).

2.5.5 Aspek Penggunaan Data Korpus

Zaidi (2008) telah menggunakan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Universiti Sains Malaysia (PDK DBP-USM) dalam penyelidikan kata majmuk Bahasa Melayu. Beliau meninjau persoalan kata majmuk yang kontroversial

tentang definisi kata majmuk, ciri-ciri penentuan kata majmuk, perbezaan antara kata majmuk dengan frasa dan kesalahan penulisan kata majmuk.

Zaidi (2008) mengemukakan sembilan ciri penentu kata majmuk berdasarkan pendapat-pendapat ahli bahasa seperti Nik Safiah et al. (1997), Abdullah dan Ainon (1994), Asmah (1993), Arbak (1985), Harimuti (1992), M. Ramlan (1987) dan Gorys Keraf (1984) seperti berikut:

- i. Tidak boleh menerima sebarang penyisipan
- ii. Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya
- iii. Bertabiat sebagai satu perkataan
- iv. Mempunyai makna yang khas dan tertentu
- v. Terbentuk menurut hukum DM (diterangkan-menerangkan), contoh: rumah (D) sakit (M)
- vi. Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan: kata majmuk dan frasa
- vii. Kata majmuk boleh digandakan penuh dan diganda separa
- viii. Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran, contohnya: berbulan madu, bercampur aduk, daya serapan, tandatangani
- ix. simpulan bahasa merupakan salah satu bentuk kata majmuk

Kajian Zaidi (2008) ini langsung tidak menyentuh tentang kata majmuk setara tetapi telah membincangkan kata majmuk bahasa Melayu dengan menggunakan data korpus. Perbincangan kajian ini meliputi tiga aspek, iaitu aspek bentuk kata majmuk (kata majmuk dasar, kata majmuk berimbuhan dan kata majmuk ganda), aspek rangkai kata dua posisi (kata majmuk dan frasa) dan aspek salah eja kata majmuk.

Namun dapatan kajian yang berguna ini dijadikan rujukan yang penting dalam mengenalpastian ciri-ciri KM BM. Seterusnya, memandangkan KMS merupakan salah satu golongan KM maka kajian ini akan cuba menggunakan penentu ciri-ciri kata majmuk bahasa Melayu (KM BM) oleh Zaidi (2008) untuk menguji ciri-ciri data KMS BM dan KMS BC serta perbandingan bahasa dilaksanakan.

2.5.6 Rumusan Ringkas Kajian-kajian Lepas Tentang KMS BM

Pendek kata, setakat ini kata majmuk secara keseluruhan telah dikaji oleh ramai ahli bahasa tempatan tetapi kata majmuk setara bahasa Melayu secara spesifik belum lagi dikaji.

Oleh itu kajian-kajian di atas hanya bahagian yang berkaitan dengan KMS atau yang dapat dijadikan panduan utama dalam mengenalpastian KM BM sahaja dipetik oleh pengkaji untuk dibincangkan. Jadual 2.6 di bawah memberi tinjauan ringkas tentang kajian KMS BM.

Jadual 2.6

Kajian-kajian lepas tentang KMS BM

| Aspek | Kajian tentang KMS BM |
|---------------|---|
| 1. Tatabahasa | Mees (1969), Asmah (1993, 2008), Abdullah dan Ainon (1994), Liaw (1994), Nik Safiah et al. (2008). Huraian konsep KM secara am dan hanya sedikit berkaitan tentang KMS. |
| 2. Morfologi | Abdullah (1974) menggunakan konsep kepala dengan Pendekatan Bloomfield menghurai struktur KM (tidak menyentuh tentang KMS). |

sambung

| Aspek | Kajian tentang KMS BM | | | | | | | | |
|--------------------------|--|--------------|---------------|------------|-------------------|--------------------------|----------------------|---------------------|--------------------|
| | <p>Hashim (1993) dengan kaedah Transformasi Generatif untuk menghurai struktur KM (tidak menyentuh tentang KMS).</p> <p>Rohizah (1997) dengan kaedah IA (Item & atur) untuk menerangkan proses pembentukan KM dengan perbandingan teks sastra dan teks sains ilmiah (tidak menyentuh tentang KMS).</p> <p>Sumalee (1995) dengan teori morfologi berdasarkan kriteria sintaksis dan kriteria semantik membandingkan KM dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Hasil kajian dari aspek statistik ini telah menunjukkan penggunaan KMS BM meliputi 29.17% berbanding dengan bahasa Thai pula yang sebanyak 22%.</p> | | | | | | | | |
| 3. Morfosintaksis | <p>Mohamed (1999) menggunakan pendekatan elektrik menelusuri konstruksi leksikal dan semantik KM. Beliau menggunakan konsep koindeks untuk merelisasikan konstruksi dan semantik kata majmuk kopulatif. Konstruksi KMS menghasilkan makna khusus seperti:</p> <table> <tr> <td>hutan, rimba</td><td>sampah, sarap</td></tr> <tr> <td>R = tempat</td><td>R = hasil buangan</td></tr> <tr> <td>Ω = kawasan hutan</td><td>Ω = bermacam-</td></tr> <tr> <td>yang luas dan besar</td><td>macam jenis sampah</td></tr> </table> | hutan, rimba | sampah, sarap | R = tempat | R = hasil buangan | Ω = kawasan hutan | Ω = bermacam- | yang luas dan besar | macam jenis sampah |
| hutan, rimba | sampah, sarap | | | | | | | | |
| R = tempat | R = hasil buangan | | | | | | | | |
| Ω = kawasan hutan | Ω = bermacam- | | | | | | | | |
| yang luas dan besar | macam jenis sampah | | | | | | | | |
| 4. Semantik & Pragmatik | <p>Zaiton dan Nor Hashimah (2005) menggunakan analisis semantik dan pragmatik untuk menyelesaikan masalah perbezaan KM dengan frasa. Hanya lima kata majmuk (ibu ayam, ibu keladi, ibu saudara, ibu angkat dan rumah ibu) dan lima frasa (ibu jari, ibu mentua dan ibu kandung, ibu bapa, ibu kaki) dianalisis dengan lanjutnya. Dapatan kajian ini merumuskan 'ibu bapa' sebagai frasa berdasarkan pendekatan semantik dan pragmatik yang digunakan.</p> | | | | | | | | |
| 5. DATA KORPUS BM | <p>Zaidi (2008) telah menggunakan PDK DBP-USM dalam penyelidikan KM. Beliau menggunakan sembilan penentu ciri KM untuk menguji data korpus (tidak menyentuh tentang KMS).</p> | | | | | | | | |

2.6 KAJIAN KMS BC

Dalam kajian bahasa Cina pula, hanya Chui (1991) sahaja yang mendalami KMS BC dari aspek fonologi, morfologi dan makna. Sementara itu, Dong (2000) membuktikan KMS BC sebenarnya berasal dari frasa berdasarkan karya-karya klasik lama, Zhou (1994, 2006) pula telah menganalisis semua jenis KM BC berdasarkan kamus *Xiandai Hanyu Cidian* (XHC) 现代汉语词典 yang disusun oleh Lu dan Ding dan diterbitkan pada tahun 1978. Analisis kajian dan statistik Zhou (1994, 2006) amat berguna dalam penghuraian kata majmuk setara bahasa Cina ini. Ceccagno dan Scalise (2006) telah membandingkan KM dalam 20 jenis bahasa di dunia ini tetapi setakat ini belum ada kajian perbandingan BM dan BC dalam KMS secara khususnya. Kajian-kajian lepas tentang KMS BC akan dibincangkan daripada aspek fonologi, aspek morfologi, tatabahasa dan aspek makna.

2.6.1 Aspek Fonologi

Menurut Chui (1991), sebutan bahasa Cina klasik mempunyai empat nada, iaitu nada 'ping' 平声, nada 'shang' 上声, nada 'qu' 去声, dan nada 'ru' 入声. Keempat-empat nada tersebut, hanya nada 'ping' 平声 pingsheng digolongkan sebagai nada 'ping' 平声 sementara ketiga-tiga yang lain, iaitu: nada 'shang' 上声, nada 'qu' 去声 dan nada 'ru' 入声 merupakan nada 'ze' 仄声 dalam fonologi bahasa Cina.

Chui (1991) telah mengumpulkan sebanyak 5,866 KMS daripada senarai *Zhongyuan Yinyun Biaogao* 中原音韵表稿 yang disusun oleh Ning (1985). Didapati

37.48% daripada kata-kata tersebut yang merupakan nada ‘ping’ dan 62.52% menghasilkan nada ‘ze’.

Chui (1991) mengkaji fonem AB kata majmuk setara dan didapati jika fonem depan ialah nada ‘ping’, fonem belakang biasanya diikuti dengan nada ‘ze’. Dari aspek fonologi, beliau berpendapat bahawa sistem fonologi BC telah berubah mengikut peredaran zaman. Kekerapan penggunaan kata homofon 同音词 yang membawa masalah dalam komunikasi bahasa Cina telah mengalami perubahan. Oleh sebab perkembangan masa serta keperluan pengguna bahasa, maka kata polisilabik 多音词 *multi syllable word* telah mengambil tempat kata homofon 同音词 *homophones* dan menjadi semakin produktif.

2.6.2 Aspek Morforlogi Dan Tatabahasa

Dalam kajian pembentukan kata BC, Li dan Thompson (1981) telah menghuraikan KMS mengikut kelas kata. Mereka berpendapat bahawa kata majmuk meliputi bahagian yang luas dan penting dalam tatabahasa Mandarin di mana “...*compounds constitute a broad and important area in the grammar of Mandarin...*”. Walau bagaimanapun dengan nyatanya bahawa memang tiada sempadan yang jelas antara kata majmuk dan kata bukan majmuk “...*no clear demarcation between compounds dan non compounds...*” (Li & Thompson, 1981: 46).

Dalam kajian tersebut, kata majmuk telah dibahagi mengikut kelas kata misalnya kata nama majmuk *nominal compounds*, kata kerja majmuk *verbal compounds*, kata majmuk jenis subjek-predikat *subject-predicate compounds*, kata majmuk jenis kata kerja-

objek *verb-object compounds* dan kata majmuk jenis minor *minor types of compounds*. Yang menarik perhatian adalah bahagian yang membincangkan tiga jenis kata majmuk setara (KMS) seperti berikut:

i. kata nama majmuk *nominal compounds N+N* yang selari:

| | |
|--------------|--|
| 花木 hua-mu | <i>flower - tree = flowers and trees</i> |
| 家乡 jia-xiang | <i>home - village = hometown</i> |
| 国家 guo-jia | <i>country - home = nation</i> |
| 父母 fu-mu | <i>father - mother = parents</i> |

Analisis ini menjelaskan susunan konstituen kata nama majmuk *nominal compounds* adalah tidak bebas dan tidak boleh dibalikkan, contohnya: 盗贼 dao-zei *robber-thief*, tidak boleh jadi 贼盗 zei-dao *thief-robber* (konstituennya tidak boleh terbalik); 牛马 niu-ma ‘*cattle-horse = livestock*’ tidak boleh jadi 马牛 ma-niu; 花木 hua-mu *flower-tree* tidak boleh menjadi 木花 mu-hua. Di samping itu, terdapat kata nama majmuk yang terdiri dari dua kata kerja misalnya: 开关 kai-guan ‘*open-shut = switch*’ dan biasanya makna sukar dijangkakan.

ii. kata kerja majmuk *parallel verb compounds V+V* yang selari:

a. *V+V* merupakan kata kerja dan kata kerja yang seerti:

| | |
|--------------|----------------------------------|
| 建筑 jian-zhu | <i>built-built = built</i> |
| 迁移 qian-yi | <i>move-move = move</i> |
| 归回 gui-hui | <i>return-return = return to</i> |
| 防守 fang-shou | <i>defend-defend = defend</i> |
| 治疗 zhi-liao | <i>cure- cure = cure</i> |

崇拜 chong-bai worship- worship = worship

b. *V+V merupakan kata kerja dan kata kerja yang erti seajar:*

漂流 piao-liu drift-flow = drift

显扬 xian-yang manifest-display = show off

放弃 fang-qi loosen-abandon = give up

分散 fen-san seperate-disperse = separate and disperse

替换 ti-huan replace-change = replace

iii. kata nama majmuk yang terdiri dari adjektif berlawanan erti *antonymous adjectives forming nominal compounds A+A* seperti:

好坏 hao-huai good-bad = quality

大小 da-xiao big-small = size

长短 chang-duan long-short = lenght

冷热 leng-re cold-hot = temperature

高矮 gao-ai tall-short = height

Kajian Li dan Thompson (1981) telah membincangkan perhubungan kelas kata dengan konstituen-konstituen dalam KMS BC bersama contoh-contoh secara kasarnya.

Chui (1991) pula telah menghuraikan susunan bentuk kata majmuk setara (KMS) sebagai A dan B yang sedarjat iaitu sama ada: AB, BA dan AB/BA yang bebas bertukar ganti. Perhubungan A & B dianalisiskan mengikut kelas kata seperti berikut:

A & B ialah Kata Nama (KN) A(KN)+B(KN)=C(KN)

A & B ialah Kata Adjektif (KA) A(KA)+B(KA)=C(KA)

A & B ialah Kata Kerja (KK)

$A(KK)+B(KK)=C(KK/KN)$

Chui (1991) merumuskan bahawa kata nama AB & kata adjektif AB dapat menghasilkan kata baru yang mempunyai kelas kata yang sama seperti morfem AB. Akan tetapi gabungan kata kerja AB boleh menghasilkan tiga kemungkinan iaitu:

- kata baru AB yang merupakan sama ada kata kerja/kata nama
- AB ialah kata kerja
- AB ialah kata nama

Jika ingin menentukan masa urutan perubahan ketiga-tiga jenis pembentukan kata tersebut, secara logiknya susunannya ialah kata AB mengalami perubahan menjadi kata nama, seterusnya mengalami perubahan ‘pinggiran’ sama ada menjadi kata nama atau kata kerja dan akhir sekali AB merupakan kata kerja yang tidak mengalami apa-apa perubahan. Dengan itu, perubahan kelas kata bagi kata majmuk merupakan ciri-ciri yang unik dalam pembentukan kata.

Chui (1991) mendapati bahawa kata disilabik mengambil tempat monosilabik dalam bahasa Cina kerana ini merupakan satu proses perubahan yang mengikut peredaran zaman. Dalam perkembangan ini, bahasa menjadi kompleks kerana terdapat factor-faktor yang tidak terkawal. Beliau telah melaksanakan satu analisis diskriptif yang spesifik dan teliti. Sementara faktor gangguan yang tidak terkawal itu terpaksa dijelaskan oleh beliau sebagai amalan kebiasaan dalam bahasa secara universal.

Kajian Zhou (1994, 2006) telah memberi gambaran jelas dan menyeluruh tentang kata majmuk setara. Sebanyak 8,310 kata majmuk setara BC dikenalpasti. Beliau telah

menggunakan analisis kuantitatif dengan mengumpulkan data daripada kamus yang telah memakan masa selama dua tahun. Beliau mengkategorikan 32,346 entri kata mengikut enam kategori pembentukan kata yang biasa dijumpai dalam tatabahasa Cina namun beliau merumuskan pengkategorian ini adalah tidak memadai. Beliau berpendapat bukan semua jenis kata yang sedia ada dapat dimasukkan dalam enam kategori tersebut. Dengan itu, beliau telah membuat pengubahsuaian dengan menambah tiga kategori lagi supaya dapat merangkumi semua jenis kata disilabik dalam kajiannya.

Dalam kajian Zhou tentang kata majmuk (1994, 2006), kategori kelapan merupakan kata majmuk setara (KMS) 复合词并列格. Sebanyak enam jenis kata majmuk setara (KMS BC) 复合词并列格 mengikut kelas kata dijumpai seperti yang dipapar di bawah:

| | | | |
|------|---------------------|---------------------------|-------|
| i. | KN+KN | 2,036 kata (kata nama) | 24.5% |
| ii. | KK+KK | 4387 kata (kata kerja) | 52.8% |
| iii. | KA+KA | 1803 kata (kata adjektif) | 21.7% |
| iv. | KP+KP | 38 kata (kata posisi) | 0.5% |
| v. | KAv+KA _v | 31 kata (kata adverb) | 0.4% |
| vi. | KB+KB | 15 kata (kata bilangan) | 0.1% |

Beliau telah memasukkan 32,340 entri kata majmuk ke dalam sembilan kategori, kajian ini memberi satu gambaran yang jelas tentang pembentukan kata bahasa Cina. Di samping itu, beliau membuktikan secara statistik kategori mana yang paling produktif. Lebih-lebih lagi, kekeliruan jenis kata majmuk dapat dibincangkan melalui kajian binaan dalaman secara teliti. Dengan bantuan contoh-contoh dan analisis statistik, kajian ini telah

menghuraikan secara kuantitatif dan jelas tentang hubungan struktur binaan dalaman antara morfem-morfem dan maknanya.

Ternyata sekali ketiga-tiga kajian di atas telah merangkumi aspek pembentukan kata BC (Li & Thompson, 1981), susunan bentuk ‘AB, BA dan AB/BA’ (Chui, 1991) dan analisis pembentukan kata oleh Zhou (1994, 2006). Perspektif yang berbeza ini telah memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang konsituen-konstituen KMS BC secara deskriptif dan statistik.

Ceccagno dan Scalise (2006) mengkaji kata majmuk dari aspek kelas kata, struktur dalaman, kombinasi kategori dan konsep kepala *head* (bahagian utama atau inti). Mereka meninjau kata majmuk yang terdiri daripada dua konstituen dalam struktur dan kategori mengikut kelas kata utama iaitu: kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Kata majmuk diklasifikasikan kepada tiga jenis iaitu Subordinat *Subordinate*, Attributif *Attributive* dan Koordinat *Coordinate*. Setiap jenis ini pula dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu endosentrik atau eksosentrik. Mereka lebih cenderung dalam usaha mencari satu prinsip universal untuk semua bahasa di dunia dari aspek jenis dan bentuk kata majmuk secara menyeluruh.

Mereka telah memberi satu gambaran yang jelas tentang kata majmuk bahasa Cina, lebih-lebih lagi ia menyumbangkan dalam projek MorboCom, iaitu projek kajian perbandingan bahasa-bahasa di dunia (melibatkan lebih dari 20 jenis bahasa seperti: *Basque, Bulgarian, Byelorussian, Catalan, Chinese, Dutch, English, Finnish, French, German, Greek, Hebrew, Hungarian, Italian, Japanese, Korean, Latin, Norwegian, Polish, Portuguese, Russian, Serbo-croatian, Spanish, Swedish, Turkish*).

Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) yang berdasarkan struktur dan kategori, kata majmuk setara bahasa Cina (KMS BC) merupakan bahagian yang menarik perhatian kerana dapatan kajian memaparkan tujuh jenis strukturnya dan kategori: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{N/V}$, berbanding dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai tiga jenis, iaitu: $[N+A]_A$, $[N+N]_N$ dan $[V+V]_V$. Jadi analisis kajian struktur dan kategori kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan padanan penterjemahan dalam bahasa Cina yang berlandaskan pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

2.6.3 Aspek Makna

2.6.3.1 Darjah Kejelasan Makna

Li dan Thompson (1981) menghuraikan perhubungan makna kata majmuk dan makna komponen morfem-morfem BC. Beliau telah membahagikan perhubungan makna ini kepada tiga peringkat berdasarkan darjah kejelasan makna *illustration*, iaitu rendah, sederhana dan tinggi:

- i. Kata majmuk yang mempunyai darjah idiomatik *idiomaticity* yang tinggi, ini bererti tiada perhubungan semantik yang nyata antara makna kata majmuk dengan konstituen-konstituennya, oleh itu darjah kejelasan makna adalah rendah misalnya:

feng-liu 风流 *wind-flow = amorous*

hua-sheng 花生 *flower-born = peanut*

fei-zao 肥皂 *fat-black = soap*

da-yi 大意 *great-idea = negligent*

xin-shui 薪水 *fuel-water = salary*

- ii. Kata majmuk yang mempunyai makna metafora, makna kiasan atau makna taabir *inferential* antara kata majmuk dengan konstituen-konstituennya, ini bermakna darjah kejelasan makna adalah sederhana misalnya:

mao-dun 矛盾 *spear-shield = contradictory*

kai-guan 开关 *open-close = switch*

xu-xin 虚心 *empty-mind = modest*

re-xin 热心 *hot-heart = enthusiastic*

dian-ying 电影 *electric-image = movie*

- iii. Kata majmuk yang mempunyai makna yang berkait rapat dengan makna komponen-komponennya, ini bermakna darjah kejelasan makna adalah tinggi misalnya:

xi-zao 洗澡 *vehicle-horse = traffic*

yi-kao 依靠 *lean-depend on = depend on*

hu-xi 呼吸 *exhale-inhale = breathe*

man-zu 满足 *full-sufficient = be content*

zhi-dao 知道 *know-way = know*

Dapatan kajian tersebut menyimpulkan bahawa perhubungan makna kata majmuk dengan makna komponen-komponen morfemnya adalah pelbagai dari makna hampir hingga ke makna yang jauh berbeza. Dari segi darjah kejelasan pula, makna kelas i. merupakan kelas rendah, kelas ii. pula adalah sederhana dan kelas iii. merupakan kelas

yang mempunyai darjah kejelasan makna yang paling tinggi. Beliau juga memaparkan keunikan makna antara dua morfem yang terdiri daripada bahasa klasik, contohnya:

qu-zhu 驱逐 *drive - pursue = to chase*

Jadi, sedikit sebanyak kajian tersebut telah meninjau makna KMS BC yang agak pelbagai ini dengan menggunakan tiga tahap kejelasan makna.

2.6.3.2 Perhubungan Makna AB

Perhubungan makna AB dalam KMS BC bagi Chui (1991) diteliti dari tiga aspek semantik (makna berlawanan, seerti dan sejajar) dengan contoh-contoh seperti berikut:

- i. makna berlawanan: 来往 pergi balik, 买卖 jual beli, 好歹 baik buruk, 早晚 siang malam, 上下 atas bawah.
- ii. makna seerti: 寻找 cari gali, 陈旧 usang lama (lama), 诚实 jujur amanah (jujur), 街道 jalan raya, 潮湿 basah kuyup.
- iii. makna sejajar: 手脚 kaki tangan (pergerakan/tipu muslihat), 首脑 kepala otak (pemimpin), 嘴脸 mulut muka (muka yang menjijikan), 山河 gunung sungai (negara), 眉目 kening mata (rupa orang/penyelesaian yang positif)

Chui (1991) menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan makna AB berubah. Dengan peredaran zaman, dunia dan masyarakat juga berubah dan berkembang, asal usul yang berbeza ini telah menyebabkan makna struktur kata AB mengalami perubahan yang bukan semata-mata pengabungan makna A dengan makna B sahaja. Misalnya:

| | | | |
|------|---------------------|-----|------------------------|
| i. | makna berubah | 转移型 | $AB=C$ |
| ii. | makna berat sebelah | 偏义型 | $AB=A(B)$ |
| iii. | makna sebat | 融合型 | $AB=A=B$ |
| iv. | makna opsyen | 选择性 | $AB=A \text{ atau } B$ |
| v. | makna gabungan | 复合型 | $AB=A+B$ |

Kelima-lima struktur model semantik ini menjelaskan perhubungan makna komponen AB bagi KMS BC. Terdapat perkataan yang makna asal AB telah lesap sehingga membentuk perkataan baru ' $AB=C$ ', manakala ada AB yang tidak berubah masih mempunyai makna yang asal ' $AB=A+B$ '. Terdapat bentuk AB yang berkembang terlalu pesat dan makna AB bergabung rapat sehingga tidak dapat dipisahkan menjadi satu satuan ' $A=B$ '. Secara amnya, beliau menyimpulkan struktur KMS biasanya dapat memaparkan persepsi sesuatu bangsa terhadap dunia luar. Lebih-lebih lagi peraturan KMS AB bukan saja dipengaruhi oleh struktur dalaman sesuatu bahasa tetapi juga termasuk faktor luaran terutamanya sosial budaya sesuatu masyarakat.

Dapat dirumuskan dapatan kajian tersebut menunjukkan pemikiran dan persepsi bangsa Cina dapat dipaparkan melalui pandangan atau susunan AB baik daripada tertib masa, posisi, proses, perhubungan ataupun persepsi terhadap sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, beliau berhujah bahawa terdapat pengecualian di mana ada perkataan yang langsung tidak dipengaruhi oleh sebarang aspek linguistik fonologi atau semantik.

2.6.3.3 Makna Daripada Segi Etimologi

Dapatan Dong (2000) membuktikan KMS BC berasal dari frasa, ini disebabkan peredaran zaman menyebabkan frasa tersebut telah berubah menjadi kata majmuk. Beliau meyelidiki ciri-ciri KMS BC jenis kata kerja daripada aspek perkembangan diakronik dan makna dari segi etimologinya. Walaupun data-data kajian terdiri daripada bahasa klasik lama tetapi ini merupakan analisis KMS BC jenis kata kerja secara spesifiknya.

2.6.3.4 Konsep Kepala

Ceccagno dan Scalise (2006) berpendapat kata majmuk setara bahasa Cina (KMS BC) sama seperti bahasa-bahasa lain di dunia, iaitu mempunyai dua kepala (inti + inti) ataupun tiada kepala dalam kedua-dua komponennya. Dengan itu, Ceccagno dan Scalise (2006) tidak setuju dengan prinsip Packard *The Headness Principle* yang menyatakan pada kebiasaannya kepala bagi kata nama *complete noun* adalah di sebelah kanan, sementara kepala kata kerja kompleks *complex verb* adalah di sebelah kiri.

Kajian Ceccagno dan Scalise (2006) memaparkan contoh-contoh kata majmuk setara yang mempunyai darjah eksosentrik yang kuat sehingga maknanya tidak dapat dijangka seperti: 裁缝 ‘potong + jahit = tukang jahit’, 大小 ‘besar + kecil = saiz’. Kajian mereka memaparkan contoh-contoh kata majmuk setara bahasa Cina yang memiliki dua kepala atau tiada langsung sekali seperti di Jadual 2.7 dan Jadual 2.8 yang berikut.

Jadual 2.7

Exocentric or two-headed [N+N]_N, [V+V]_V, [A+A]_A coordinate compounds

| SCRIPT | COMPOUND | CAT | STRUCT | CLASS | HEAD | GLOSS |
|--------|----------|-----|--------|-------|------|-----------------------------------|
| 店铺 | dianpu | N | [N+N] | CRD | b | shop + shop = shop |
| 爱恋 | ailian | V | [V+V] | CRD | b | (to) love + (to) love = (to) love |
| 美丽 | meili | A | [A+A] | CRD | b | beautiful + beautiful = beautiful |

Nota. Sumber daripada “Classification, structure and headness of Chinese compounds” oleh Ceccagno dan Scalise, 2006, *Lingue e Linguaggio*, V.2, 233-260.

Jadual 2.8

Exocentric [V+V]_N, [A+A]_N, [V+V]_{N/V} nominal compounds

| SCRIPT | COMPOUND | CAT | STRUCT | CLASS | HEAD | GLOSS |
|--------|----------|-----|--------|-------|------|-----------------------------------|
| 店铺 | dianpu | N | [N+N] | CRD | b | shop + shop = shop |
| 爱恋 | ailian | V | [V+V] | CRD | b | (to) love + (to) love = (to) love |
| 美丽 | meili | A | [A+A] | CRD | b | beautiful + beautiful = beautiful |

Nota. Sumber daripada “Classification, structure and headness of Chinese compounds” oleh Ceccagno dan Scalise, 2006, *Lingue e Linguaggio*, V.2, 233-260.

Kesimpulannya, mereka menyatakan bahawa semua kriteria harus diambilkira seperti klasifikasi kata majmuk (perhubungan tatabahasa dan semantik antara dua konstituen), struktur kata majmuk, kategori kombinasi kata majmuk supaya kepala kata majmuk dapat dikenalpasti. Mereka telah membentuk satu prinsip umum untuk menerangkan kata majmuk bahasa Cina yang dinamakan *Chinese Compounds Canonical Head Principle*, didapati secara amnya kepala kata majmuk bahasa Cina adalah di sebelah kanan, kecuali jenis kata majmuk *verb-object* dan *resultative compounds* (kedua-dua ini masih memerlukan kajian selanjutnya). Jadual 2.9 berikut memberi tinjauan ringkas tentang kajian-kajian kata majmuk bahasa Cina.

Jadual 2.9

Kajian-kajian lepas tentang KMS BC

| Aspek | Kajian-kajian tentang KMS BC | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|------------------------------------|---|-----------------------|---------------------|---------------------------|---------------------|------------------------|-----------------------|---------|------------|-------|---------|-----------|-------|--------|-----------|-------|--------|---------|------|---------|---------|------|-------|---------|------|
| 1. Fonologi | <p>Chui (1991) mengumpulkan 5,866 KMS daripada <i>Zhongyuan Yinyun Biaogao</i> 中原音韵表稿 yang disusun oleh Ning dan diterbitkan pada 1985. Didapati jika fonem depan ialah ton‘ping’, fonem belakang biasanya adalah ton‘zhe’.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2. Morforlogi dan Tatabahasa | <p>Kajian Li dan Thompson (1981) telah membincangkan perhubungan kelas kata konstituen-konstituen kata majmuk setara secara kasarnya.</p> <p>Chui (1991) telah menghuraikan susunan bentuk KMS sebagai A dan B seperti berikut:</p> <table><tr><td>A & B ialah Kata Nama</td><td>$A(KN)+B(KN)=C(KN)$</td></tr><tr><td>A & B ialah Kata Adjektif</td><td>$A(KA)+B(KA)=C(KA)$</td></tr><tr><td>A & B ialah Kata Kerja</td><td>$A(KK)+(KK)=C(KK/KN)$</td></tr></table> <p>Kajian Zhou (1994, 2006) daripada kamus XHC sebanyak 8,310 kata majmuk setara dikumpul. Dapatan kajian:</p> <table><tr><td>KN + KN</td><td>2,036 kata</td><td>24.5%</td></tr><tr><td>KK + KK</td><td>4387 kata</td><td>52.8%</td></tr><tr><td>KA +KA</td><td>1803 kata</td><td>21.7%</td></tr><tr><td>KP +KP</td><td>38 kata</td><td>0.5%</td></tr><tr><td>KAv+Kav</td><td>31 kata</td><td>0.4%</td></tr><tr><td>KB+KB</td><td>15 kata</td><td>0.1%</td></tr></table> | A & B ialah Kata Nama | $A(KN)+B(KN)=C(KN)$ | A & B ialah Kata Adjektif | $A(KA)+B(KA)=C(KA)$ | A & B ialah Kata Kerja | $A(KK)+(KK)=C(KK/KN)$ | KN + KN | 2,036 kata | 24.5% | KK + KK | 4387 kata | 52.8% | KA +KA | 1803 kata | 21.7% | KP +KP | 38 kata | 0.5% | KAv+Kav | 31 kata | 0.4% | KB+KB | 15 kata | 0.1% |
| A & B ialah Kata Nama | $A(KN)+B(KN)=C(KN)$ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| A & B ialah Kata Adjektif | $A(KA)+B(KA)=C(KA)$ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| A & B ialah Kata Kerja | $A(KK)+(KK)=C(KK/KN)$ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KN + KN | 2,036 kata | 24.5% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KK + KK | 4387 kata | 52.8% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KA +KA | 1803 kata | 21.7% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KP +KP | 38 kata | 0.5% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KAv+Kav | 31 kata | 0.4% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KB+KB | 15 kata | 0.1% | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3. Makna Darjah kejelasan makna | <p>Li dan Thompson (1981) menghuraikan makna KM dan makna komponen morfem-morfemnya dengan tiga darjah kejelasan makna ilustrasi (<i>illustration</i>), iaitu: rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan kajian adalah KM yang mempunyai darjah idiomatik (<i>idiomaticity</i>) yang tinggi, darjah kejelasan makna adalah rendah. KM yang mempunyai makna metafora, makna kiasan, makna taabir (<i>inferential</i>), darjah kejelasan makna adalah sederhana Kata majmuk yang mempunyai makna yang secara langsung atau sama dengan makna komponen-komponennya, ini bermakna darjah kejelasan makna adalah tinggi.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

sambung

| Aspek | Kajian-kajian tentang KMS BC | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|----------------------|---|-----|---------------|-----|------|-----|---------------------|-----|---------|------|-------------|-----|--------|-----|--------------|-----|-------------|----|----------------|-----|--------|
| Perhubungan makna AB | <p>Chui (1991) menunjukkan dengan peredaran zaman struktur semantik KMS telah mengalami perubahan seperti berikut:</p> <table><tr><td>i.</td><td>makna berubah</td><td>转移型</td><td>AB=C</td></tr><tr><td>ii.</td><td>makna berat sebelah</td><td>偏义型</td><td>AB=A(B)</td></tr><tr><td>iii.</td><td>makna sebat</td><td>融合型</td><td>AB=A=B</td></tr><tr><td>iv.</td><td>makna opsyen</td><td>选择性</td><td>AB=A atau B</td></tr><tr><td>v.</td><td>makna gabungan</td><td>复合型</td><td>AB=A+B</td></tr></table> | i. | makna berubah | 转移型 | AB=C | ii. | makna berat sebelah | 偏义型 | AB=A(B) | iii. | makna sebat | 融合型 | AB=A=B | iv. | makna opsyen | 选择性 | AB=A atau B | v. | makna gabungan | 复合型 | AB=A+B |
| i. | makna berubah | 转移型 | AB=C | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| ii. | makna berat sebelah | 偏义型 | AB=A(B) | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| iii. | makna sebat | 融合型 | AB=A=B | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| iv. | makna opsyen | 选择性 | AB=A atau B | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| v. | makna gabungan | 复合型 | AB=A+B | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Makna etimologi | <p>Dong (2000) membuktikan KMS BC berasal dari frasa, disebabkan peredaran zaman menyebabkan frasa telah berubah menjadi KM. Beliau menyelidiki ciri-ciri KMS kata kerja dari aspek perkembangan diakronik dari segi etimologi. Walaupun data-data kajian terdiri daripada bahasa klasik lama, tetapi ini merupakan analisis KMS KK secara spesifiknya.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Konsep Kepala | <p>Ceccagno dan Scalise (2006: 240) mengkaji KM dari aspek kelas kata, struktur dalaman, kategori dan kepala (head). Tujuh jenis strukturnya KMS BC yang dijumpai: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{N/V}$, berbanding dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai tiga jenis: $[N+A]_A$, $[N+N]_N$ dan $[V+V]_V$.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

2.7 RINGKASAN BAB

Bab ini telah membincangkan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana tempatan dan luar negara tentang berbagai aspek kata majmuk setara bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Hanya tiga sarjana tempatan yang telah membincangkan KMS BM dalam kajian kata majmuk mereka, iaitu Sumalee (1995), Mohamed (1999) dan Zaiton dan Nor Hashimah (2005). Sumalee (1995) telah membuat perbandingan kata majmuk antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai. Mohamed (1999) pula menggunakan pendekatan

elektrik untuk menelusuri makna KM BM manakala Zaiton dan Nor Hashimah (2005) menggunakan analisis semantik dan pragmatik untuk menyelesaikan masalah perbezaan KM dengan frasa. Ketiga-tiga kajian kata majmuk ini telah mengemukakan permasalahan KMS BM yang sememangnya kurang diterokai oleh sarjana tempatan.

Walaupun kajian korpus Zaidi (2008) tidak menyentuh langsung KMS BM, tetapi ciri-ciri penentu KM memang diperlukan sebagai rangka yang asas untuk mengenal pasti KMS BM dalam kajian ini.

Bagi KMS BC, hanya Chui (1991) sahaja yang mendalami KMS dari aspek fonologi, morfologi dan makna. Walaupun Dong (2000) meneliti makna KMS BC jenis kata kerja dari aspek perkembangan diakronik, tetapi skop kajian beliau dalam bahasa klasik sahaja. Sementara Zhou (1994, 2006) pula telah menganalisis pembentukan kata bahasa Cina berdasarkan kamus XHC, dapatan statistik beliau memaparkan KMS.

Ceccagno dan Scalise (2006) telah menyelidiki kata majmuk 20 jenis bahasa di dunia ini. Dari segi struktur dan kategori, kata majmuk setara bahasa Cina (KMS BC) telah dianalisis mengikut kelas kata, iaitu kata nama *Noun*, kata kerja *Verb*, kata adjektif *Adjective*, kata adverba *Adverb*, dapatan kajian ini memaparkan tujuh jenis strukturnya dan kategori iaitu: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{NV}$, berbanding dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai tiga jenis iaitu: $[N+A]_A$, $[N+N]_N$ dan $[V+V]_V$.

Sehingga kini, kata majmuk (KM) secara keseluruhan telah dikaji oleh ramai ahli bahasa tetapi kata majmuk setara (KMS) secara spesifik masih kurang dikaji. Dengan itu,

kajian perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Cina dalam KMS dilaksanakan untuk mengisi ruang permasalahan ini. Kajian-kajian terdahulu ini menjadi asas bagi kajian ini menghuraikan KMS BM dan KMS BC, lebih-lebih lagi dapat memberi rujukan dan panduan kepada pengguna bahasa.

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Kajian deksriptif ini bertujuan meneliti pembentukan lexis kata majmuk setara (KMS) dalam bahasa Melayu (BM) dan bahasa Cina (BC) daripada aspek struktur, kategori, makna dan pengenalpastian ciri-ciri KMS.

Oleh sebab kajian ini berfokus kepada KMS yang merupakan salah satu jenis kata majmuk, hanya sebanyak 165 KMS BM dikumpul secara manual daripada KDE4 yang dijadikan sebagai data kajian utama. Dengan mencatat dan meneliti makna setiap data, KMS BM tersebut diorganisasikan ke dalam tiga golongan menurut definisi Liaw dan Abdullah (1994), iaitu seerti, berlawanan erti dan sejajar. Disebabkan entri kata KDE4 tidak ditakrif dengan kelas kata, oleh itu data KMS BM disusun mengikut kelas kata: kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (KA), kata adverba (KAv) dengan berdasarkan kamus tribahasa KPE3.

Seterusnya, 165 data KMS BM diterjemahkan dalam bahasa Cina dengan menggunakan kamus tribahasa KPE3. Oleh itu, pengumpulan data terjemahan BM-BC dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik. Dalam proses ini, 165 data KMS BM tidak semestinya merupakan KMS BC. Didapati hanya 91 KMS BM yang dapat dipadankan dengan 101 terjemahan KMS BC. Akhirnya, satu senarai KMS sepadan (KMS BM-KMS BC) dalam dua bahasa dibentuk untuk perbincangan dan penganalisan daripada aspek struktur, kategori, makna dan pengenalpastian ciri-ciri.

3.2 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA KMS

Prosedur pengumpulan data KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini melibatkan empat langkah, iaitu: pemilihan data KMS BM, pengorganisasian data KMS BM, pengenalpastian padanan penterjemahan data daripada KMS BM kepada KMS BC dan pengorganisasian data KMS BM-padanan penterjemahan KMS BC.

Sumber utama data kajian ini dikumpulkan daripada tiga kamus iaitu:

- i. KDE4 untuk mengenal pasti KMS BM dan maknanya.
- ii. KPE3 untuk dapatkan padanan penterjemahan dan kelas kata KMS BM.
- iii. XHC5 digunakan untuk menyemak makna dan kelas kata KMS BC.

Ketiga-tiga kamus ini dipilih kerana telah menjadi rujukan utama oleh pengguna-pengguna bahasa di Malaysia. Oleh sebab takrif kata KDE4 tidak mempunyai penghuraian kelas kata (KN, KK, KA, KAv), dengan itu kamus KPE3 (data KMS BM) dan XHC5 (data KMS BC) digunakan untuk rujukan pengelasan kata (KN, KK, KA, KAv) bagi data KMS BM dan KMS BC. Selain itu, *Kamus Kembangan* yang disusun oleh Lai (2010) dan *Kamus Xiandai Hanyu Guifan Cidian* yang disusun oleh Li (2004) juga digunakan sebagai rujukan tambahan untuk pengelasan kata bagi data KMS BM dan KMS BC.

Sumber kedua ialah konsep-konsep dan contoh-contoh kata majmuk setara daripada buku-buku tatabahasa dalam bahasa Melayu, terutamanya seperti: *Nahu Melayu Muktahir*, *Nahu Melayu Moden*, *Tatabahasa Dinamika*, *Morfologi*, *Nahu Kemas Kini*, *Tatabahasa Dewan* dijadikan rujuk utama. Selain itu, bagi tatabahasa bahasa Cina buku-buku seperti:

Bahasa Cina Kontemporari 现代汉语, Kamus Linguistik 语言文字词典, Bahan Pengajaran Tatabahasa 语法讲义, Morfologi Hanyu 汉语词法学, Kajian Lexikologi dan Leksikografi 词汇学词典学研究 dan buku-buku tatabahasa lain digunakan sebagai rujukan.

Pada dasarnya, data KMS BM disusun berdasarkan definisi Liaw dan Abdullah (1994) yang terdiri daripada KMS seerti, KMS berlawanan erti dan KMS sejajar. Data KMS BC juga dibahagikan kepada: seerti 同义, berlawanan ertinya 反义 dan sejajar 近义, berdasarkan penghuraian KMS BC 并列式复合词 dalam *Kamus Linguistik 语言文字词典*. Akhirnya pengorganisasian data dalam bentuk jadual perbandingan yang merupakan satu senarai KMS sepadan (KMS BM-KMS BC) dibina untuk analisis kajian. Di bawah ini, setiap prosedur diuraikan bersama-sama dengan jadual data.

3.2.1 Pemilihan Data KMS BM

Untuk mengutip data KMS BM, pengkaji menggunakan KDE4 sebagai sumber data utama. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji KMS BM dan KMS BC supaya memudahkan pengguna bahasa terutamanya yang menghadapi kemuskilan dalam pengenalpastian KMS. KDE4 dipilih kerana kamus ekabahasa ini merupakan rujukan utama pengguna BM di Malaysia.

Memandangkan KMS dalam KDE4 begitu banyak, pemilihan 165 data KMS BM kajian ini perlu mengambil kira dua masalah utama untuk mengenal pasti KMS BM. Pertama, masalah pengenalpastian KMS dalam kamus seperti yang telah disarankan oleh

Zaiton dan Nor Hashimah (2005). Kedua, pengenalpastian tiga jenis KMS BM (seerti, berlawanan erti, sejajar) kajian ini berdasarkan definisi Liaw dan Abdulah (1994).

Kajian Zaiton dan Nor Hashimah (2005) telah mengemukakan masalah kedudukan entri kata majmuk dalam KDE3. Walaupun hanya lima bentuk kata majmuk (ibu ayam, ibu keladi, ibu saudara, ibu angkat, rumah ibu) dan lima bentuk frasa (ibu jari, ibu mentua, ibu kandung, ibu bapa, ibu kaki) iaitu sepuluh data yang dipilih sebagai data kajian mereka. Zaiton dan Nor Hashimah (2005) telah memberi cadangan supaya penyusunan semula bentuk kata majmuk dalam kamus dengan menggunakan simbol ‘■’ supaya memudahkan pengguna kamus untuk mengenal pasti bentuk kata majmuk. Berdasarkan pernyataan tersebut, dapat disimpulkan pengumpulan data kajian ini juga menghadapi masalah yang sama.

Tinjauan awal mendapati bahawa entri KMS BM dalam KDE4 juga mempunyai masalah kedudukan yang sama seperti yang berlaku dalam kajian Zaiton dan Nor Hashimah (2005), walaupun kamus edisinya tidak sama (KDE3) iaitu:

- i. KMS dimasukkan sebagai entri utama sama ada mempunyai terbitan ataupun tidak, misalnya: belas kasihan, jimat cermat, kayu pohon, tegah larangan.
- ii. KMS dimasukkan sebagai contoh penggunaan dalam polesimi, misalnya: jangka masa dimasukkan dalam pecahan makna kedua dalam entri jangka.
- iii. KMS dikelompokkan dengan frasa, misalnya: hutan rimba sekelompok dengan hutan asli, hutan bakau, hutan belukar.
- iv. KMS sebagai entri yang tersendiri, misalnya: asal usul, baik pulih, gambar rajah, ibu bapa, kakitangan.

Masalah entri kedudukan yang berbeza ini memang merumitkan pengumpulan data KMS BM, namun pengenalpastian data KMS BM dalam kajian ini dapat dilaksanakan melalui penyemakan makna dan pengenalpastian ciri-ciri KMS dengan rujukan buku-buku tatabahasa. Walau bagaimanapun, definisi Liaw dan Abdullah (1994) sentiasa dirujuk dalam menyelesaikan masalah sama ada sesuatu kata itu merupakan kata KMS atau kata ganda supaya tidak menimbulkan kekeliruan. Dalam proses pengenalpastian data KMS BM, contoh-contoh seperti ‘bukit-bukau’, ‘senang lenang’ digolongkan sebagai KMS dalam kajian ini kerana perkataan ‘bukau’ dan ‘lenang’ mempunyai makna tertentu. Perkataan ‘bukau’ bermaksud lembah. Perkataan ‘lenang’ pula bererti tenang (air dan lain-lain lagi). Bagi contoh-contoh seperti ‘gunung-ganang’ dan ‘sayur-mayur’ bukan KMS kerana kata ‘ganang’ dan kata ‘mayor’ tidak mempunyai makna langsung. Maka kata-kata yang merupakan kata ganda berentak ini tidak dikelompokkan dalam senarai data KMS BM.

Akhirnya, hanya sebanyak 165 data KMS BM dapat dikumpul secara manual daripada KDE4. 165 data tersebut disusun berdasarkan definisi Liaw dan Abdullah (1994) yang selaras dengan konsep KMS BC: seerti, berlawanan erti dan sejajar dan dipaparkan dalam Jadual 3.1, saiz dan jenis data KMS BM pula ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.1

Penyusunan data KMS Bahasa Melayu daripada KDE4

| Seerti | | KMS BM | | Sejajar | |
|--------|---------------|-----------------|-----------------|---------|-------------|
| | | Berlawanan erti | | | |
| 1 | akal budi | 1 | datuk nenek | 1 | adab tertib |
| 2 | akar umbi | 2 | hilir mudik | 2 | anak bini |
| 3 | asal usul, | 3 | hujung pangkal, | 3 | anak cucu |
| | usul asal | | pangkal hujung | | |
| 4 | azab sengsara | 4 | hulu hilir | 4 | batu pasir |
| 5 | belas kasihan | 5 | ibu bapa | 5 | besi waja |

sambung

| | | KMS BM | | | |
|--------|---------------------------------|-----------------|---------------------------------------|---------|---------------------------------|
| Seerti | | Berlawanan erti | | Sejajar | |
| 6 | budi bicara | 6 | laba rugi | 6 | besok lusa |
| 7 | budi pekerti | 7 | laki bini | 7 | budi bahasa |
| 8 | cinta berahi | 8 | laki isteri | 8 | bukit bukau |
| 9 | cinta kasih | 9 | lintang bujur | 9 | darah daging |
| 10 | kasih sayang | 10 | nenek moyang | 10 | detik detak |
| 11 | gambar rajah | 11 | pagi petang | 11 | hari bulan |
| 12 | hak milik | 12 | siang malam | 12 | hati jantung, jantung hati |
| 13 | hutan rimba | 13 | suami isteri | 13 | hujan angin |
| 14 | jangka masa | 14 | suka duka | 14 | kain baju |
| 15 | jangka waktu | 15 | untung rugi | 15 | kaki tangan, kakitangan |
| 16 | kaum keluarga | 16 | jual beli | 16 | karib kerabat |
| 17 | kaum kerabat | 17 | jatuh bangun | 17 | mata hati |
| 18 | saudara mara | 18 | pasang surut | 18 | mata kaki |
| 19 | kayu pohon | 19 | pergi balik | 19 | mata telinga |
| 20 | pokok kayu | 20 | pergi datang | 20 | pangkal pokok, pokok pangkal |
| 21 | mak bonda | 21 | pergi mari | 21 | sandang pangan |
| 22 | pangkal pokok, pokok pangkal | 22 | pulang pergi | 22 | sendi tulang, tulang sendi |
| 23 | rupa muka | 23 | soal jawab | 23 | tanah air |
| 24 | sebab musabab | 24 | tanya jawab | 24 | tanah tanih |
| 25 | tegah larangan | 25 | timbul tenggelam, tenggelam timbul | 25 | lapar dahaga |
| 26 | tingkah laku | 26 | turun naik, naik turun | 26 | makan tidur |
| 27 | tingkah langkah | 27 | hangat dingin | 27 | punggah angkat |
| 28 | tingkah perangai | 28 | dingin panas | 28 | uji kaji |
| 29 | tutur kata | 29 | hitam putih | 29 | buta tuli |
| 30 | tutur cakap | 30 | kiri kanan | 30 | gemuk gempal |
| 31 | tutur bahasa | 31 | kurang lebih, lebih kurang | 31 | hina papa |
| 32 | umat manusia | 32 | lambat-bangat | 32 | hitam lebam |
| 33 | baik pulih | 33 | luar dalam | 33 | pahit getir |
| 34 | belah bahagi | 34 | mundur maju, maju mundur | 34 | pahit maung |
| 35 | campak buang | 35 | panjang lebar | 35 | pahit pahang |
| 36 | campur baur | 36 | banyak sedikitnya | 36 | putih bersih |
| 37 | campur aduk | | | 37 | putih kuning |
| 38 | hubung kait | | | 38 | putih pucat |
| 39 | ikut serta | | | 39 | pucat lesi |
| 40 | turut serta | | | 40 | senang lenang |
| 41 | kaji selidik | | | 41 | senang sentosa |
| 42 | kawal selia | | | 42 | jangan tidak |
| 43 | lalu lintas | | | | |

sambung

| Seerti | KMS BM Berlawananan erti | Sejajar |
|--------|-----------------------------|---------|
| 44 | mati mampus | |
| 45 | mati modar | |
| 46 | pajak gadai | |
| 47 | peras ugut | |
| 48 | pujuk rayu | |
| 49 | pulang balik | |
| 50 | putar belit | |
| 51 | pusing belit | |
| 52 | rebut rampas | |
| 53 | siap sedia | |
| 54 | susun atur | |
| 55 | syak sangka | |
| 56 | syak wasangka | |
| 57 | tiru teladan | |
| 58 | tokok tambah | |
| 59 | tukar ganti | |
| 60 | tunjuk ajar | |
| 61 | tuntut balas | |
| 62 | tuntut bela | |
| 63 | biru lebam | |
| 64 | cerdik pandai | |
| 65 | bijak pandai | |
| 66 | duka lara | |
| 67 | duka nestapa | |
| 68 | gelap buta | |
| 69 | gelap kelam | |
| 70 | gelap pekat | |
| 71 | jimat cermat | |
| 72 | kelam lebam | |
| 73 | kelam kabut | |
| 74 | miskin papa | |
| 75 | mula pertama | |
| 76 | panas baran | |
| 77 | panas radang | |
| 78 | riang gembira | |
| 79 | riang ria | |
| 80 | ria gembira | |
| 81 | serba aneka | |
| 82 | serba jenis | |
| 83 | sunyi senyap | |
| 84 | sunyi sepi | |
| 85 | tua bangka | |
| 86 | tua ganyut | |
| 87 | tulus ikhlas | |

Jadual 3.2

Saiz dan jenis data KMS BM daripada KDE4

| Seerti | KMS BM | | Jumlah KMS BM |
|--------|-----------------|---------|---------------|
| | Berlawanan erti | Sejajar | |
| 87 | 36 | 42 | 165 |

3.2.2 Pengorganisasian Data KMS BM

Dalam proses pengorganisasian data, 165 data KMS BM daripada KDE4 yang terdiri daripada tiga jenis: seerti, berlawanan erti dan sejajar diorganisasikan mengikut struktur dan kategori, di samping itu makna setiap data KMS BM dikenal pasti dan disemak supaya makna KMS BM dapat diteliti untuk penganalisan dan perbincangan selanjutnya.

Berdasarkan Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006), struktur setiap data KMS BM dibahagikan mengikut golongan kelas kata iaitu: Kata Nama + Kata Nama [KN+KN], Kata Kerja + Kata Kerja [KK+KK], Kata Adjektif + Kata Adjektif [KA+KA], Kata Adverba + Kata Adverba [KAv+KAv]. Bagi kategori pula, KMS BM dapat dikelaskan kepada: Kata Nama [KN], Kata Kerja [KK], Kata Adjektif [KA] dan Kata Adverba [KAv].

Golongan kelas kata KN, KK, KA, KAv setiap data KMS BM ini dirujuk daripada KPE3. Selain itu, *Kamus Kembangan* yang disusun oleh Lai (2010) juga digunakan sebagai rujukan tambahan. Akhirnya satu senarai golongan kelas kata bagi 165 data dibentuk berdasarkan struktur: [KN+KN], [KK+KK], [KA+KA], [KAv+KAv] dan kategori [KN], [KK], [KA],[KAv]. Jadual 3.3a, 3.3b dan 3.3c di bawah ini memaparkan pengorganisasian

data yang merangkumi 165 KMS BM (seerti, berlawanan erti dan sejajar) mengikut struktur dan kategori. Analisis data ke atas 165 KMS BM mengikut struktur dan kategori pula ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.3a

Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4)

| KMS BM Seerti (KDE4) | Struktur | Kategori |
|---------------------------------|----------|-----------|
| 1 akal budi | [KN+KN] | [KA] |
| 2 akar umbi | [KN+KN] | [KN] |
| 3 asal usul, usul asal | [KN+KN] | [KN] |
| 4 azab sengsara | [KN+KN] | [KN] |
| 5 belas kasihan | [KN+KA] | [KN] |
| 6 budi bicara | [KN+KN] | [KN] |
| 7 budi pekerti | [KN+KN] | [KN] |
| 8 cinta berahi | [KN+KN] | [KN] |
| 9 cinta kasih | [KN+KN] | [KN] |
| 10 kasih sayang | [KN+KN] | [KN] |
| 11 gambar rajah | [KN+KN] | [KN] |
| 12 hak milik | [KN+KN] | [KN] |
| 13 hutan rimba | [KN+KN] | [KN] |
| 14 jangka masa | [KN+KN] | [KN] |
| 15 jangka waktu | [KN+KN] | [KN] |
| 16 kaum keluarga | [KN+KN] | [KN] |
| 17 kaum kerabat | [KN+KN] | [KN] |
| 18 saudara mara | [KN+KN] | [KN] |
| 19 kayu pohon | [KN+KN] | [KN] |
| 20 pokok kayu | [KN+KN] | [KN] |
| 21 mak bonda | [KN+KN] | [KN] |
| 22 pangkal pokok, pokok pangkal | [KN+KN] | [KN] |
| 23 rupa muka | [KN+KN] | [KN] |
| 24 sebab musabab | [KN+KN] | [KN] |
| 25 tegah larangan | [KN+KN] | [KN] |
| 26 tingkah laku | [KN+KN] | [KN] |
| 27 tingkah langkah | [KN+KN] | [KN] |
| 28 tingkah perangai | [KN+KN] | [KN] |
| 29 tutur kata | [KN+KN] | [KN] |
| 30 tutur cakap | [KN+KN] | [KN] |
| 31 tutur bahasa | [KN+KN] | [KN] |
| 32 umat manusia | [KN+KN] | [KN] |
| 33 baik pulih | [KA+KA] | [KK] |
| 34 belah bahagi | [KK+KK] | [KK]/[KA] |
| 35 campak buang | [KK+KK] | [KN]/[KK] |

sambung

| | KMS BM Seerti (KDE4) | Struktur | Kategori |
|----|----------------------|----------|-----------|
| 36 | campur baur | [KK+KA] | [KA] |
| 37 | campur aduk | [KK+KK] | [KK] |
| 38 | hubung kait | [KK+KN] | [KN] |
| 39 | ikut serta | [KK+KK] | [KK] |
| 40 | turut serta | [KK+KK] | [KK] |
| 41 | kaji selidik | [KN+KK] | [KN] |
| 42 | kawal selia | [KN+KK] | [KN] |
| 43 | lalu lintas | [KK+KA] | [KA]/[KN] |
| 44 | mati mampus | [KK+KK] | [KA] |
| 45 | mati modar | [KK+KA] | [KA] |
| 46 | pajak gadai | [KN+KK] | [KN] |
| 47 | peras ugut | [KK+KK] | [KK] |
| 48 | pujuk rayu | [KN+KN] | [KN] |
| 49 | pulang balik | [KK+KK] | [KK] |
| 50 | putar belit | [KK+KK] | [KK] |
| 51 | pusing belit | [KK+KK] | [KK] |
| 52 | rebut rampas | [KK+KK] | [KN] |
| 53 | siap sedia | [KA+KA] | [KK] |
| 54 | susun atur | [KN+KN] | [KN] |
| 55 | syak sangka | [KK+KN] | [KN] |
| 56 | syak wasangka | [KK+KA] | [KN] |
| 57 | tiru teladan | [KK+KK] | [KN] |
| 58 | tokok tambah | [KK+KK] | [KK] |
| 59 | tukar ganti | [KK+KK] | [KK] |
| 60 | tunjuk ajar | [KK+KK] | [KK] |
| 61 | tuntut balas | [KK+KK] | [KK] |
| 62 | tuntut bela | [KK+KK] | [KK] |
| 63 | biru lebam | [KA+KA] | [KA] |
| 64 | cerdik pandai | [KA+KA] | [KN] |
| 65 | bijak pandai | [KA+KA] | [KN] |
| 66 | duka lara | [KA+KA] | [KN] |
| 67 | duka nestapa | [KA+KA] | [KN] |
| 68 | gelap buta | [KA+KA] | [KA] |
| 69 | gelap kelam | [KA+KA] | [KA] |
| 70 | gelap pekat | [KA+KA] | [KA] |
| 71 | jimat cermat | [KA+KA] | [KA] |
| 72 | kelam lebam | [KA+KA] | [KA] |
| 73 | kelam kabut | [KA+KA] | [KA] |
| 74 | miskin papa | [KA+KA] | [KA] |
| 75 | mula pertama | [KA+KA] | [KA] |
| 76 | panas baran | [KA+KA] | [KA] |
| 77 | panas radang | [KA+KA] | [KA] |
| 78 | riang gembira | [KA+KA] | [KA] |
| 79 | riang ria | [KA+KA] | [KA] |
| 80 | ria gembira | [KA+KA] | [KA] |
| 81 | serba aneka | [KA+KA] | [KA] |

sambung

| | KMS BM Seerti (KDE4) | Struktur | Kategori |
|----|----------------------|----------|----------|
| 82 | serba jenis | [KA+KN] | [KA] |
| 83 | sunyi senyap | [KA+KA] | [KA] |
| 84 | sunyi sepi | [KA+KA] | [KA] |
| 85 | tua bangka | [KA+KA] | [KA] |
| 86 | tua ganyut | [KA+KA] | [KA] |
| 87 | tulus ikhlas | [KA+KA] | [KA] |

Jadual 3.3b

Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4)

| | KMS BM Berlawananan erti (KDE4) | Struktur | Kategori |
|-----|------------------------------------|----------|--------------------|
| 88 | datuk nenek | [KN+KN] | [KN] |
| 89 | hilir mudik | [KN+KK] | [KK] |
| 90 | hujung pangkal, pangkal hujung | [KN+KN] | [KN] |
| 91 | hulu hilir | [KN+KN] | [KN] |
| 92 | ibu bapa | [KN+KN] | [KN] |
| 93 | laba rugi | [KN+KN] | [KN] |
| 94 | laki bini | [KN+KN] | [KN] |
| 95 | laki isteri | [KN+KN] | [KN] |
| 96 | lintang bujur | [KA+KA] | [KN] |
| 97 | nenek moyang | [KN+KN] | [KN] |
| 98 | pagi petang | [KN+KN] | [KN] |
| 99 | siang malam | [KN+KN] | [KN] |
| 100 | suami isteri | [KN+KN] | [KN] |
| 101 | suka duka | [KA+KA] | [KN] |
| 102 | untung rugi | [KN+KN] | [KN] |
| 103 | jual beli | [KK+KK] | [KN] |
| 104 | jatuh bangun | [KK+KK] | [KK] |
| 105 | pasang surut | [KK+KK] | [KA] |
| 106 | pergi balik | [KK+KK] | [KK] |
| 107 | pergi datang | [KK+KK] | [KK] |
| 108 | pergi mari | [KK+KK] | [KK] |
| 109 | pulang pergi | [KK+KK] | [KK] |
| 110 | soal jawab | [KK+KK] | [KN] |
| 111 | tanya jawab | [KK+KK] | [KN] |
| 112 | timbul tenggelam, tenggelam timbul | [KK+KK] | [KK]/[KA] |
| 113 | turun naik, naik turun | [KK+KK] | [KK]/[KA] |
| 114 | hangat dingin | [KA+KA] | [KA] |
| 115 | dingin panas | [KA+KA] | [KA] |
| 116 | hitam putih | [KA+KA] | [KA] |
| 117 | kiri kanan | [KN+KN] | [KA _v] |
| 118 | kurang lebih, lebih kurang | [KA+KA] | [KA _v] |
| 119 | lambat-bangat | [KA+KA] | [KA] |

sambung

| | KMS BM Berlawananan erti (KDE4) | Struktur | Kategori |
|-----|---------------------------------|----------|-------------------------|
| 120 | luar dalam | [KN+KN] | [KN] |
| 121 | mundur maju, maju mundur | [KA+KA] | [KA] |
| 122 | panjang lebar | [KA+KA] | [KA] |
| 123 | banyak sedikitnya | [KA+KA] | [KN]/[KA _v] |

Jadual 3.3c

Struktur dan Kategori KMS BM (KDE4)

| | KMS BM Sejajar (KDE4) | Struktur | Kategori |
|-----|------------------------------|----------|----------|
| 124 | adab tertib | [KN+KN] | [KN] |
| 125 | anak bini | [KN+KN] | [KN] |
| 126 | anak cucu | [KN+KN] | [KN] |
| 127 | batu pasir | [KN+KN] | [KN] |
| 128 | besi waja | [KN+KN] | [KN] |
| 129 | besok lusa | [KN+KN] | [KN] |
| 130 | budi bahasa | [KN+KN] | [KN] |
| 131 | bukit bukau | [KN+KN] | [KN] |
| 132 | darah daging | [KN+KN] | [KN] |
| 133 | detik detak | [KN+KN] | [KN] |
| 134 | hari bulan | [KN+KN] | [KN] |
| 135 | hati jantung, jantung hati | [KN+KN] | [KN] |
| 136 | hujan angin | [KN+KN] | [KN] |
| 137 | kain baju | [KN+KN] | [KN] |
| 138 | kaki tangan, kakitangan | [KN+KN] | [KN] |
| 139 | karib kerabat | [KN+KN] | [KN] |
| 140 | mata hati | [KN+KN] | [KN] |
| 141 | mata kaki | [KN+KN] | [KN] |
| 142 | mata telinga | [KN+KN] | [KN] |
| 143 | pangkal pokok, pokok pangkal | [KN+KN] | [KN] |
| 144 | sandang pangan | [KN+KN] | [KN] |
| 145 | sendi tulang, tulang sendi | [KN+KN] | [KN] |
| 146 | tanah air | [KN+KN] | [KN] |
| 147 | tanah tanih | [KN+KN] | [KN] |
| 148 | lapar dahaga | [KA+KA] | [KA] |
| 149 | makan tidur | [KK+KK] | [KK] |
| 150 | punggah angkat | [KK+KK] | [KK] |
| 151 | uji kaji | [KN+KN] | [KN] |
| 152 | buta tuli | [KA+KA] | [KA] |
| 153 | gemuk gempal | [KA+KA] | [KA] |
| 154 | hina papa | [KA+KA] | [KA] |
| 155 | hitam lebam | [KA+KA] | [KA] |

sambung

| | KMS BM Sejajar (KDE4) | Struktur | Kategori |
|-----|-----------------------|-------------------------------------|--------------------|
| 156 | pahit getir | [KA+KA] | [KN] |
| 157 | pahit maung | [KA+KA] | [KN] |
| 158 | pahit pahang | [KA+KA] | [KA] |
| 159 | putih bersih | [KA+KA] | [KA] |
| 160 | putih kuning | [KA+KA] | [KA] |
| 161 | putih pucat | [KA+KA] | [KA] |
| 162 | pucat lesi | [KA+KA] | [KA] |
| 163 | senang lenang | [KA+KA] | [KA] |
| 164 | senang sentosa | [KA+KA] | [KA] |
| 165 | jangan tidak | [KA _v +KA _v] | [KA _v] |

Jadual 3.4

Analisis data KMS BM berdasarkan struktur dan kategori

| Bil | KMS BM (KDE4) | Seerti | Berlawanan erti | Sejajar | Jumlah |
|-----|--|--------|-----------------|---------|--------|
| 1 | [KN+KN]=[KN] | 32 | 13 | 25 | 70 |
| 2 | [KA+KA]=[KA] | 20 | 6 | 12 | 38 |
| 3 | [KK+KK]=[KK] | 12 | 5 | 2 | 19 |
| 4 | [KK+KK]=[KA] | 1 | 1 | 0 | 2 |
| 5 | [KA+KA]=[KN] | 4 | 2 | 2 | 8 |
| 6 | [KK+KK]=[KN] | 2 | 3 | 0 | 5 |
| 7 | [KN+KK]=[KN] | 3 | 0 | 0 | 3 |
| 8 | [KK+KA]=[KA] | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 9 | [KK+KN]=[KN] | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 10 | [KK+KA]=[KN] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 11 | [KA+KA]=[KK] | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 12 | [KN+KN]=[KA] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 13 | [KN+KA]=[KN] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 14 | [KA+KN]=[KA] | 1 | 1 | 0 | 2 |
| 15 | [KK+KK]=[KK]/[KA] | 1 | 2 | 0 | 3 |
| 16 | [KK+KK]=[KN]/[KK] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 17 | [KK+KA]=[KA]/[KN] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 18 | [KN+KK]=[KK] | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 19 | [KN+KN]=[KA _v] | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 20 | [KA+KA]=[KA _v] | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 21 | [KA _v +KA _v]=[KA _v] | 0 | 0 | 1 | 1 |
| | Jumlah | 87 | 36 | 42 | 165 |

3.2.3 Penyemakan Makna KMS BM

Penerangan makna setiap KMS BM dipetik daripada KDE4 dan disusun untuk penganalisisan data (dua kepala atau tiada kepala). Singkatan dan simbol dalam Lampiran A bagi setiap data KMS BM tersebut merupakan singkatan, simbol dan penerangan kata yang dipetik daripada KDE4, dengan itu jika timbul kekeliruan boleh rujuk singkatan dan simbol KDE4.

Makna setiap data KMS BM seerti, berlawanan erti dan sejajar dipaparkan dalam Lampiran A. Penyemakan makna ini bertujuan supaya data-data yang dikumpulkan ini disusun mengikut jenis seerti, berlawanan erti dan sejajar kemudiannya analisis makna dengan konsep kepala mengikut Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) untuk kajian ini dilaksanakan.

3.2.4 Pengenalpastian Padanan Terjemahan Daripada KMS BM Kepada KMS BC

Dalam proses pencarian padanan, semua data KMS BM daripada KDE4 cuba dicari terjemahan dalam bahasa Cina dengan KPE3. Hanya yang sepadan dalam dua bahasa sahaja KMS BM-BC diambilkira untuk perbincangan dan penganalisisan dari aspek struktur, kategori, pengenalpastian ciri-ciri dan makna. Maka satu jadual perbandingan yang terdiri daripada 165 KMS BM dengan semua padanan penterjemahan (BM-BC) daripada KPE3 dibina.

Berdasarkan senarai data utama Jadual 3.1, pengkaji akan mencari padanan penterjemahan daripada KMS BM kepada KMS BC dengan menggunakan kamus tribahasa (BM-BC-BI), iaitu KPE3. Kamus tribahasa merupakan alat rujukan yang penting bukan untuk mencari makna yang sepadan sahaja tetapi juga untuk mencari padanan untuk suatu terjemahan. Walau bagaimanapun, terjemahan KMS BM ini tidak semestinya merupakan KMS dalam bahasa Cina. Jadi, 165 data KMS BM tersebut disusun dan dipadankan dengan KMS BC, didapati hanya 91 KMS BM yang dapat dipadankan dengan 101 terjemahan KMS BC.

Dalam proses ini, hanya data-data padanan terjemahan yang merupakan KMS BC sahaja yang akan dipilih (ditanda dengan simbol '+'). Sebagai contoh, data terjemahan KMS BM: 'akar umbi', 'belas kasihan' dan 'cinta berahi, cinta kasih, kasih sayang, batu pasir, bukit bukau' dipetik daripada KPE3. Oleh sebab terdapat perbezaan dalam dua bahasa, data-data terjemahan BC adalah dalam pelbagai bentuk dan tidak semestinya dalam bentuk KMS BC seperti di Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Proses pencarian padanan terjemahan KMS BC

| | KMS BM (KDE4) | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC |
|-----|---------------|----------------------|--------|
| 1 | akar umbi | 基础 | + |
| 5 | belas kasihan | 同情, 怜悯 | -, + |
| 8 | cinta berahi, | x | x |
| 9 | cinta kasih, | x | x |
| 10 | kasih sayang | x | x |
| 125 | anak bini | 妻儿 | * |
| 127 | batu pasir | 沙石 | * |
| 131 | bukit bukau | 山丘 | * |
| 152 | buta tuli | 聋哑 | * |

Nota. + = KMS BC, - = bukan KMS BC, x = tidak dimasukkan dalam entri KPE3,
* = tidak dimasukkan dalam entri XHC5

Bagi data akar umbi 基础 ‘*asas + asas = asas*’, dengan jelas data terjemahan yang dipetik daripada KPE3 ini merupakan KMS BC, dengan itu data ini ditanda dengan simbol ‘+’ dan dipilih untuk prosedur perbandingan analisis data yang seterusnya.

Data ‘*belas kasihan*’ yang dipetik daripada KPE3 didapati mempunyai dua terjemahan dalam bahasa Cina iaitu: 同情 ‘*sama + kasihan = kasihan*’ yang bukan merupakan KMS BC, sementara 怜悯 ‘*kasihan + kasihan = kasihan*’ yang merupakan KMS BC. Oleh itu, hanya terjemahan 怜悯 ‘*kasihan + kasihan = kasihan*’ dipilih sebagai data KMS BC. Dengan merujuk Jadual 3.5 bagi ruangan ‘KMS BC’, data ‘同情’ bukan KMS ditandakan dengan simbol ‘-’ dan sebaliknya 怜悯 ditandakan dengan simbol ‘+’.

Bagi data ‘*cinta berahi, cinta kasih, kasih sayang*’ pula tidak terdapat entri kata dalam kamus KPE3. Oleh sebab bukan semua entri kata KMS dimasukkan dalam kamus KPE3 maka ketiga-tiga data tersebut tidak dapat dipetik sebagai data dalam kajian ini. Justeru itu, Jadual 3.5 di ruangan ‘Terjemahan BC (KPE3)’ ditanda dengan simbol ‘x’ dan di ruangan ‘KMS BC’ juga ditanda dengan simbol ‘x’. Walaupun sebenarnya data ‘*cinta berahi, cinta kasih, kasih sayang*’ ini boleh diterjemahkan dalam bahasa Cina, tetapi oleh sebab kajian ini hanya menyelidiki terjemahan BM-BC yang terdapat dalam kamus KPE3 sahaja, jadi ketiga-tiga data tersebut tidak akan dikaji.

Namun demikian, bagi data ‘*anak bini 妻儿*’, ‘*batu pasir 沙石*’, ‘*bukit bukau 山丘*’, ‘*buta tuli 聋哑*’ yang dipetik daripada KPE3 walaupun merupakan KMS BC, tetapi oleh sebab dan ‘*妻儿*’, ‘*沙石*’, ‘*山丘*’ dan ‘*聋哑*’ tidak dimasukkan dalam entri XHC5

(ditanda dengan simbol ‘*’). Ini bermakna keempat-empat data ini tidak akan dipilih dalam kajian ini sebab setiap data KMS BC dikenal pasti dengan menggunakan kamus XHC5.

Dalam hal ini, dapat disimpulkan dalam kajian ini semua data KMS BM yang bukan merupakan KMS BC seperti kiasan, peribahasa, rangkai kata, kata ganda atau kata majmuk jenis yang lain (data yang ditanda dengan simbol ‘-’, ‘x’ dan ‘*’), kesemuanya tidak akan dipilih untuk analisis perbandingan kajian ini.

Selain itu, oleh sebab KMS BC terdiri daripada dua kata dasar maka terjemahan dalam bentuk dua kata dasar sahaja akan dipilih. Dalam proses pemilihan data KMS BC (Jadual 3.6), data-data terjemahan BC (KPE3) yang terdiri daripada tiga atau empat kata dasar diubahsuaikan dan dipilih sebagai data KMS BC. Sebagai contoh: data ‘jimat cermat 谨慎的’, ‘darah daging 亲骨肉’, ‘hina papa 低贱的人, kata ‘的’ ‘亲’, ‘的人’ digugurkan, data-data tersebut menjadi dua kata dasar: ‘jimat cermat 谨慎’, ‘darah daging 骨肉’ dan ‘hina papa 低贱’. Hal ini disebabkan makna kata-kata KMS BC tersebut masih mempunyai makna yang terdekat walaupun kata ‘亲’, ‘的人’ dan ‘的’ dibuangkan. Sebaliknya, contoh seperti ‘悲喜交集’ tidak dapat diubahsuaikan sebagai ‘悲喜’ atas sebab ‘交集’ masih mendukung makna yang tertentu. Data-data lain ditunjukkan di Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Pemilihan Data KMS BC

| | KMS BM (KDE4) | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC |
|-----|-----------------------------|----------------------|--------|
| 71 | jimat cermat | 谨慎的 | 谨慎 |
| 73 | kelam kabut | 黑暗的 | 黑暗 |
| 83 | sunyi senyap, 84 sunyi sepi | 寂静的, 幽静的 | 寂静, 幽静 |
| 87 | tulus ikhlas | 诚恳的 | 诚恳 |
| 116 | hitam putih | 黑白的, 确定的 | 黑白, 确定 |
| 122 | panjang lebar | 冗长的, 详细的 | 冗长, 详细 |
| 132 | darah daging | 亲骨肉 | 骨肉 |
| 154 | hina papa | 低贱的人 | 低贱 |
| 155 | hitam lebam | 黝黑的 | 黝黑 |
| 161 | putih pucat, 162 pucat lesi | 苍白的 | 苍白 |

Pada masa yang sama, penyemakan data KMS BC dari aspek makna dan penentuan golongan kelas kata (KN, KK, KA, KAv) dilaksanakan dengan menggunakan XHC5. Makna dan kelas kata setiap data KMS BC yang dianalisis itu dikenal pasti dan dicatatkan dalam Lampiran B. Dua contoh di Jadual 3.7 yang menunjukkan makna KMS BC dan penentuan kelas katanya.

Jadual 3.7

Penyemakan makna dan penentuan golongan kelas kata KMS BC

| KMS BC | Makna daripada XHC5 |
|----------------|--|
| jī chǔ 基础 | ①[名]建筑物的根基 [KN] tapak bangunan ②[名]事物发展的根基或起点[KN]peringkat asas atau permulaan perkembangan ③[名]经济基础的简称 [KN] dasar ekonomi |
| jī 基 | ①[名]基础[KN]asas②[形]最基层的；起始的；根本的[KA]dasar, permulaan, asas ③[名]化合物的分子所含的一部分原子被当成一个单位时的名称。如疏基，氨基[KN] unit kimia |
| chǔ 础 | [名]垫在房屋柱子底下的石头[KN]batu sebagai tapak bangunan |
| lián mǐn 怜悯 | ①[动]同情；可怜（不幸的人）[KK]kasihan |
| lián 怜 | ①[动]对遭遇不幸的人表示同情②[动]爱 ①[KK]kasihan②[KK]kasih |
| mǐn 悯 | [动]哀怜，同情[KK]kasihan |

Makna-makna ‘基础’ dan ‘怜悯’ yang diperoleh daripada kamus bahasa Cina XHC5 di atas, dapat dikenal pasti merupakan KMS BC jenis sejajar yang sepadan dengan data KMS BM. Setiap data disemak dan dikenal pasti dengan XHC5 sama ada merupakan KMS BC. Justeru itu, data padanan KMS BC dikenal pasti.

Pengenalpastian data KMS BC yang sepadan dengan KMS BM ditapis dengan simbol ‘+’, ‘-’, ‘x’ dan ‘*’. Untuk menyenangkan rujukan bandingan maka susun atur data-data Jadual 3.8a, 3.8b dan 3.8c merupakan perbandingan dari aspek struktur dan kategori bagi KMS BM dan padanan terjemahan BC. Lampiran B tentang makna padanan terjemahan KMS BC disediakan untuk rujukan dan semakan supaya KMS BC dapat dikenal pasti dengan tepatnya.

Jadual 3.8a

Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC

| | KMS BM Seerti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|----|---------------------------------|---------|------|----------------------|---------------|--------------------|------------------|
| 1 | akal budi | [KN+KN] | [KA] | 知书识礼 | - | - | - |
| 2 | akar umbi | [KN+KN] | [KN] | 基础 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 3 | asal usul, usul asal | [KN+KN] | [KN] | 起源, 祖先 | + | [KK+KN] | [KN]/ [KK] |
| 4 | azab sengsara | [KN+KN] | [KN] | 各种困难 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 5 | belas kasihan | [KN+KA] | [KN] | 同情, 怜悯 | -, + | - [KK+KK] | - [KK] |
| 6 | budi bicara | [KN+KN] | [KN] | 常识, 有判断 力 | -, - | -, - | -, - |
| 7 | budi pekerti | [KN+KN] | [KN] | 品性, 人格 | +, - | [KN+KN] | [KN] |
| 8 | cinta berahi | [KN+KN] | [KN] | x | x | x | x |
| 9 | cinta kasih | [KN+KN] | [KN] | x | x | x | x |
| 10 | kasih sayang | [KN+KN] | [KN] | x | x | x | x |
| 11 | gambar rajah | [KN+KN] | [KN] | 图表, 线图, 图形, 图解 | +, -, +, - | [KN+KN] [KN+KN] | [KN] [KN] |
| 12 | hak milik | [KN+KN] | [KN] | 所有权, 拥有 权 | -, - | -, - | -, - |
| 13 | hutan rimba | [KN+KN] | [KN] | 保护林, 原始 森林 | -, - | -, - | -, - |
| 14 | jangka masa, | [KN+KN] | [KN] | 期限, 期间, | -, +, + | [KN+KN] | [KN] |
| 15 | jangka waktu | [KN+KN] | [KN] | 时期 | | [KN+KN] | [KN] |
| 16 | kaum keluarga | [KN+KN] | [KN] | 亲戚, 亲属 | +, - | [KN+KN] | [KN] |
| 17 | kaum kerabat | [KN+KN] | [KN] | | | | |
| 18 | saudara mara | [KN+KN] | [KN] | | | | |
| 19 | kayu pohon, | [KN+KN] | [KN] | 木材, 树木 | +, + | [KN+KN] | [KN] |
| 20 | pokok kayu | [KN+KN] | [KN] | | | [KN+KN] | [KN] |
| 21 | mak bonda | [KN+KN] | [KN] | (喻)老妖精 | - | | - |
| 22 | pangkal pokok, pokok pangkal | [KN+KN] | [KN] | 谈话的中心, 要点 | -, - | -, - | -, - |
| 23 | rupa muka | [KN+KN] | [KN] | 脸孔 | - | - | - |
| 23 | sebab musabab | [KN+KN] | [KN] | 种种原因 | - | - | - |
| 25 | tegah larangan | [KN+KN] | [KN] | 禁忌 | + | [KK+KK] | [KN]/ [KK+KK] |
| 26 | tingkah laku, | [KN+KN] | [KN] | 行为, 举止 | +, - | [KK+KK] | [KN] |
| 27 | tingkah langkah, | [KN+KN] | [KN] | | | | |
| 28 | tingkah perangai | [KN+KN] | [KN] | | | | |

sambung

| | KMS BM Seerti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|----|---------------|---------|---------------|------------------------|-------------|--------------------|------------------------|
| 29 | tutur kata, | [KN+KN] | [KN] | 会话 | - | - | - |
| 30 | tutur cakap, | [KN+KK] | [KN] | | | | |
| 31 | tutur bahasa | [KN+KN] | [KN] | | | | |
| 32 | umat manusia | [KN+KN] | [KN] | 全人类 | - | - | - |
| 33 | baik pulih | [KA+KA] | [KK] | 维修, | +, | [KK+KK] | [KK] |
| | | | | 修理 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 34 | belah bahagi | [KK+KK] | [KK]/ [KA] | 分裂, 不团结的 | +,- | [KK+KK] | [KK] |
| 35 | campak buang | [KK+KK] | [KN]/ [KK] | 标枪, 乱丢, 乱扔, 不重视 (某件东西) | -,-,-, - | - | - |
| 36 | campur baur, | [KK+KA] | [KA] | 混乱的, | +, | [KK+KA] | [KA] |
| 37 | campur aduk | [KK+KK] | [KK] | 混杂的 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 38 | hubung kait | [KK+KN] | [KN] | 关联 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 39 | ikut serta | [KK+KK] | [KK] | 参与 | - | - | - |
| 40 | turut serta | KK+KK] | [KK] | 参加 | - | - | - |
| 41 | kaji selidik | [KN+KA] | [KN] | 研究 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 42 | kawal selia | [KN+KK] | [KN] | x | x | x | x |
| 43 | lalu lintas | [KK+KA] | [KA]/ [KN] | 熙熙攘攘, 交通 | -, - | -, - | -, - |
| 44 | mati mampus, | [KK+KK] | [KA] | 当场 (立刻) 死 | - | - | - |
| 45 | mati modar | [KK+KA] | [KA] | 亡 | | | |
| 46 | pajak gadai | [KK+KK] | [KN] | 开当铺得准证 | - | - | - |
| | | | | 当铺, 当店 | -,- | - | - |
| 47 | peras ugut | [KK+KK] | [KK] | 勒索, 敲诈 | -,+ | [KK+KK] | [KK] |
| 48 | pujuk rayu | [KN+KN] | [KN] | 好言相对 | - | - | - |
| 49 | pulang balik | [KK+KK] | [KK] | 来回, 徘徊 | +,- | [KK+KK] | [KN]/ [KK]/ [KA] |
| 50 | putar belit | [KK+KK] | [KK] | 欺诈, 欺骗 | +,+ | [KK+KK] [KK+KK] | [KK] [KK] |
| 51 | pusing belit | [KK+KK] | [KK] | 诡计多端的 | - | - | - |
| 52 | rebut rampas | [KK+KK] | [KN] | 争, 夺, 抢, 劫打抢等 | - | - | - |
| 53 | siap sedia | [KA+KA] | [KK] | 预备妥当的 | - | - | - |
| 54 | susun atur | [KN+KN] | [KN] | 排版, 排列, 安排 | -,+, + | [KK+KK] [KK+KK] | [KK] [KK] |
| 55 | syak sangka, | [KK+KN] | [KN] | 猜疑 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 56 | syak wasangka | [KK+KN] | [KN] | | | | |
| 57 | tiru teladan | [KK+KK] | [KN] | 榜样, 范例 | -,+ | [KN+KN] | [KN] |

sambung

| | KMS BM Seerti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|----|---------------|---------|------|-------------------------|-------------|--------------------|-----------------------|
| 58 | tokok tambah | [KK+KK] | [KK] | 增补, 补充 | +,+ | [KK+KK] [KK+KK] | [KK] [KK] |
| 59 | tukar ganti | [KK+KK] | [KK] | 替代 | + | [KK+KK] | [KK] |
| 60 | tunjuk ajar | [KK+KK] | [KK] | 指导, 劝告 | +,+ | [KK+KK] [KK+KK] | [KK] [KK]/ [KN] |
| 61 | tuntut balas, | [KK+KK] | [KK] | 报仇 | - | - | - |
| 62 | tuntut bela | [KK+KK] | [KK] | | | | |
| 63 | biru lebam | [KA+KA] | [KA] | 青黑色的 | - | - | - |
| 64 | cerdik pandai | [KA+KA] | [KN] | 知识分子 | - | - | - |
| 65 | bijak pandai | [KA+KA] | [KN] | x | x | x | x |
| 66 | duka lara | [KA+KA] | [KN] | 悲伤, 哀伤 | +,+ | [KA+KA] [KA+KA] | [KA] [KA] |
| 67 | duka nestapa | [KA+KA] | [KN] | 伤心, 悲伤, 忧伤, 悲哀 | -,+, +,+ | [KA+KA] [KA+KA] | [KA] [KA] |
| 68 | gelap buta | [KA+KA] | [KA] | 漆黑 | - | - | - |
| 69 | gelap pekat, | [KA+KA] | [KA] | 非常黑暗 (阴 | - | - | - |
| 70 | kelam pekat | [KA+KA] | [KA] | 沉) 的 | | | |
| 71 | jimat cermat | [KA+KA] | [KA] | 节俭, 节省, | +, +, | [KA+KA] [KK+KK] | [KA] [KK]/ [KA] |
| | | | | 小心的, 谨慎 的 | -,+ | [KA+KA] | [KA] |
| 72 | kelam lebam | [KA+KA] | [KA] | 漆黑的 | - | - | - |
| 73 | kelam kabut | [KA+KA] | [KA] | 黑暗的, 乱糟 糟的 | +, - | [KA+KA] | [KA] |
| 74 | miskin papa | [KA+KA] | [KA] | 贫困, 贫穷 | +,+ | [KA+KA] [KA+KA] | [KA] [KA] |
| 75 | mula pertama | [KA+KA] | [KA] | 最早的 | - | - | - |
| 76 | panas baran | [KA+KA] | [KA] | 易怒的 | - | - | - |
| 77 | panas radang | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 78 | riang gembira | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 79 | riang ria | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 80 | ria gembira | [KA+KA] | [KA] | 兴高采烈的 | - | - | - |
| 81 | serba aneka, | [KA+KA] | [KA] | 各式各样的, | -, | -, | -, |
| 82 | serba jenis | [KA+KN] | [KA] | 五花八门的 | - | - | - |
| 83 | sunyi senyap | [KA+KA] | [KA] | 冷冷清清, | -, | | |
| 84 | sunyi sepi | [KA+KA] | [KA] | 寂静的, 幽静 的 | +,+ | [KA+KA] [KA+KA] | [KA] [KA] |
| 85 | tua bangka | [KA+KA] | [KA] | 老朽 | + | [KA+KA] | [KA] |
| 86 | tua ganyut | [KA+KA] | [KA] | 老迈 | + | [KA+KA] | [KA] |

sambung

| | KMS BM Seerti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|----|---------------|---------|------|----------------------|--------|---------|------|
| 87 | tulus ikhlas | [KA+KA] | [KA] | 诚恳的, 真心诚意 | +, - | [KA+KA] | [KA] |

Jadual 3.8b

Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC

| | KMS BM Berlawanan erti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|-----|--------------------------------|---------|------|----------------------|---------------|---------|--------------------|
| 88 | datuk nenek | [KN+KN] | [KN] | 祖先 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 89 | hilir mudik | [KN+KK] | [KK] | 往返, 来来去去 | +, - | [KK+KK] | [KK] |
| 90 | hujung pangkal, pangkal hujung | [KN+KN] | [KN] | 根源 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 91 | hulu hilir | [KN+KN] | [KN] | 上游和下游, 根源, 始末, 来龙去脉 | - , + , + , - | [KN+KN] | [KN] |
| 92 | ibu bapa | [KN+KN] | [KN] | 父母, 双亲 | +, - | [KN+KN] | [KN] |
| 93 | laba rugi | [KN+KN] | [KN] | x | x | x | x |
| 94 | laki bini | [KN+KN] | [KN] | 夫妻 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 95 | laki isteri | [KN+KN] | [KN] | | | | |
| 96 | lintang bujur | [KA+KA] | [KN] | 对角线 | - | - | - |
| 97 | nenek moyang | [KN+KN] | [KN] | 祖宗, 祖先, 列祖列宗 | +, + , - | [KN+KN] | [KN] |
| 98 | pagi petang | [KN+KN] | [KN] | x | x | x | x |
| 99 | siang malam | [KN+KN] | [KN] | 日夜 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 100 | suami isteri | [KN+KN] | [KN] | 夫妻 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 101 | suka duka | [KA+KA] | [KN] | 快乐与悲伤, 悲喜交集 | - , - | - | - |
| 102 | untung rugi | [KN+KN] | [KN] | 盈亏, 损益 | +, + | [KK+KK] | [KN] |
| 103 | jual beli | [KK+KK] | [KN] | 买卖, 贸易 | +, - | [KK+KA] | [KK] |
| 104 | jatuh bangun | [KK+KK] | [KK] | x | x | [KK+KK] | [KN] |
| 105 | pasang surut | [KK+KK] | [KA] | 退潮, 有起有落的 | - , - , - | x | x |
| 106 | pergi balik, | [KK+KK] | [KK] | 来回 | + | - | - |
| 107 | pergi datang, | [KK+KK] | [KK] | | | [KK+KK] | [KN]/ |
| 108 | pergi mari | [KK+KK] | [KK] | | | | [KK]/ |
| 109 | pulang pergi | [KK+KK] | [KK] | 徘徊, 来回 | - , + | | [KA _v] |

sambung

| | KMS BM Berlawanan erti | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|-----|---|--------------------|----------------------------|--|------------------|---|---|
| 110 | soal jawab | [KK+KK] | [KN] | 问答, 对答 | +, -, | [KK+KK] | [KN] |
| 111 | tanya jawab | [KK+KK] | [KN] | 访谈, 访问 | +, + | [KK+KK] [KK+KK] | [KK] [KK] |
| 112 | timbul tenggelam, tenggelam timbul | [KK+KK] | [KK]/ [KA] | 时浮时现的, 时隐时现的, 好运的, 非常 繁忙的 | -, - -, - | - - - | - - - |
| 113 | turun naik, naik turun | [KK+KK] | [KK]/ [KA] | x | x | x | x |
| 114 | hangat dingin | [KA+KA] | [KA] | 哀乐, 悲喜交 集 | +, - | [KN+KN] | [KN] |
| 115 | dingin panas | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 116 | hitam putih | [KA+KA] | [KA] | 黑白的 (白纸 黑字的), 黑白 分明的, 确定 的, 事实的 | +, -, +, - | [KA+KA] [KA+KK] [KA+KK] [KA+KA] [KA+KA] | [KN] [KK]/ [KA]/ [KK]/ [KA] |
| 117 | kiri kanan, kanan kirinya | [KN+KN] [KN+KN] | [KN] [KA _v] | 大约, 大概 | -, - | - | - |
| 118 | kurang lebih, lebih kurang | [KA+KA] | [KA _v] | 大约, 大体, 差不多 | -, -, - | - | - |
| 119 | lambat-bangat | [KA+KA] | [KA] | 久而久之, 逐 渐, 渐渐 | -, -, - | - | - |
| 120 | luar dalam | [KN+KN] | [KN] | 内外, 灵魂与肉体, 外表与内心 | +, -, - | [KN+KN] | [KN] |
| 121 | mundur maju, maju mundur | [KA+KA] | [KA] | 立心不定的, 三心两意的, 犹豫不决的 | -, -, - | - | - |
| 122 | panjang lebar | [KA+KA] | [KA] | 长篇大论的, 冗长的, 详细 的 | -, +, + | [KA+KA] [KA+KA] | [KA] [KA] |
| 123 | banyak sedikitnya | [KA+KA] | [KA] | 多多少少, 或 多或少, 总数, 多少 | -, - -, + | - [KA+KA] | - [KA _v] |

Perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan BC

| | KMS BM Sejajar | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|-----|---------------------------------|---------|------|-------------------------|-----------|-------------------------------|------------------------|
| 124 | adab tertib | [KN+KN] | [KN] | 纪律 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 125 | anak bini | [KN+KN] | [KN] | 妻儿, 家眷 | *,- | *,- | *,- |
| 126 | anak cucu | [KN+KN] | [KN] | 子孙, 后代, 后裔 | +,-,- | [KN+KN] | [KN] |
| 127 | batu pasir | [KN+KN] | [KN] | 沙石 | * | * | * |
| 128 | besi waja | [KN+KN] | [KN] | 钢 | - | - | - |
| 129 | besok lusa | [KN+KN] | [KN] | 明后天, 日后 | -,- | - | - |
| 130 | budi bahasa | [KN+KN] | [KN] | 礼仪, 有教 养, 谦恭有理 | +,-, - | [KN+KN] | [KN] - |
| 131 | bukit bukau | [KN+KN] | [KN] | 山丘 | * | * | * |
| 132 | darah daging | [KN+KN] | [KN] | 亲骨肉, 亲属 | +,+ | [KN+KN] [KN+KN] | [KN] [KN] |
| 133 | detik detik | [KN+KN] | [KN] | 新闻, 消息 | -,- | - | - |
| 134 | hari bulan | [KN+KN] | [KN] | 日期 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 135 | hati jantung, jantung hati | [KN+KN] | [KN] | 心肝, 爱人, 恋人 | +,-, - | [KN+KN] | [KN] - |
| 136 | hujan angin | [KN+KN] | [KN] | 风雨 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 137 | kain baju | [KN+KN] | [KN] | 衣服, 衣着 | +,- | [KN+KN] | [KN] |
| 138 | kaki tangan | [KN+KN] | [KN] | 手足, 四肢 | +,- | [KN+KN] | [KN], |
| | kakitangan | | | I 职员, 助手, 左右手 | -,-, - | - | - |
| | | | | II 爪牙 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 139 | karib kerabat | [KN+KN] | [KN] | 近亲 | - | - | - |
| 140 | mata hati | [KN+KN] | [KN] | 感情 | + | [KN+KN] | [KN] |
| 141 | mata kaki | [KN+KN] | [KN] | 脚踝 | - | - | - |
| 142 | mata telinga | [KN+KN] | [KN] | 耳目, 心腹, 亲信 | +,+, + | [KN+KN] [KN+KN] [KN+KN] | [KN], [KN], [KN] |
| 143 | pangkal pokok, pokok pangkal | [KN+KN] | [KN] | 谈话的中心 (要点) | - | - | - |
| 144 | sandang pangan | [KN+KN] | [KN] | 衣食, 日常 必需品 | +,- | [KN+KN] | [KN] |
| 145 | sendi tulang, tulang sendi | [KN+KN] | [KN] | 关节, 节骨 | +,- | [KN+KN] | [KN] |
| 146 | tanah air | [KN+KN] | [KN] | 祖国 | - | - | - |

sambung

| | KMS BM Sejajar | STRUK | KAT | Terjemahan BC (KPE3) | KMS BC | STRUK | KAT |
|-----|-------------------|---|--------------------|----------------------------|------------------|---|----------------------------|
| 147 | tanah tanih | [KN+KN] | [KN] | 各种泥土 | - | - | - |
| 148 | lapar dahaga | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 149 | makan tidur | [KK+KK] | [KK] | 好吃懒做 | - | - | - |
| 150 | punggah angkat | [KK+KK] | [KK] | 卸下, 搬运 | -, + | [KK+KK] | [KK] |
| 151 | uji kaji | [KN+KN] | [KN] | 试验, 实验 | +, - | [KK+KK] | [KK] |
| 152 | buta tuli | [KA+KA] | [KA] | 聋哑, 无知的 | *, - | *, - | *, - |
| 153 | gemuk gempal | [KA+KA] | [KA] | 肥胖 | + | [KA+KA] | [KA] |
| 154 | hina papa | [KA+KA] | [KA] | 低贱的人, 非常低贱 | +, - | [KA+KA] | [KA] |
| 155 | hitam lebam | [KA+KA] | [KA] | 黝黑的 | + | [KA+KA] | [KA] |
| 156 | pahit getir | [KA+KA] | [KN] | 各种苦难, 千 辛万苦, 种 种艰难困苦 | -, -, - | -, -, - | - -, - |
| 157 | pahit maung | [KA+KA] | [KN] | 很苦, 味道 极苦, 苦难, 难艰 | -, -, +, - | - [KA+KA] - | - [KN] - |
| 158 | pahit pahang | [KA+KA] | [KA] | 苦涩 | + | [KA+KA] | [KA] |
| 159 | putih bersih | [KA+KA] | [KA] | 洁白的 | + | [KA+KA] | [KA] |
| 160 | putih kuning | [KA+KA] | [KA] | 淡黄色, 爱人 | -, - | -, - | -, - |
| 161 | putih pucat, | [KA+KA] | [KA] | 苍白的, 异 | +, - | [KA+KA] | [KA] |
| 162 | pucat lesi | [KA+KA] | [KA] | 常苍白的 | | | |
| 163 | senang lenang | [KA+KA] | [KA] | 愉快, 舒适 | +, + | [KA+KA] | [KA] |
| 164 | senang sentosa | [KA+KA] | [KA] | x | x | x | x |
| 165 | jangan tidak | [KA _v + KA _v] | [KA _v] | 一定要, 不 认真的, 必 须 | -, -, + | -, - [KA _v + KA _v] | -, - [KA _v] |

3.2.5 Pengorganisasian Data KMS BM – Padanan Terjemahan KMS BC

Dalam proses pengenalpastian padanan terjemahan KMS BC, pengorganisasian data dalam kedua-dua bahasa juga dijalankan secara serentak. Proses pengorganisasian ini melibatkan tiga aspek yang penting iaitu struktur KMS, kategori KMS dan makna KMS dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina sepadan yang diteliti untuk perbincangan kajian ini.

Data-data KMS yang sepadan dalam dua bahasa untuk perbandingan memang susah dicari. Proses penapisan dilaksanakan dengan simbol '+', '-' dan 'x' dan '*' yang bertujuan untuk mengenal pasti KMS BC. Sebanyak 56 data KMS BM yang ditanda '-' yang bermaksud terjemahan BC tersebut bukan merupakan KMS BC, manakala empat data KMS BM 'batu pasir 沙石', 'bukit bukau 山丘', 'anak bini 妻儿' dan 'buta tuli 聋哑' yang ditanda dengan simbol '*' bererti data tersebut tidak dimasukkan dalam entri XHC5, seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.8.

Bagi 15 data yang ditanda dengan simbol 'x' di Jadual 3.8 bererti data KMS BM tersebut tidak dimasukkan dalam entri KPE3. Walau bagaimanapun 15 data KMS BM tersebut dapat dicari makna dan terjemahan secara berasingan dalam KPE3 (contoh: cinta 喜爱, 热爱; berahi 恋慕, 爱慕, 迷恋, tetapi 'cinta berahi' tidak dapat dicari dalam KPE3). Ini bermaksud data-data tersebut tidak dimasukkan sebagai entri KPE3:

| | | |
|-------------------|-------------------|-----------------------------|
| 8. cinta berahi | 9. cinta kasih | 10. kasih sayang |
| 42. kawal selia | 65. pandai bijak | 77. panas radang |
| 78. riang gembira | 79. riang ria | 93. laba rugi |
| 98. pagi petang | 104. jatuh bangun | 113. turun naik, naik turun |
| 115. dingin panas | 148. lapar dahaga | 164. senang sentosa |

Dalam proses penyusunan data-data KMS BC di Jadual 3.9, didapati terdapat kata-kata terjemahan KMS BC yang wujud melebihi sekali dalam dua keadaan. Pertama, kata-kata terjemahan KMS BC '悲伤, 祖先, 根源, 来回' wujud dalam KMS yang sama jenis. Kedua, KMS BC '祖先, 来回' juga wujud dalam KMS yang berlainan jenis.

Dalam hal sedemikian, bagi keadaan pertama, KMS yang sama jenis seperti ‘悲伤 duka lara, 悲伤 duka nestapa’ (KMS BM seerti), ‘祖先 datuk nenek , 祖先 nenek moyang’ (KMS berlawanan erti), ‘根源 hujung pangkal, pangkal hujung, 根源 hulu hilir’(KMS berlawanan erti), ‘来回 pergi balik, pergi datang, pergi mari, 来回 pulang pergi’(KMS BM berlawanan erti)’, semua data tersebut hanya diambil kira sekali sahaja (35 悲伤, 50 祖先, 52 根源, 62 来回 di Jadual 3.9) kerana atas sebab saling memiliki terjemahan yang sama. Ini bertujuan untuk mengelakkan pengulangan analisis KMS BC yang sama bentuk dalam jenis KMS yang sama. Dapat disimpulkan, kesemua data KMS BC berikut hanya diambil kira sekali sahaja kerana dalam KMS yang sama jenis seperti berikut:

| | |
|---|----------------|
| 66 duka lara (seerti) | 35 悲伤 |
| 67 duka nestapa (seerti) | 悲伤(digugurkan) |
| 88 datuk nenek (berlawanan erti) | 50 祖先 |
| 97 nenek moyang (berlawanan erti) | 祖先(digugurkan) |
| 90 hujung pangkal, pangkal hujung (berlawanan erti) | 52 根源 |
| 91 hulu hilir (berlawanan erti) | 根源(digugurkan) |
| 106 pergi balik, 107 pergi datang, 108 pergi mari (berlawanan erti) | 62 来回 |
| 109 pulang pergi (berlawanan erti) | 来回(digugurkan) |

Manakala dalam keadaan kedua, oleh sebab terdapat data terjemahan KMS BC yang dikategori dalam jenis KMS yang berlainan seperti ‘asal usul, usul asal 祖先’ merupakan KMS BM seerti, sementara ‘datuk nenek 祖先’ merupakan KMS berlawanan erti, selain itu ‘pulang balik 来回’ merupakan jenis KMS BC serti sebaliknya ‘pergi balik,

pergi datang, pergi mari 来回’ dan ‘pulang pergi 来回’ merupakan jenis KMS BC berlawanan erti, dengan itu data KMS BC ‘祖先, 来回’ ini diambil kira sebagai dua data KMS BC yang berasingan:

| | |
|--|------|
| 3 asal usul, usul asal (seerti) | 3祖先 |
| 50 datuk nenek (berlawanan erti) | 50祖先 |
| 49 pulang balik (seerti) | 23来回 |
| 106 pergi balik, 107 pergi datang, 108 pergi mari, 109 pulang pergi (berlawanan erti) | 62来回 |

Akhirnya daripada 165 KMS BM, didapati 75 data KMS BM (56 data KMS BM yang ditanda ‘-’, 15 data KMS BM yang ditanda dengan simbol ‘x’ dan empat data KMS BM ditanda dengan simbol ‘*’) tidak dapat dipilih. Setelah disusun satu senarai data perbandingan antara dua bahasa di Jadual 3.9a, 3.9b dan 3.9c yang melibatkan sebanyak 91 KMS BM dan 101 padanan terjemahan KMS BC akan dibincangkan. Saiz dan Jenis data KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC dipaparkan di Jadual 3.10.

Jadual 3.9a

Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS

| KMS BM Seerti | Padanan KMS BC |
|--|----------------|
| 2. akar umbi | 1. 基础 |
| 3. asal usul, usul asal | 2. 起源, 3.祖先 |
| 5. belas kasihan | 4. 怜悯 |
| 7. budi perkerti | 5. 品性 |
| 11. gambar rajah | 6. 图表, 7. 图形 |
| 14. jangka masa, 15. jangka waktu | 8. 期间, 9. 时期 |
| 16.kaum keluarga, 17. kaum kerabat, 18. saudara mara | 10. 亲戚 |
| 19. kayu pohon, 20. pokok kayu | 11. 木材, 12.树木 |
| sambung | |

| KMS BM Seerti | Padanan KMS BC |
|---|----------------|
| 25. tegah larangan | 13. 禁忌 |
| 26. tingkah laku, 27. tingkah langkah, 28. tingkah perangai | 14. 行为 |
| 33. baik pulih | 15. 维修, 16. 修理 |
| 34. belah bahagi | 17. 分裂 |
| 36. campur baur, 37. campur aduk | 18. 混乱, 19. 混杂 |
| 38. hubung kait | 20. 关联 |
| 41. kaji selidik | 21. 研究 |
| 47. peras ugut | 22. 敲诈 |
| 49. pulang balik | 23. 来回 |
| 50. putar belit, 51. pusing belit | 24. 欺诈, 25. 欺骗 |
| 54. susun atur | 26. 排列, 27. 安排 |
| 55. syak sangka, 56. syak wasangka | 28. 猜疑 |
| 57. tiru teladan | 29. 范例 |
| 58. tokok tambah | 30. 增补, 31. 补充 |
| 59. tukar ganti | 32. 替代 |
| 60. tunjuk ajar | 33. 指导, 34. 劝告 |
| 66. duka lara | 35. 悲伤, 36. 哀伤 |
| 67. duka nestapa | 37. 忧伤, 38. 悲哀 |
| 71. jimat cermat | 39. 节俭, 40. 节省 |
| | 41. 谨慎 |
| 73. kelam kabut | 42. 黑暗 |
| 74. miskin papa | 43. 贫困, 44. 贫穷 |
| 83. sunyi senyap, 84. sunyi sepi | 45. 寂静, 46. 幽静 |
| 85. tua bangsa | 47. 老迈 |
| 86. tua ganyut | 48. 老朽 |
| 87. tulus ikhlas | 49. 诚恳 |

Jadual 3.9b

Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS

| KMS BM Berlawanan erti | Padanan KMS BC |
|------------------------------------|----------------|
| 88. datuk nenek | 50. 祖先 |
| 89. hilir mudik | 51. 往返 |
| 90. hujung pangkal, pangkal hujung | 52. 根源 |
| 91. hulu hilir | 53. 始末 |
| 92. ibu bapa | 54. 父母 |
| 94. laki bini, 95. laki isteri | 55. 夫妻 |
| 97. nenek moyang | 56. 祖宗 |
| 99. siang malam | 57. 日夜 |

sambung

| KMS BM Berlawanan erti | Padanan KMS BC |
|--|-----------------|
| 100. suami isteri | 58. 夫妻 |
| 102. untung rugi | 59. 盈亏, 60. 损益 |
| 103. jual beli | 61. 买卖 |
| 106. pergi balik, 107. pergi datang, 108. pergi mari | 62. 来回 |
| 109. pulang pergi | |
| 110. soal jawab, 111. tanya jawab | 63. 问答, 64. 访谈, |
| | 65. 访问 |
| 114. hangat dingin | 66. 哀乐 |
| 116. hitam putih | 67. 黑白, 68. 确定 |
| 120. luar dalam | 69. 内外 |
| 122. panjang lebar | 70. 冗长, 71. 详细 |
| 123. banyak sedikitnya | 72. 多少 |

Jadual 3.9c

Data perbandingan KMS BM dan padanan KMS BC KMS

| KMS BM Sejarar | Padanan KMS BC |
|-----------------------------------|------------------------|
| 124. adab tertib | 73. 纪律 |
| 126. anak cucu | 74. 子孙 |
| 130. budi bahasa | 75. 礼仪 |
| 132. darah daging | 76. 骨肉, 77. 亲属 |
| 134. hari bulan | 78. 日期 |
| 135. hati jantung, jantung hati | 79. 心肝 |
| 136. hujan angin | 80. 风雨 |
| 137. kain baju | 81. 衣服 |
| 138. kaki tangan, kakitangan | 82. 手足, 83. 爪牙 |
| 140. mata hati | 84. 感情 |
| 142. mata telinga | 85. 耳目, 86. 心腹, 87. 亲信 |
| 144. sandang pangan | 88. 衣食 |
| 145. sendi tulang, tulang sendi | 89. 关节 |
| 150. punggung angkat | 90. 搬运 |
| 151. uji kaji | 91. 试验 |
| 153. gemuk gempal | 92. 肥胖 |
| 154. hina papa | 93. 低贱 |
| 155. hitam lebam | 94. 黝黑 |
| 157. pahit maung | 95. 苦难 |
| 158. pahit pahang | 96. 苦涩 |
| 159. putih bersih | 97. 洁白 |
| 161. putih pucat, 162. pucat lesi | 98. 苍白 |

sambung

| KMS BM Sejar | Padanan KMS BC |
|--------------------|-----------------|
| 163. senang lenang | 99. 愉快, 100. 舒适 |
| 165. jangan tidak | 101. 必须 |

Jadual 3.10

Saiz dan jenis data KMS BM dan padanan KMS BC

| | Seerti | Berlawanan erti | Sejar | Bil |
|----------------|--------|-----------------|-------|-----|
| BM | 43 | 23 | 25 | 91 |
| Padanan KMS BC | 49 | 23 | 29 | 101 |

3.3 PENGANALISISAN DATA DAN PERBANDINGAN DATA

Penganalisan dan perbandingan data kajian ini meliputi empat aspek utama, iaitu struktur, kategori, makna KMS BM dan KMS BC serta penentu ciri-ciri. Data KMS perbandingan yang sepadan di Jadual 3.8a, 3.8b dan 3.8c berkenaan BM-BC telah dibentuk dan akan dianalisis supaya dapat memberi satu penghuraian yang jelas, tepat dan spesifik.

Pada dasarnya penganalisan kajian ini menggunakan kerangka teoretis Ceccagno dan Scalise (2006) dari aspek struktur, kategori dan makna sementara aspek pengenalpastian ciri-ciri kata majmuk setara pula pendekatan Zaidi (2008) diterapkan. Di samping itu, kajian-kajian Chui (1991) dan Zhou (2006) dijadikan sebagai rujukan yang penting terutamanya dalam bahasa Cina, jadi konsep mereka akan diterapkan dan disesuaikan supaya dapat menghasilkan satu analisis yang menyeluruh.

3.3.1 Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006)

Ceccagno dan Scalise (2006) berpendapat menghuraikan kata majmuk sesuatu bahasa seharusnya melibatkan dua peringkat, iaitu peringkat formal dan peringkat semantik. Di peringkat formal pula terdapat dua tahap iaitu: fungsi *functional* atau struktur dan kategori. Rujuk Jadual 3.11, misalnya kata majmuk KMS 督察 *ducha* ialah perhubungan tatabahasa yang wujud antara dua konstituen kata majmuk tersebut dengan jelas merupakan kata kerja (*Verb*) *V* dan kata kerja (*Verb*) *V* iaitu [*V+V*] pada peringkat fungsi.

Pada tahap kategori yang merupakan analisis kombinasi kategori leksikal *lexical categories* bagi KMS 督察 *ducha* adalah *N/V* kata nama atau kata kerja (*Noun* atau *Verb*). Jadi berdasarkan konsep ini, [*V+V*] menghasilkan kategori [*N/V*] yang ditulis dalam dalam bentuk [*V+V*]_{*N/V*}.

Walaupun kajian Ceccagno dan Scalise (2006) melibatkan semua jenis kata majmuk tetapi kajian ini hanya menghuraikan KMS sahaja. Oleh itu, Jadual 3.11 hanya memaparkan huraian tentang struktur, kategori dan makna ‘kepala’ oleh Ceccagno dan Scalise (2006) berkenaan *coordinate compounds* KMS BC. Mereka telah menjelaskan jenis *Chinese compounds* kajian mereka berbeza dengan ahli-ahli bahasa Cina tradisional. Ini dapat dilihat di Jadual 3.11, ‘提高 (*to*) *raise* + *high* = (*to*) *raise*, (*to*) *improve*’ (meningkatkan) dan ‘扩大 (*to*) *enlarge* + *big* = (*to*) *enlarge*’ (mengembang besar) merupakan *coordinate compound* KMS BC tetapi sebenarnya kedua-dua ini adalah kata majmuk jenis 谓补式 pengiring/kata kerja-adverba mengikut definisi ahli-ahli bahasa Cina.

Pada peringkat semantik pula, perbezaan semantik yang berlaku antara komponen-komponen dan seluruh kata majmuk tersebut harus diambilkira. Dalam konsep kepala, mereka mendapati bahawa kata majmuk setara sama ada memiliki dua kepala *head* (inti + inti) ataupun tiada kepala (tiada inti) dalam kedua-dua komponennya. Misalnya kata majmuk KMS 督察 *ducha* bermaksud ‘kawal (to) *superintend and direct* + selia *scrutinize* = kawal/penyelia *supervise/supervisor*’. Dengan itu, konsep dua kepala dengan simbol ‘b’ yang bermaksud *both* dan tiada kepala dengan simbol ‘n’ yang bermaksud *none*. Sementara terdapat kepala yang ditanda ‘l?’ beerti ‘left?’, ‘提高 meningkatkan tinggi’ dan ‘扩大 mengembang besar’ yang bermaksud ‘kepala mungkin di sebelah kiri’ (di Jadual 3.11).

Jadual 3.11

Konsep kepala

| SCRIPT | COMPOUND | STRUCT | CAT | HEAD | GLOSS |
|--------|-----------------|--------------|------------|------------|---|
| 店铺 | <i>dianpu</i> | <i>[N+N]</i> | <i>N</i> | <i>b</i> | <i>shop + shop = shop</i> |
| 毛发 | <i>maofa</i> | <i>[N+N]</i> | <i>N</i> | <i>b</i> | <i>hair + hair = hair on human body</i> |
| 风雨 | <i>fengyu</i> | <i>[N+N]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>wind + rain = (wind and rain) hardships</i> |
| 裁缝 | <i>caifeng</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>(to) cut + (to) sew = tailor</i> |
| 教授 | <i>jiaoshou</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>(to) teach + (to) instruct = professor</i> |
| 督察 | <i>ducha</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N/V</i> | <i>b</i> | <i>(to) superintend and direct + scrutinize = supervise/ supervisor</i> |
| 裁判 | <i>caipan</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N/V</i> | <i>n/b</i> | <i>(to) cut + (to) tell the difference/ to judge = (to) judge/referee</i> |
| 买卖 | <i>maimai</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>(to) buy + (to) sell = bussiness</i> |
| 出入 | <i>churu</i> | <i>[V+V]</i> | <i>N/V</i> | <i>n/b</i> | <i>(to) exit+ (to) enter = (to) come in and go out, discrepancy</i> |
| 爱恋 | <i>ailian</i> | <i>[V+V]</i> | <i>V</i> | <i>b</i> | <i>(to) love + (to) love = (to) love</i> |

sambung

| SCRIPT | COMPOUND | STR CT | CAT | HEAD | GLOSS |
|--------|-----------------|--------------|----------|-----------|---|
| 呕吐 | <i>outu</i> | <i>[V+V]</i> | <i>V</i> | <i>b</i> | <i>(to) vomit + (to) vomit = (to) vomit</i> |
| 提高 | <i>tigao</i> | <i>[V+A]</i> | <i>V</i> | <i>l?</i> | <i>(to) raise + high = (to) raise, (to) improve</i> |
| 扩大 | <i>kuoda</i> | <i>[V+A]</i> | <i>V</i> | <i>l?</i> | <i>(to) enlarge + big = (to) enlarge</i> |
| 美丽 | <i>meili</i> | <i>[A+A]</i> | <i>A</i> | <i>b</i> | <i>beautiful + beautiful = beautiful</i> |
| 晴朗 | <i>qinglang</i> | <i>[A+A]</i> | <i>A</i> | <i>b</i> | <i>cloudness/clear + clear = clear</i> |
| 高矮 | <i>gaoai</i> | <i>[A+A]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>high + low = height</i> |
| 大小 | <i>daxiao</i> | <i>[A+A]</i> | <i>N</i> | <i>n</i> | <i>large + small = size</i> |

Nota. Simbol ‘*b*’ yang bermaksud *both* bererti dua kepala, ‘*n*’ yang bermaksud *none* bererti tiada kepala dan ‘*l?*’ yang bermaksud *left?* bererti ‘kepala mungkin di sebelah kiri’.

Justeru itu, dua peringkat penghuraian konsep kata majmuk dalam kajian Ceccagno dan Scalise (2006), iaitu peringkat formal (struktur dan kategori) dan peringkat semantik (konsep 2 kepala atau tiada kepala) diterapkan dalam kajian ini kerana ia merupakan satu pendekatan yang menyeluruh dan komprehensif. Walau bagaimanapun, kedua-dua contoh yang dianggap oleh Ceccagno dan Scalise (2006) sebagai KMS BC: ‘提高 meningkat tinggi’ dan ‘扩大 mengembang besar’ (di Jadual 3.11) tidak akan diterapkan dalam kajian ini atas dua sebab. Pertama, definisi KMS BC kajian ini berdasarkan konsep Pian dan Wang (1999) yang berbeza dengan huraian Ceccagno dan Scalise (2006). Kedua, pada peringkat semantik, KMS mempunyai konsep 2 kepala atau tiada kepala, konsep ‘kepala mungkin di sebelah kiri’ ini bercanggah dengan konsep makna KMS.

3.3.2 Pendekatan Chui (1991) Dan Kajian Zhou (2006)

Pendekatan Chui (1991) dan Kajian Zhou (1994, 2006) pula penting sebagai rujukan bagi kajian ini dalam kata majmuk setara bahasa Cina.

Chui (1991) menghuraikan susunan bentuk kata majmuk setara sebagai A dan B yang sedarjat, iaitu sama ada: AB, BA dan AB/BA yang bebas bertukar ganti. Daripada aspek tatabahasa, perhubungan A & B dianalisiskan seperti berikut:

A & B ialah Kata Nama (KN) $A(KN)+B(KN)=C(KN)$

A & B ialah Kata Adjektif (KA) $A(KA)+B(KA)=C(KA)$

A & B ialah Kata Kerja (KK) $A(KK)+B(KK)=C(KK/KN)$

Chui (1991) menyimpulkan kata nama AB & kata Adjektif AB menghasilkan kata baru yang mempunyai golongan kata yang sama dengan morfem AB. Akan tetapi kata kerja pula mempunyai tiga kemungkinan iaitu:

- kata baru AB boleh jadi kata kerja/kata nama
- AB ialah kata kerja
- AB ialah kata nama

Kajian Zhou (2006) telah memberi gambaran jelas dan menyeluruh tentang kata majmuk setara daripada kamus XHC. Sebanyak 8,310 kata majmuk setara dikumpul. Dalam Kajian Zhou (2006) tentang kata majmuk kategori kelapan, iaitu kata majmuk setara 并列格, beliau mengumpulkan sebanyak 8,310 KMS BC, hasil dapatannya menunjukkan KK+KK (4,387 kata) yang meliputi 52.8% merupakan struktur yang paling produktif. Kesimpulannya, pendekatan Zhou (2006) telah memberi satu gambaran yang jelas tentang KMS BC dengan bantuan contoh-contoh dan analisis statistik.

3.3.3 Penentu Ciri-Ciri Kata Majmuk Setara

Untuk menangani permasalahan konsep KMS BM dan KMS BC yang masih kabur dan kurang diselidiki ini, maka kajian ini cuba menggunakan sembilan penentu ciri kata majmuk Zaidi (2008) tersebut untuk menguji ciri-ciri KMS BM dan KMS BC, perbandingan dua bahasa dilaksanakan dan akhirnya ciri-ciri KMS BM dan KMS BC akan dikenal pasti dengan lebih lanjut.

Sembilan ciri penentu kata majmuk yang dikemukakan oleh Zaidi (2008) dalam kajian kata majmuk bahasa Melayu. Dalam kajian beliau, pengenalanpastian ciri-ciri kata majmuk adalah berdasarkan pendapat-pendapat ahli bahasa seperti Nik Safiah et al. (1997), Abdullah dan Ainon (1994), Asmah (1993), Arbak (1985), Harimuti (1992), M. Ramlan (1987) dan Gorys Keraf (1984) adalah seperti berikut:

- i. Tidak boleh menerima sebarang penyisipan
- ii. Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya
- iii. Bertabiat sebagai satu perkataan
- iv. Mempunyai makna yang khas dan tertentu
- v. Terbentuk menurut hukum DM (diterangkan-menerangkankan) contoh: rumah (D) sakit (M)
- vi. Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan: kata majmuk dan frasa
- vii. Kata majmuk boleh digandakan penuh dan diganda separa
- viii. Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran contohnya: berbulan madu, bercampur aduk
- ix. simpulan bahasa yang mendukung maksud kiasan merupakan salah satu bentuk kata majmuk, contohnya: kaki ayam, duit kopi, anak emas, manis mulut.

3.4 RINGKASAN BAB

Dalam proses mencari data KMS BM dan KMS BC untuk perbandingan antara dua bahasa, tiga kamus digunakan iaitu:

- i. KDE4 untuk mengenal pasti KMS BM dan maknanya.
- ii. KPE3 untuk dapatkan padanan penterjemahan dan kelas kata KMS BM.
- iii. XHC5 digunakan untuk menyemak makna dan kelas kata KMS BC.

Di samping itu, Pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006), Pendekatan Chui (1991) dan Kajian Zhou (2006) diterapkan untuk menganalisis pembentukan lexis kata majmuk setara (KMS) dalam aspek struktur, kategori, dan makna. sembilan penentu ciri kata majmuk Zaidi (2008) digunakan untuk menguji ciri-ciri KMS BM dan KMS BC.


Dalam proses pengumpulan data, sebanyak 165 kata majmuk setara (KMS) bahasa Melayu (BM) dikumpul daripada KDE4 sebagai data kajian utama. 165 KMS BM tersebut diorganisasikan ke dalam tiga golongan iaitu seerti, berlawanan erti dan sejajar. Kemudian data KMS BM disusun mengikut struktur [KN+KN] dan kategori [KN] sebagai contohnya.

Seterusnya, diikuti dengan mencari padanan penterjemahan kata majmuk setara tersebut (KMS BM) dalam bahasa Cina yang dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik daripada KPE3.

Dalam proses pencarian padanan penterjemahan untuk perbandingan, didapati hanya 91 KMS BM dan 101 padanan terjemahan KMS BC dalam KPE3 dipilih. Akhirnya,

satu senarai KMS sepadan (KMS BM-KMS BC) dalam dua bahasa dibentuk untuk perbincangan dan penganalisan dari aspek struktur, kategori, makna dan pengenalpastian ciri-ciri.

Diharapkan dengan metodologi yang berperingkat dan penerapan teori-teori yang sesuai dapat membentuk satu senarai data perbandingan KMS BM dan padanan terjemahan KMS BC dalam dua bahasa yang dapat memaparkan ciri-ciri binaan dalaman KMS dengan lebih jelas lagi. Secara ringkas, proses pengumpulan data KMS BM-padanan penterjemahan KMS BC dilaksanakan secara sistematik seperti yang dipaparkan di Rajah 3.1.



Rajah 3.1. Proses pengumpulan data KMS BM-padanan KMS BC

BAB 4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menganalisis dan membincangkan pembentukan lexis KMS dalam BM dan BC. Permasalahan entri kata majmuk telah dikemukakan oleh Zaiton dan Nor Hashimah (2005), pengkaji juga menghadapi kepayahan yang sama dalam proses pengenalpastian data dalam kajian ini. Oleh demikian, banyak usaha dan masa telah diambil untuk mencari dan mengenal pasti data KMS BM berdasarkan definisi Liaw dan Abdullah (1994). Daripada dua masalah yang dikemukakan (masalah entri kata dan masalah mengeal pasti KMS), akhirnya hanya sebanyak 165 KMS BM yang dapat dikutip secara manual daripada KDE4. Diharapkan kajian ini dapat membantu para penyusun kamus dalam penyusunan entri kata KMS, penafsiran kelas kata dan ketepatan penterjemahan KMS.

Dalam kajian ini, sebanyak 165 data KMS BM yang dikutip daripada KDE4 dan kemudiannya dicari penterjemahan dalam bahasa Cina dengan menggunakan KPE3. Oleh sebab terdapat perbezaan antara dua bahasa, bukan semua KMS BM yang diterjemahkan dalam BC dengan menggunakan KPE3 yang merupakan KMS BC. Penterjemahan tersebut adalah dalam pelbagai bentuk seperti: kata majmuk, kata ganda, frasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Dalam proses pemilihan data dengan menggunakan simbol '+', '-', 'x' dan '*', hanya sebanyak 91 KMS BM yang dipadan dengan 101 penterjemahan KMS BC yang dapat dikumpulkan sebagai data.

Akhirnya, penganalisisan lexis pembentukan KMS BM dan BC yang melibatkan empat aspek: struktur, kategori, makna dan ciri-ciri dilaksanakan. Penganalisisan data KMS BM dan BC tersebut diorganisasikan berdasarkan pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) dalam tiga aspek, iaitu struktur [KN+KN], [KK+KK], [KA+KA], [KA_v+KA_v], kategori [KN], [KK], [KA] dan [KA_v] dan konsep makna ‘kepala’ *head*. Seterusnya, kajian ini menggunakan sembilan ciri penentu kajian kata majmuk Zaidi (2008) untuk menguji aspek ciri-ciri KMS BM dan KMS BC, perbandingan dua bahasa dilaksanakan dan akhirnya ciri-ciri KMS BM dan KMS BC akan dikenal pasti dengan lebih lanjut.

4.2 ANALISIS DATA DARIPADA ASPEK STRUKTUR DAN KATEGORI

Kajian ini cuba menerapkan konsep struktur dan kategori Ceccagno dan Scalise (2006) dalam penghuraian KMS BM dan KMS BC. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa kata majmuk setara dalam bahasa Cina (KMS BC) wujud tujuh jenis struktur dan kategori berdasarkan kelas kata: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{NV}$, berbanding dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai tiga jenis iaitu: $[A+A]_A$, $[N+N]_N$ dan $[V+V]_V$.

Dengan menggunakan penerangan struktur dan kategori $[V+V]_{NV}$ oleh Ceccagno dan Scalise (2006), kita dapat memahami binaan dalaman sesuatu kata.

- | | | | |
|--------|--------------------|--------------|---|
| i. 裁判 | Pengadil/mengadili | $[V+V]_{NV}$ | (to) cut + (to) tell the difference/to judge = (to) judge referee |
| ii. 买卖 | jual beli | $[V+V]_N$ | (to) buy + (to) sell = bussiness |

Kata KMS BC 裁判 bermaksud ‘(to) cut+(to) tell the difference/to judge = (to) judge/referee’, kata ini membawa maksud sama ada mengadili (KK) atau pengadil (KN), maka kata ini dapat dianalisis dari aspek struktur dan kategori dengan menggunakan simbol $[V+V]_{NV}$ (Verb + Verb = Noun/Verb). Sementara KMS 买卖 jual beli yang terdiri daripada dua kata kerja yang membawa maksud perniagaan. Kata 买卖 jual beli dapat ditafsir dalam bentuk $[V+V]_N$ (Verb + Verb = Noun). Justeru itu, konsep struktur dan kategori Ceccagno dan Scalise (2006) dapat membantu dalam perbincangan struktur dan kategori KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini.

Oleh itu, analisis struktur dan kategori di Jadual 4.1 dan 4.2 berikut adalah berdasarkan Jadual 3.8a, 3.8b dan 3.8c. Jadual 4.1 dan 4.2 menggambarkan analisis data mengikut jenis seerti, berlawanan erti dan sejajar. Jadual 4.3 berdasarkan objektif kajian ini yang berfokus kepada kombinasi: [KN+KN], [KK+KK], [KA+KA] dan [KA_v+KA_v].

Jadual 4.1

Analisis data KMS BM berdasarkan struktur dan kategori

| Bil | KMS BM (KDE4) | Seerti | Berlawanan erti | Sejajar | Jumlah |
|-----|--|--------|-----------------|---------|--------|
| 1 | [KN+KN]=[KN] | 16 | 11 | 14 | 41 |
| 2 | [KA+KA]=[KA] | 8 | 4 | 9 | 21 |
| 3 | [KK+KK]=[KK] | 8 | 4 | 1 | 13 |
| 4 | [KK+KK]=[KN] | 1 | 3 | 0 | 4 |
| 5 | [KK+KN]=[KN] | 3 | 0 | 0 | 3 |
| 6 | [KN+KA]=[KN] | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 7 | [KA+KA]=[KN] | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 8 | [KK+KA]=[KA] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 9 | [KA+KA]=[KK] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 10 | [KK+KK]=[KK]/[KA] | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 11 | [KN+KK]=[KK] | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 12 | [KA _v +KA _v]=[KA _v] | 0 | 0 | 1 | 1 |
| | Jumlah | 43 | 23 | 25 | 91 |

Jadual 4.2

Analisis data KMS BC berdasarkan struktur dan kategori

| Bil | KMS BC (KPE3) | Seerti | Berlawanan erti | Sejajar | Jumlah |
|-----|----------------------------|--------|-----------------|---------|--------|
| 1 | $[KN+KN]=[KN]$ | 11 | 10 | 17 | 38 |
| 2 | $[KA+KA]=[KA]$ | 14 | 2 | 7 | 23 |
| 3 | $[KK+KK]=[KK]$ | 17 | 2 | 2 | 21 |
| 4 | $[KK+KK]=[KN]$ | 1 | 3 | 0 | 4 |
| 5 | $[KA+KA]=[KN]$ | 0 | 2 | 2 | 4 |
| 6 | $[KK+KK]=[KN]/[KK]/[KA_V]$ | 1 | 1 | 0 | 2 |
| 7 | $[KK+KK]=[KN]/[KK]$ | 2 | 0 | 0 | 2 |
| 8 | $[KK+KN]=[KN]/[KK]$ | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 9 | $[KK+KK]=[KK]/[KA]$ | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 10 | $[KK+KA]=[KA]$ | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 11 | $[KK+KA]=[KK]$ | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 12 | $[KA+KK/KA_V]=[KK]/[KA]$ | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 13 | $[KA+KK]=[KA_V]$ | 0 | 1 | 0 | 1 |
| 14 | $[KA_V+KA_V]=[KA_V]$ | 0 | 0 | 1 | 1 |
| | Jumlah | 49 | 23 | 29 | 101 |

Jadual 4.3

Jumlah dan peratus analisis data berdasarkan struktur dan kategori

| Kombinasi | Jumlah dan peratus (KMS BM) | | Jumlah dan peratus (KMS BC) | |
|----------------------|-----------------------------|-------|-----------------------------|-------|
| $[KN+KN]_{KN}$ | 41 | 45.1% | 38 | 37.6% |
| $[KA+KA]_{KA}$ | 21 | 23.1% | 23 | 22.8% |
| $[KK+KK]_{KK}$ | 13 | 14.3% | 21 | 20.8% |
| $[KA_V+KA_V]_{KA_V}$ | 1 | 1.1% | 1 | 1% |
| Lain-lain kombinasi | 15 | 16.4% | 18 | 17.8% |
| Jumlah | 91 | 100% | 101 | 100% |

Nota. Bilangan struktur dan kategori data KMS merujuk pada Jadual 4.1 dan Jadual 4.2.

Secara am, berdasarkan jumlah data, dapat disimpulkan bahawa kesemua data kajian ini telah jelas menunjukkan tiga bentuk yang tetap iaitu: $[KN+KN]=[KN]$, $[KK+KK]=[KK]$, $[KA+KA]=[KA]$. Bentuk yang tetap ini merupakan data majoriti, iaitu sebanyak KMS BM meliputi sebanyak 75 data daripada jumlahnya 91 (82.4%), sementara KMS BC pula 82 data daripada jumlahnya 101 (81.2%) yang ditunjukkan di Jadual 4.3.

Kesemua data KMS BM dan BC juga mempunyai persamaan, iaitu selaras dalam aspek struktur dan kategori $[KN+KN]=[KN]$, $[KK+KK]=[KK]$, $[KA+KA]=[KA]$. Di samping itu, bentuk yang tidak tetap merupakan data yang minoriti (data dalam bilangan yang kurang daripada sepuluh) meliputi sebanyak 16 KMS BM dan 19 KMS BC sahaja. Dengan itu, ternyata sedikit sebanyak maklumat ini telah memaparkan secara kasarnya bentuk yang tetap merupakan ciri-ciri yang asas bagi KMS dalam BM dan BC dalam kajian ini.

Daripada aspek struktur, data KMS BM yang paling produktif adalah $[KN+KN]$. Kita dapat merumuskan bahawa keproduktifan struktur KMS BM mengikut urutan iaitu $[KN+KN] > [KA+KA] > [KK+KK]$. Dengan meneliti setiap jenis pula, didapati KMS BM seerti dan sejajar adalah sama, iaitu: $[KN+KN] > [KA+KA] > [KK+KK]$, manakala berlawanan erti pula $[KN+KN] > [KA+KA]=[KK+KK]$.

Data KMS BC juga didapati struktur yang paling produktif adalah $[KN+KN]$. Secara keseluruhannya, didapati struktur ini mengikut urutan $[KN+KN] > [KA+KA] > [KK+KK]$. Kita dapati jenis seerti: $[KK+KK] > [KA+KA] > [KN+KN]$. Sementara berlawanan erti, didapati $[KN+KN] > [KK+KK]=[KA+KA]$. Bagi sejajar pula $[KN+KN] > [KA+KA] > [KK+KK]$.

Bagi bentuk minoriti $[KA_v+KA_v]=[KA_v]$, baik KMS BM mahupun KMS BC hanya satu sahaja yang dijumpai bagi jenis KMS sejajar. Secara keseluruhan, semua jenis kombinasi struktur dan kategori data KMS BM dan KMS BC dapat dirujuk di Jadual 4.1

dan Jadual 4.2. Jadual 4.3 pula dapat memaparkan fenomena KMS BM dan BC dalam kajian ini.

4.3 ANALISIS KMS BM DAN KMS BC BERDASARKAN KONSEP KEPALA

Daripada aspek makna, penganalisan data KMS BM dan KMS BC adalah berdasarkan Konsep ‘kepala’ *head* Ceccagno dan Scalise (2006). Ini bererti makna KMS kajian ini dianalisis berdasarkan sama ada data KMS mempunyai dua kepala atau tiada kepala berdasarkan pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006).

Semua data di Jadual 3.9a, 3.9b dan 3.9c bagi KMS BM dan padanan KMS BC akan ditanda dengan simbol ‘2’ atau ‘0’ berdasarkan huraian makna KMS BM dan KMS. Pengenalpastian huraian makna setiap data KMS dapat dirujuk di Lampiran A dan B, jika makna A+makna B = makna AB seperti contoh ‘asal usul’ mempunyai huraian makna ‘mula + mula = asal keturunan atau peringkat permulaan’, maka data tersebut masih mempunyai makna gabungan asal (dua kepala), jadi data ditanda dengan simbol ‘2’. Sementara contoh ‘hitam putih’ pula bermaksud ‘warna seperti warna arang+warna yang paling cerah seperti warna kapas = pernyataan bertulis sebagai bukti’, oleh itu ditanda dengan simbol ‘0’ (tiada kepala) kerana makna perkataan telah mengalami perubahan makna.

Oleh itu kajian ini cuba menerapkan konsep ‘kepala’ Ceccagno dan Scalise (2006), Pendekatan Chui (1991) dan Kajian Zhou (2006) untuk menjelaskan makna KMS BM dan

KMS BC. Konsep dua kepala bermaksud kata yang mempunyai gabungan inti dengan inti (seperti: adab tertib, siang malam), sementara tiada kepala bermaksud kedua-dua kata tersebut tiada inti langsung sehingga menghasilkan satu gabungan erti yang baru (seperti: kaki tangan, hati jantung).

4.3.1 Analisis Konsep ‘2’ Atau ‘0’ Kepala KMS BM dan KMS BC

Jadual 4.4a, 4.4b dan 4.4c merupakan analisis konsep kepala KMS BM dan KMS BC. Selain itu, Pendekatan Chui (1991), Kajian Zhou (2006) digunakan sebagai rujukan KMS bahasa Cina. Jelas ditunjukkan KMS BM dan KMS BC kebanyakannya mempunyai dua ‘2’ kepala yang bermaksud makna AB masih merupakan makna gabungan kedua-dua komponen kata tersebut ‘No. asal’ bererti penomboran data berdasarkan Jadual 3.3.

Jadual 4.4a

Konsep ‘kepala’ KMS BM dan KMS BC

| KMS BM Seerti | No. asal | Kepala | Padanan KMS BC | Kepala |
|-------------------------|----------|--------|----------------|--------|
| 1. akar umbi | 2 | 2 | 1 基础 | 2 |
| 2. asal usul, usul asal | 3 | 2 | 2 起源 | 2 |
| | | | 3 祖先 | 2 |
| 3. belas kasihan | 5 | 2 | 4 怜悯 | 2 |
| 4. budi perkerti | 7 | 2 | 5 品性 | 2 |
| 5. gambar rajah | 11 | 2 | 6 图表 | 2 |
| | | | 7 图形 | 2 |
| 6. jangka masa | 14 | 2 | 8 期间 | 2 |
| 7. jangka waktu | | 2 | 9 时期 | 2 |
| 8. kaum keluarga | 16 | 2 | 10 亲戚 | 2 |
| 9. kaum kerabat | 17 | 2 | | |
| 10. saudara mara | 18 | 2 | | |
| 11. kayu pohon | 19 | 2 | 11 木材 | 2 |
| 12. pokok kayu | 20 | 2 | 12 树木 | 2 |
| 13. tegah larangan | 25 | 2 | 13 禁忌 | 2 |

sambung

| KMS BM Seerti | No. Asal | Kepala | Padanan KMS BC | Kepala |
|----------------------|----------|--------|----------------|--------|
| 14. tingkah laku | 26 | 2 | 14 行为 | 2 |
| 15. tingkah langkah | 27 | 2 | | |
| 16. tingkah perangai | 28 | 2 | | |
| 17. baik pulih | 33 | 2 | 15 维修 | 2 |
| | | | 16 修理 | 2 |
| 18. belah bahagi | 34 | 2 | 17 分裂 | 2 |
| 19. campur baur | 36 | 2 | 18 混乱 | 2 |
| 20. campur aduk | 37 | 2 | 19 混杂 | 2 |
| 21. hubung kait | 38 | 2 | 20 关联 | 2 |
| 22. kaji selidik | 41 | 2 | 21 研究 | 2 |
| 23. peras ugut | 47 | 2 | 22 敲诈 | 2 |
| 24. pulang balik | 49 | 2 | 23 来回 | 2 |
| 25. putar belit | 50 | 2 | 24 欺诈 | 2 |
| 26. pusing belit | 51 | 2 | 25 欺骗 | 2 |
| 27. susun atur | 54 | 2 | 26 排列 | 2 |
| | | | 27 安排 | 2 |
| 28. syak sangka | 55 | 2 | 28 猜疑 | 2 |
| 29. syak wasangka | 56 | 2 | | |
| 30. tiru teladan | 57 | 2 | 29 范例 | 2 |
| 31. tokok tambah | 58 | 2 | 30 增补 | 2 |
| | | | 31 补充 | 2 |
| 32. tukar ganti | 59 | 2 | 32 替代 | 2 |
| 33. tunjuk ajar | 60 | 2 | 33 指导 | 2 |
| | | | 34 劝告 | 2 |
| 34. duka lara | 66 | 2 | 35 悲伤 | 2 |
| | | | 36 哀伤 | 2 |
| 35. duka nestapa | 67 | 2 | 37 忧伤 | 2 |
| | | | 38 悲哀 | 2 |
| 36. jimat cermat | 71 | 2 | 39 节俭 | 2 |
| | | | 40 节省 | 2 |
| | | | 41 谨慎 | 2 |
| 37. kelam kabut | 73 | 2 | 42 黑暗 | 2 |
| 38. miskin papa | 74 | 2 | 43 贫困 | 2 |
| | | | 44 贫穷 | 2 |
| 39. sunyi senyap | 83 | 2 | 45 寂静 | 2 |
| 40. sunyi sepi | 84 | 2 | 46 幽静 | 2 |
| 41. tua bangsa | 85 | 2 | 47 老迈 | 2 |
| 42. tua ganyut | 86 | 2 | 48 老朽 | 2 |
| 43. tulus ikhlas | 87 | 2 | 49 诚恳 | 2 |

Jadual 4.4b

Konsep 'kepala' KMS BM dan KMS BC

| KMS BM Berlawanan erti | No. Asal | Kepala | Padanan KMS BC | Kepala |
|--------------------------------------|----------|--------|----------------|--------|
| 1. datuk nenek | 88 | 2 | 50 祖先 | 2 |
| 2. hilir mudik | 89 | 2 | 51 往返 | 2 |
| 3. hujung pangkal, pangkal hujung | 90 | 2 | 52 根源 | 2 |
| 4. hulu hilir | 91 | 2 | 53 始末 | 2 |
| 5. ibu bapa | 92 | 2 | 54 父母 | 2 |
| 6. laki bini | 93 | 2 | 55 夫妻 | 2 |
| 7. laki isteri | 94 | 2 | | |
| 8. nenek moyang | 97 | 2 | 56 祖宗 | 2 |
| 9. siang malam | 99 | 2 | 57 日夜 | 2 |
| 10. suami isteri | 100 | 2 | 58 夫妻 | 2 |
| 11. untung rugi | 102 | 2 | 59 盈亏 | 2 |
| | | | 60 损益 | 2 |
| 12. jual beli | 103 | 2 | 61 买卖 | 2 |
| 13. pergi balik | 106 | 2 | 62 来回 | 2 |
| 14. pergi datang | 107 | 2 | | |
| 15. pergi mari | 108 | 2 | | |
| 16. pulang pergi | 109 | 2 | | |
| 17. soal jawab | 110 | 2 | 63 问答 | 2 |
| 18. tanya jawab | 111 | 2 | 64 访谈 | 2 |
| | | | 65 访问 | 2 |
| 19. hangat dingin | 114 | 0 | 66 哀乐 | 2 |
| 20. hitam putih | 115 | 0 | 67 黑白 | 0 |
| | | | 68 确定 | 2 |
| 21. luar dalam | 120 | 2 | 69 内外 | 2 |
| 22. panjang lebar | 122 | 0 | 70 冗长 | 2 |
| | | | 71 详细 | 2 |
| 23. banyak sedikitnya | 123 | 0 | 72 多少 | 0 |

Jadual 4.4c

Konsep 'kepala' KMS BM dan KMS BC

| KMS BM Sejar | No.Asal | Kepala | Padanan KMS BC | Kepala |
|--------------------------------|---------|--------|----------------|--------|
| 1. adab tertib | 124 | 2 | 73 纪律 | 2 |
| 2. anak cucu | 126 | 2 | 74 子孙 | 2 |
| 3. budi bahasa | 130 | 2 | 75 礼仪 | 2 |
| 4. darah daging | 132 | 0 | 76 骨肉 | 0 |
| | | | 77 亲属 | 2 |
| 5. hari bulan | 134 | 2 | 78 日期 | 2 |
| 6. hati jantung, jantung hati | 135 | 0 | 79 心肝 | 0 |
| 7. hujan angin | 136 | 0 | 80 风雨 | 0 |
| 8. kain baju | 137 | 2 | 81 衣服 | 2 |
| 9. kaki tangan, | 138 | 2 | 82 手足 | 2 |
| kakitangan | | 0 | 83 爪牙 | 0 |
| 10. mata hati | 140 | 0 | 84 感情 | 2 |
| 11. mata telinga | 142 | 0 | 85 耳目 | 0 |
| | | | 86 心腹 | 0 |
| | | | 87 亲信 | 2 |
| 12. sandang pangan | 144 | 2 | 88 衣食 | 2 |
| 13. sendi tulang, tulang sendi | 145 | 2 | 89 关节 | 2 |
| 14. punggung angkat | 150 | 2 | 90 搬运 | 2 |
| 15. uji kaji | 151 | 2 | 91 试验 | 2 |
| 16. gemuk gempal | 152 | 2 | 92 肥胖 | 2 |
| 17. hina papa | 153 | 2 | 93 低贱 | 2 |
| 18. hitam lebam | 155 | 2 | 94 黝黑 | 2 |
| 19. pahit maung | 157 | 2 | 95 苦难 | 2 |
| 20. pahit pahang | 158 | 2 | 96 苦涩 | 2 |
| 21. putih bersih | 159 | 2 | 97 洁白 | 2 |
| 22. putih pucat | 161 | 2 | 98 苍白 | 2 |
| 23.pucat leci | 162 | | | |
| 24. senang lenang | 163 | 2 | 99 愉快 | 2 |
| | | | 100 舒适 | 2 |
| 25. jangan tidak | 165 | 0 | 101 必须 | 2 |

Berdasarkan analisis makna yang dijalankan ini, ternyata data KMS jenis seerti, kesemuanya (KMS BM dan padanan KMS BC) didapati mempunyai 2 'kepala', hanya empat data KMS jenis berlawanan erti, iaitu 'hangat dingin, hitam putih, panjang lebar, banyak sedikitnya' dan dua data KMS BC '黑白, 多少' ditanda '0' kepala kerana

maknanya telah berubah. Sementara KMS jenis sejajar pula, didapati terdapat tujuh KMS BM ‘darah daging, jantung hati, hujan angin, kaki tangan, mata hati, mata telinga, jangan tidak’ dan enam KMS BC ‘骨肉, 心肝, 风雨, 爪牙, 耳目, 心腹’ ditanda ‘0’ tiada kepala kerana makna telah berubah. Oleh itu, hanya 11 data KMS BM dan lapan data KMS BC yang maknanya telah mengalami perubahan.

Data di atas ini membuktikan jenis ‘dua kepala’ merupakan majoriti data kajian ini baik dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Cina. Ini bererti makna KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini kebanyakannya adalah jelas dengan ‘2’ dua kepala dan senang dikenal pasti.

Hanya 11 data KMS BM dan lapan data KMS BC sahaja yang ‘0’ tiada kepala yang bermaksud makna KMS tersebut adalah sukar diteka. Dengan itu, analisis KMS kajian ini bersetuju bahawa KMS mempunyai makna tertentu namun makna KMS adalah jelas dan senang difahami.

4.4 PENGANALISISAN CIRI-CIRI KMS BM DAN KMS BC

Dalam kajian Zaidi (2008) tentang kata majmuk BM, pengenalanpastian ciri-ciri kata majmuk yang berdasarkan pendapat-pendapat ahli bahasa seperti Nik Safiah et al. (1997), Abdullah dan Ainon (1994), Asmah (1993), Arbak (1985), Harimuti (1992), M. Ramlan (1987) dan Gorys Keraf (1984) telah menyimpulkan sembilan ciri penentu kata majmuk seperti berikut:

- i. Tidak boleh menerima sebarang penyisipan.

- ii. Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya.
- iii. Bertabiat sebagai satu perkataan.
- iv. Mempunyai makna yang khas dan tertentu.
- v. Terbentuk menurut hukum DM.
- vi. Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan : kata majmuk dan frasa.
- vii. kata majmuk boleh digandakan penuh (kakitangan-kakitangan, tanggungjawab-tanggungjawab) dan diganda separa (anak-anak buah, rajah-rajah pohon).
- viii kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran contohnya: berbulan madu, bercampur aduk.
- ix simpulan bahasa merupakan salah satu bentuk kata majmuk kerana bentuk yang mempunyai makna yang khusus dan tertentu serta bertabiat sebagai perkataan.

Dengan mengaplikasikan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) dengan data-data KMS BM dan padanan penterjemahan KMS BC secara kasar, analisis kajian dipaparkan di Jadual 4.5 dan penjelasan setiap ciri penentu tersebut .

Jadual 4.5

Ciri-ciri KMS BM dan KMS BC

| 9 ciri Penentu kata majmuk Zaidi (2008) | BM | BC |
|--|----|----|
| Tidak boleh menerima sebarang penyisipan | √ | √ |
| Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya | X | X |
| Bertabiat sebagai satu perkataan | √ | √ |
| Mempunyai makna yang khas dan tertentu | √ | √ |
| Terbentuk menurut hukum DM | X | X |
| Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan | √ | X |
| Kata majmuk boleh digandakan penuh/separa | √ | X |
| Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran | √ | X |
| Simpulan bahasa merupakan kata majmuk | √ | X |

Dengan ini, dapat dirumuskan tujuh ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) dapat

diterapkan bagi KMS BM tetapi KMS BC hanya memenuhi tiga ciri penentu sahaja. Penelitian dan penerangan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) dengan lanjutnya seperti di bawah:

i. Tidak boleh menerima sebarang penyisipan

Oleh sebab KMS baik bahasa Melayu atau bahasa Cina merupakan gabungan dua kata dasar yang mempunyai kesatuan yang kukuh sehingga tidak menerima sebarang penyisipan. Dengan itu, dalam kajian ini, KMS BM dan KMS BC mendukung ciri penentu KM ini, KMS kajian ini tidak dapat disisipkan contohnya kata hubung ‘dan’ disebabkan ini akan menyebabkan kata-kata tersebut menjadi frasa dan bukan KMS seperti:

Jadual 4.6

KMS BM dan KMS BC tidak boleh menerima sebarang penyisipan

| No | KMS BM | Kata hubung | frasa BM | No | KMS BC | Kata hubung | frasa BC |
|-----|--------------|----------------|--------------------|----|--------|----------------|----------|
| 88 | datuk nenek | dan | datuk dan nenek | 54 | 父母 | 和 | 父和母 |
| 92 | ibu bapa | dan | ibu dan bapa | 58 | 日夜 | 和 | 日和夜 |
| 99 | siang malam | dan | siang dan malam | 59 | 夫妻 | 和 | 夫和妻 |
| 100 | suami isteri | dan | suami dan isteri | 62 | 买卖 | 和 | 买和卖 |
| 103 | jual beli | dan | jual dan beli | 65 | 问答 | 和 | 问和答 |
| 110 | soal jawab | dan | soal dan jawab | 71 | 内外 | 和 | 里和外 |
| 120 | luar dalam | dan | luar dan dalam | 25 | 欺诈 | 和 | 欺和诈 |
| 126 | anak cucu | dan | anak dan cucu | 68 | 哀乐 | 和 | 哀和乐 |
| | | | | 92 | 肥胖 | 和 | 肥和胖 |

ii. Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya

Ciri penentu KM ini tidak dapat diaplikasikan dalam analisis ciri KMS kerana KMS boleh disisipkan dengan ‘dan’ maka kata tersebut boleh dipisahkan dan struktur

kata boleh diterbalikkan tanpa ubah maknanya seperti contoh-contoh di Jadual 4.7.

Jadual 4.7

Struktur KMS BM dan KMS BC yang boleh diubah

| No | KMS BM | terbalik | No | KMS BC | terbalik |
|-----|------------------|------------------|----|--------|----------|
| 3 | asal usul | usul asal | 32 | 替代 | 代替 |
| 16 | pangkal pokok | pokok pangkal | 36 | 悲伤 | 伤悲 |
| 85 | timbul tenggelam | tenggelam timbul | 85 | 感情 | 情感 |
| 86 | turun naik | naik turun | | | |
| 91 | kurang lebih | lebih kurang | | | |
| 94 | mundur maju | maju mundur | | | |
| 108 | hati jantung | jantung hati | | | |
| 118 | sendi tulang | tulang sendi | | | |

iii. Bertabiat sebagai satu perkataan

Ciri penentu KM yang ‘bertabiat sebagai satu perkataan’ dapat diterapkan untuk analisis ciri data-data KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini yang memang bertabiat sebagai satu perkataan.

iv. Mempunyai makna yang khas dan tertentu

Bagi ciri penentu KM ini dapat dirumuskan kesemua data KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini mempunyai makna yang tertentu. Contohnya: ibu bapa yang bermaksud ‘orang tua’, pangkal pokok pula beerti ‘sesuatu yang menjadi sebab atau punca.

v. Terbentuk menurut hukum DM.

Ciri penentu KM ini tidak dapat diterapkan kerana kesemua data KMS BM dan KMS

BC tidak menurut hukum DM (diterangkan-menerang), kedua-dua unsur KMS mempunyai sifat makna sedarjat sama ada seerti, berlawanan erti atau erti sejajar.

vi. Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan: kata majmuk dan frasa

Ciri penentu KM ini dapat menerangkan terdapat data KMS BM dalam kajian ini yang mempunyai dua kedudukan seperti ‘Ibu bapa’, namun demikian bagi data KMS BC ini tidak tergolong dalam dua kedudukan.

vii. Kata majmuk boleh digandakan penuh seperti kakitangan-kakitangan, tanggungjawab-tanggungjawab dan diganda separa contohnya, anak-anak buah,rajab-rajah pohon.

Ciri penentu KM ini dapat diterapkan bagi data KMS BM yang memang boleh digandakan penuh seperti: kakitangan-kakitangan dan diganda separa seperti ibu bapa-ibu bapa tetapi KMS BC tidak boleh digandakan kerana bertabiat sebagai satu kesatuan.

viii. Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran contohnya: berbulan madu, bercampur aduk.

Ciri penentu KM ini dapat diterapkan dalam KMS BM yang boleh menerima awalan atau akhiran seperti contoh-contoh yang ‘**dihitamkan**’ *bold*: belas kasihan, tegah larangan, banyak sedikitnya, berbaik pulih, bercampur aduk. Bagi data KMS BC pula didapati langsung tidak menerima sebarang imbuhan.

ix. Simpulan bahasa merupakan salah satu bentuk kata majmuk

Ciri penentu KM ini hanya dapat diterapkan dalam analisis data KMS BM yang juga boleh merupakan simpulan bahasa seperti: pecah belah tetapi konsep bagi KMS BC dan simpulan bahasa merupakan konsep yang berlainan dalam tatabahasa Cina.

4.5 RINGKASAN BAB

Bab ini merupakan analisis pembentukan lexis kata majmuk setara dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina daripada empat aspek iaitu struktur, kategori, makna dan ciri-ciri.

Sebanyak 165 KMS BM dikenal pasti sebagai data kajian. Seterusnya dalam proses mencari padanan penterjemahan BC, daripada 165 KMS BM tersebut didapati padanan penterjemahan dalam BC dijumpai dalam KPE3 dalam pelbagai bentuk seperti: kata majmuk jenis yang lain, kata ganda, frasa, simpulan bahasa dan sebagainya.

Akhirnya, hanya 91 KMS BM yang dipadankan dengan 101 padanan penterjemahan KMS BC dianalisis dengan menggunakan pendekatan Ceccagno dan Scalise (2006) dan penentu ciri Zaidi (2008).

Dengan membandingkan persamaan dan perbezaan dalam dua bahasa, kajian ini dapat memaparkan bentuk binaan dalaman kata majmuk setara dengan lebih mendalam.

Hasil analisis kajian didapati kesemua data KMS BM dan BC mempunyai persamaan, iaitu selaras dalam aspek struktur dan kategori yang kebanyakannya merupakan $[KN+KN]=[KN]$, $[KK+KK]=[KK]$, $[KA+KA]=[KA]$, $[KA_v+KA_v]=[KA_v]$.

Daripada aspek makna, penganalisan data KMS BM dan KMS BC adalah berdasarkan Konsep 'kepala' *head* Ceccagno dan Scalise (2006). Analisis makna KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini didapati kebanyakannya adalah jelas dengan '2' dua kepala. Hanya sembilan KMS BM dan tujuh KMS BC sahaja yang '0' tiada kepala. Oleh yang demikian, makna KMS BM dan BC adalah senang dikenal pasti.

Dapat dirumuskan berdasarkan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) terdapat perbezaan dalam KMS BM dan KMS BC, bagi KMS BM tujuh ciri penentu KM dapat diterapkan tetapi KMS BC hanya memenuhi tiga ciri penentu sahaja.

BAB 5 KESIMPULAN

5.1 PERBINCANGAN

Bab ini akan membincangkan perbandingan pembentukan leksis KMS dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina daripada empat aspek iaitu: struktur, kategori, makna dan ciri-ciri. Sebanyak 165 KMS BM dikenal pasti daripada KDE4 sebagai data kajian. Seterusnya penterjemahan data KMS BM dalam BC dicari daripada KPE3 adalah dalam pelbagai bentuk seperti: kata majmuk, kata ganda, frasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Akhirnya, hanya 91 KMS BM yang dipadankan dengan 101 KMS BC. Keadaan ini wujud kerana padanan penterjemahan dalam bahasa yang mempunyai kelainan struktur tatabahasa adalah sukar dicari padanannya. Kajian ini bertujuan menghurai dan membincangkan persamaan dan perbezaan antara KMS bahasa Melayu dengan KMS bahasa Cina.

5.2 STRUKTUR DAN KATEGORI KMS BM & BC

Daripada aspek struktur dan kategori, data KMS BM dan KMS BC dalam kajian ini sama-sama menunjukkan kombinasi struktur yang paling produktif adalah $[KN+KN]=[KN]$ dan boleh ditulis dalam bentuk mengikut $[KN+KN]_{KN}$ mengikut konsep struktur dan kategori Ceccagno dan Scalise (2006). Urutan keproduktifan KMS BM dan KMS BC juga didapati selaras: $[KN+KN]_{KN} > [KA+KA]_{KA} > [KK+KK]_{KK}$.

Kajian Zhou (2006) menggunakan kamus XHC yang sama dengan kajian ini, hanya tahun penerbitannya pada 1978 sementara kajian ini merupakan edisi kelima pada tahun

2011. Sebanyak 32,346 kata majmuk (57.8%) yang merangkumi 8,310 kata majmuk setara (25.7%) dikumpul. Dapatan kajian Zhou (2006) dalam KMS BC adalah seperti berikut:

| | | |
|---|------------|-------|
| KK+KK (kata kerja) | 4387 kata | 52.8% |
| KN+KN (kata nama) | 2,036 kata | 24.5% |
| KA+KA (kata adjektif) | 1803 kata | 21.7% |
| KP+KP (kata posisi) | 38 kata | 0.5% |
| KA _v +KA _v (kata adverba) | 31 kata | 0.4% |
| KB+KB (kata bilangan) | 15 kata | 0.1% |

Sebaliknya analisis kombinasi kajian ini bagi KMS BC pula (rujuk Jadual 4.3):

| | | |
|---|----------|-------|
| [KN+KN] _{KN} | 38 kata | 37.6% |
| [KK+KK] _{KK} | 23 kata | 22.8% |
| [KA+KA] _{KA} | 21 kata | 20.8% |
| [KA _v +KA _v] _{KA_v} | 1 kata | 1% |
| Lain-lain kombinasi | 18 kata | 17.8% |
| Jumlah | 101 kata | 100% |

Ini jelas menunjukkan bahawa dapatan kajian ini tidak sejajar dengan dapatan Kajian Zhou (2006). Kajian Zhou (2006) memaparkan struktur [KK+KK] bagi KMS BC yang merupakan kombinasi struktur yang paling produktif, diikuti oleh [KN+KN] dan [KA+KA]. Yang menarik perhatian didapati dua jenis kombinasi struktur iaitu: [方位₁+方位₂] (Kata Preposisi+Kata Preposisi, 0.5%) dan [数量₁+数量₂] (Kata Bilangan+Kata Bilangan, 0.0%) dalam Kajian Zhou (2006) itu tidak terdapat dalam kajian ini kerana data kajian ini hanya melibatkan 101 data terjemahan KMS BC yang dikumpul daripada KPE3. Dengan itu, urutan kombinasi Kajian Zhou (2006) didapati [KK+KK] > [KN+KN] > [KA+KA], tetapi dalam kajian ini didapati urutannya adalah [KN+KN] > [KA+KA] > [KK+KK]. Perbezaan dapatan ini disebabkan data utama Kajian Zhou (2006) merupakan data KMS BC daripada XHC tetapi data KMS BC kajian ini diperoleh daripada terjemahan KPE3. Sehubungan dengan itu, kamus XHC5 hanya digunakan untuk pengenalpastian makna dan kelas kata dan bukan sebagai sumber utama.

Daripada aspek struktur dan kategori, hasil analisis kajian ini menunjukkan baik bagi data KMS BM atau pun KMS BC yang paling produktif adalah $[KN+KN]_{KN}$. KMS BM dan KMS BC dapat dirumuskan mempunyai urutan struktur dan kategori yang selaras: $[KN+KN]_{KN} > [KA+KA]_{KA} > [KK+KK]_{KK} > [KA_V+KA_V]_{KA_V}$.

Secara am, dapat disimpulkan kajian ini mempunyai keselarasan struktur dan kategori bagi KMS BM dan BC atas sebab pemilihan data KMS BM dipadankan dengan terjemahan KMS BC sehingga struktur dan kategori yang majoritinya dan minoritinya pun mempunyai persamaan. $[KN+KN]_{KN}$, $[KK+KK]_{KK}$, $[KA+KA]_{KA}$ merupakan tiga bentuk yang meliputi sebanyak 75 KMS BM (82.4%) dan 82 KMS BC (81.2%). Fenomena ini dapat dilihat dengan lebih jelas seperti huraian berikut:

| | | |
|--|-------------------|-------------------|
| $[KN+KN]_{KN}$, $[KA+KA]_{KA}$, $[KK+KK]_{KK}$ | 75 (82.4%) KMS BM | 82 (81.2%) KMS BC |
| $[KA_V+KA_V]_{KA_V}$ | 1 (1.1%) KMS BM | 1 (1%) KMS BC |
| Lain-lain kombinasi | 15 (16.6%) KMS BM | 18 (17.8%) KMS BC |

Dapatan kajian Ceccagno dan Scalise (2006) merumuskan KMS bahasa Cina mempunyai tujuh jenis struktur dan kategori iaitu: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{N/V}$, berbanding dengan bahasa Inggeris yang hanya mempunyai tiga jenis struktur dan kategori iaitu: $[A+A]_A$, $[N+N]_N$ dan $[V+V]_V$.

Sementara dapatan kajian ini daripada aspek struktur dan kategori dapat dirumuskan dengan jelasnya KMS BM tiga jenis struktur dan kategori yang utama $[KN+KN]_{KN}$, $[KA+KA]_{KA}$, $[KK+KK]_{KK}$, selain itu bilangan data yang minoriti yang terdiri daripada sembilan jenis kombinasi yang tidak dapat menunjukkan signifikasi jenisnya (kurang daripada lima data). Fenomena yang sama juga berlaku pada KMS BC, terdapat tiga jenis

yang signifikan, iaitu $[KN+KN]_{KN}$, $[KK+KK]_{KK}$, $[KA+KA]_{KA}$. Selain itu, didapati terdapat 11 jenis yang minoriti bilangannya yang tidak menunjukkan signifakasinya (kurang daripada lima data).

Dengan itu, dapat dirumuskan terdapat perbezaan kajian Ceccagno dan Scalise (2006) dengan kajian ini. Didapati dalam kajian ini, 12 jenis kombinasi struktur dan kategori yang dijumpai dalam KMS BM dan 14 jenis kombinasi struktur dan kategori bagi KMS BC yang dipaparkan di Jadual 5.1 (berdasarkan analisis data di Jadual 4.1 dan 4.2). Oleh sebab Ceccagno dan Scalise (2006) hanya menyenaraikan tujuh jenis kombinasi struktur dan kategori dengan jadual (rujuk 3.11) sahaja. Justeru itu, aspek ini membuka ruang untuk kajian yang selanjutnya.

Jadual 5.1

Jenis Kombinasi struktur dan kategori KMS BM dan KMS BC

| Bil | KMS BM (KDE4) | Jumlah | Bil | KMS BC (KPE3) | Jumlah |
|-----|----------------------|--------|-----|----------------------------|--------|
| 1 | $[KN+KN]=[KN]$ | 41 | 1 | $[KN+KN]=[KN]$ | 38 |
| 2 | $[KA+KA]=[KA]$ | 21 | 2 | $[KA+KA]=[KA]$ | 23 |
| 3 | $[KK+KK]=[KK]$ | 13 | 3 | $[KK+KK]=[KK]$ | 21 |
| 4 | $[KK+KK]=[KN]$ | 4 | 4 | $[KK+KK]=[KN]$ | 4 |
| 5 | $[KK+KN]=[KN]$ | 3 | 5 | $[KA+KA]=[KN]$ | 4 |
| 6 | $[KN+KA]=[KN]$ | 2 | 6 | $[KK+KK]=[KN]/[KK]/[KA_v]$ | 2 |
| 7 | $[KA+KA]=[KN]$ | 2 | 7 | $[KK+KK]=[KN]/[KK]$ | 2 |
| 8 | $[KK+KA]=[KA]$ | 1 | 8 | $[KK+KN]=[KN]/[KK]$ | 1 |
| 9 | $[KA+KA]=[KK]$ | 1 | 9 | $[KK+KK]=[KK]/[KA]$ | 1 |
| 10 | $[KK+KK]=[KK]/[KA]$ | 1 | 10 | $[KK+KA]=[KA]$ | 1 |
| 11 | $[KN+KK]=[KK]$ | 1 | 11 | $[KK+KA]=[KK]$ | 1 |
| 12 | $[KA_v+KA_v]=[KA_v]$ | 1 | 12 | $[KA+KK/KA_v]=[KK]/[KA]$ | 1 |
| | | | 13 | $[KA+KK]=[KA_v]$ | 1 |
| | | | 14 | $[KA_v+KA_v]=[KA_v]$ | 1 |
| | Jumlah | 91 | | Jumlah | 101 |

Kajian Chui (1991) menghuraikan susunan bentuk kata majmuk setara bahasa Cina sebagai A dan B yang sedarjat, iaitu sama ada: AB, BA dan AB/BA yang bebas bertukar

ganti. Daripada aspek tata bahasa, perhubungan A & B dianalisiskan dalam kajiannya adalah seperti berikut:

| | |
|--------------------------------|------------------------|
| A & B ialah Kata Nama (KN) | $A(KN)+B(KN)=C(KN)$ |
| A & B ialah Kata Adjektif (KA) | $A(KA)+B(KA)=C(KA)$ |
| A & B ialah Kata Kerja (KK) | $A(KK)+B(KK)=C(KK/KN)$ |

Dapatan kajian Chui (1991) mendapati kata nama AB & kata Adjektif AB menghasilkan kata baru yang mempunyai golongan kata yang sama dengan morfem AB. Akan tetapi kata kerja mempunyai tiga kemungkinan iaitu:

- kata baru AB boleh jadi kata kerja/kata nama
- AB ialah kata kerja
- AB ialah kata nama

Hasil analisis kajian KMS BM dan KMS BC ini mempunyai persamaan dengan dapatan Kajian Chui (1991), iaitu tiga bentuk tetap dikenal pasti: $[KN+KN]=[KN]$, $[KK+KK]=[KK]$, $[KA+KA]=[KA]$. Ketiga-tiga struktur dan kategori ini memang merupakan majoriti data yang meliputi sebanyak 75 KMS BM dan 82 KMS BC.

Walaupun data kajian ini hanya meliputi 91 KMS BM dan 101 KMS BC berbanding dengan Kajian Zhou (2006) yang meliputi 8,310 KMS BC, tetapi sedikit sebanyak kajian ini telah dapat membuktikan serta menghuraikan struktur dan kategori umum yang dimiliki oleh KMS BM dan KMS BC. Oleh sebab pemilihan data kajian ini berdasarkan KMS BM dan kemudian terjemahan KMS BC dengan KPE3. Dengan itu, didapati $[KN+KN]=[KN]$, $[KK+KK]=[KK]$, $[KA+KA]=[KA]$ bagi KMS BM dan KMS BC. Kamus XHC5 digunakan sebagai rujukan makna dan kelas kata KMS BC, oleh itu

hasil dapatan tidak sejajar dengan Kajian Zhou (2006). Hasil dapatan menunjukkan $[KN+KN]_{KN}$ yang merupakan kombinasi struktur yang paling majoriti. Justeru itu, keistimewaan KMS BM dan KMS BC dapat dikenalpasti. Jenis kategori yang pelbagai telah dipaparkan di Jadual 5.1 di atas.

Akhirnya, dapat dirumuskan bahawa kajian ini baik bagi KMS BM ataupun KMS BC mempunyai kombinasi struktur yang umum $[KN+KN]$ yang tidak sejajar dengan Kajian Zhou (2006). Di samping itu, dapatan kajian Ceccagno dan Scalise (2006) yang menghasilkan tujuh jenis struktur dan kategori iaitu: $[A+A]_A$, $[A+A]_N$, $[N+N]_N$, $[V+V]_N$, $[V+A]_V$, $[V+V]_V$, $[V+V]_{N/V}$, berbanding dengan dapatan kajian ini telah menghasilkan 12 jenis kombinasi struktur dan kategori dalam KMS BM dan 14 jenis bagi KMS BC.

5.3 KONSEP KEPALA DAN PERHUBUNGAN MAKNA KMS BM & BC

Daripada aspek makna, konsep Kepala (dua kepala dan tiada kepala) Ceccagno dan Scalise (2006), iaitu dua kepala *two headed* ‘2’ yang bermaksud erti kata yang merupakan erti gabungan dua kata dasar iaitu: inti perkataan+inti perkataan (seperti: adab + tertib = adab tertib, siang + malam=siang dan malam), sementara tiada kepala *headedness* ‘0’ bermaksud erti kedua-dua kata tersebut digabungkan sehingga menghasilkan satu gabungan erti yang baru (seperti: kaki + tangan = pekerja, hati + jantung =kekasih).

Kajian Ceccagno dan Scalise (2006) membincangkan KMS BC dan menyenaraikan contoh-contoh KMS bahasa Cina berserta dengan konsep kepala. Mengikut pendapat

Ceccagno dan Scalise (2006), KMS BC sama seperti bahasa lain di dunia secara amnya sama ada mempunyai '2' kepala *two headed* atau pun tiada '0' kepala *headedness*. Mereka telah menyenaraikan data-data bagi tiga golongan kata majmuk: Subordinat *Subordinate*, Attributif *Attributive* dan Koordinat untuk menjelaskan konsep kepala.

Dapatan kajian ini mendapati jenis dua kepala *two headed* ini merupakan majoriti data kajian baik dalam bahasa Melayu atau pun bahasa Cina. Ini bererti kebanyakan makna KMS BM dan KMS BC adalah jelas (dua kepala), hanya sebahagian kecil sahaja maknanya sukar dikenalpasti (tiada kepala). Daripada aspek perhubungan makna KMS, Chui (1991) membincangkan makna KMS BC dalam bentuk AB, mengikut peredaran zaman makna KMS BC telah mengalami perubahan seperti yang berikut:

- | | | |
|------|------------------------------|-----------------------------|
| i. | makna berubah 转移型 | $AB=C$ |
| ii. | makna yang berat sebelah 偏义型 | $AB=A(B)$ |
| iii. | makna sebat 融合型 | $AB=A=B$ |
| iv. | makna opsyen 选择性 | $AB=\text{samada A atau B}$ |
| v. | makna gabungan 复合型 | $AB=A+B$ |

Dalam kajian ini makna KMS dapat dijelaskan dengan pendekatan Chui (1991) yang berdasarkan aspek makna berubah 转移型 ($AB=C$) dan aspek makna gabungan 复合型 ($AB=A+B$).

Penghuraian konsep ini didapati menghampiri dengan konsep kepala Kajian Ceccagno dan Scalise (2006). Penghuraian Chui (1991) bagi makna KMS BC dari aspek makna gabungan 复合型 ($AB=A+B$) ini bermaksud 'AB' mempunyai makna 'A' + makna

‘B’ yang sama dengan penjelasan Ceccagno dan Scalise (2006) dengan menggunakan ‘2 kepala’ *two headed* untuk menjelaskan dua inti yang terdapat dalam sesuatu perkataan. Selain itu, Chui (1991) menggunakan konsep gabungan AB membentuk makna baru ‘C’ yang menghampiri konsep Ceccagno dan Scalise (2006) menyatakan sesuatu perkataan menghasilkan makna baru yang tiada kepala ‘0’ *headedness*. Dengan itu, dapatlah dirumuskan kebanyakan KMS dalam kajian ini mempunyai perhubungan makna jenis makna gabungan 复合型 (AB=A+B), dengan erti kata yang lain perhubungan makna KMS baik dalam BM ataupun BC dapat dibuktikan dengan jelas dan senang dikenalpasti.

5.4 CIRI-CIRI PENENTU KMS BM & BC

Daripada aspek ciri-ciri KMS BM dan BC, kajian ini mengaplikasikan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) sebagai penentu ciri KMS, dapatan kajian secara ringkas dapat dipaparkan seperti dalam Jadual 5.2:

Jadual 5.2

Analisis data KMS BM dan KMS BC berdasarkan 9 ciri penentu

| 9 ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) | | BM | BC |
|---|--|----|----|
| i. | Tidak boleh menerima sebarang penyisipan | √ | √ |
| ii. | Tidak boleh dipisahkan atau diubah strukturnya | x | x |
| iii. | Bertabiat sebagai satu perkataan | √ | √ |
| iv | Mempunyai makna yang khas dan tertentu | √ | √ |
| v | Terbentuk menurut hukum DM | x | x |
| vi | Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan | √ | x |
| vii | Kata majmuk boleh digandakan penuh | √ | x |
| viii | Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran | √ | x |
| ix | Simpulan bahasa merupakan kata majmuk | √ | x |

Dengan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008), kajian ini tidak bersetuju dengan sembilan ciri penentu tersebut. Didapati hanya tujuh ciri penentu bagi KMS BM, KMS BC pula hanya tiga ciri yang dapat diterap sahaja. Ini bermakna sembilan ciri penentu hanya sesuai untuk KMS BM sahaja tetapi tidak dapat menampung ciri-ciri KMS BC. Oleh yang demikian, dapatan ini menunjukkan memang terdapat jurang perbezaan dalam mengenal pasti ciri-ciri KMS dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Daripada penelitian kajian ini dengan berdasarkan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008), tujuh ciri KMS BM dikenal pasti seperti berikut:

Jadual 5.3

Tujuh ciri penentu KMS BM

| | |
|------|--|
| i | Tidak boleh menerima sebarang penyisipan |
| iii | Bertabiat sebagai satu perkataan |
| iv | Mempunyai makna yang khas dan tertentu |
| v | Tidak menurut hukum DM |
| vi | Terdapat kata yang tergolong dalam dua kedudukan |
| vii | Kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran |
| viii | Simpulan bahasa merupakan salah satu bentuk kata majmuk setara |

Dalam kajian KMS BM ini, ciri penentu ke-ii tidak boleh dipisah atau di ubah struktur memang bercanggah dengan ciri KMS BM disebabkan terdapat sesetengah data boleh dipisahkan atau diubah strukturnya seperti ‘asal usul, usul asal; timbul tenggelam, tenggelam timbul; hujung pangkal, pangkal hujung’.

Ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) yang ke-vii juga tidak merupakan ciri penentu KMS BM sebab penggandaan kata majmuk BM dapat dibahagikan kepada penggandaan penuh dan penggandaan separa. Oleh sebab dalam analisis ini terdapat KMS

BM yang boleh digandakan penuh seperti: ibubapa-ibubapa, kakitangan-kakitangan, lebih-lebih lagi ada data KMS BM seperti ‘gambar rajah’ yang digandakan separa menjadi ‘gambar-gambar rajah’. Namun begitu, didapati kebanyakan data KMS BM dalam analisis kajian ini merupakan dua kata yang bertabiat sebagai satu perkataan yang tidak dapat digandakan penuh seperti: adab tertib, hitam putih, panjang lebar, tokok tambah dan sebagainya yang merupakan KMS yang tidak dapat digandakan penuh. Isu penggandaan kata majmuk sama ada penggandaan separa seperti ‘gambar rajah’ menjadi ‘gambar-gambarajah’ atau sepenuhnya seperti ‘ibu bapa’ menjadi ‘ibubapa-ibubapa’ juga merupakan satu topik yang masih diperdebatkan. Dengan itu, permasalahan penggandaan kata majmuk ini boleh dijadikan bahan perbincangan untuk kajian yang akan datang.

Sementara sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008), hanya tiga ciri penentu KMS BC yang dapat diterap seperti di Jadual 5.4.

Jadual 5.4

Tiga ciri penentu KMS BC

| | |
|----|--|
| i | Tidak boleh menerima sebarang penyisipan |
| ii | Bertabiat sebagai satu perkataan |
| iv | Mempunyai makna yang khas dan tertentu |

Daripada dapatan tentang ciri-ciri KMS, kajian ini hanya menyokong tiga ciri penentu yang diketengahkan oleh Zaidi (2008) iaitu: tidak boleh menerima sebarang penyisipan bertabiat sebagai satu perkataan, bertabiat sebagai satu perkataan, mempunyai makna yang khas dan tertentu. Yang paling jelas didapati dalam BM simpulan bahasa merupakan salah satu bentuk kata majmuk seperti ‘anak emas, anak jantan, berat hati,

banyak mulut’, tetapi dalam BC konsep KMS seperti ‘adab tertib 纪律 ‘peraturan + peraturan = disiplin’, akar umbi 基础 ‘asas + asas = asas’ dan contoh-contoh simpulan bahasa 人山人海 ‘manusia + gunung + manusia + laut = ramai orang’, 三番四次 ‘tiga + kali + empat + kali = berkali-kali’ adalah merupakan konsep yang jauh berbeza.

Bagi konsep kata berganda dalam BM (pokok-pokok, main-main, cantik-cantik, jurulatih-jurulatih, lelaki, tetikus, lalu-lalang) merupakan konsep berbeza dengan kata majmuk setara (asal usul, kayu pohon, baik pulih). Namun ada sebahagian kata berganda jenis berima atau berentak pula (jimat cermat, senang lenang) yang merupakan KMS jenis sejajar.

Masalah perbezaan yang dinyatakan ini menyebabkan banyak data sama ada BM atau BC tidak dapat diambil kira dalam kajian ini.

Sebenarnya data padanan penterjemahan BM-BC yang tidak dapat dianalisis dalam kajian ini contohnya ‘azab sengsara’ yang padanan penterjemahan ‘各种困难 *all kinds of difficulties*’ yang boleh diterjemahkan sebagai ‘困难 kesusahan + kepayahan = azab sengsara’ yang merupakan KMS BC. Walaupun ‘azab sengsara’ diterjemahkan dalam bahasa Cina oleh KPE3 merupakan penerangan makna ‘各种困难 *all kinds of difficulties*’ adalah sesuai tetapi pada pendapat pengkaji penterjemahan dalam bentuk kata yang sama ‘azab sengsara 困难’ lebih memudahkan pengguna bahasa mempelajari bahasa asing. Namun ini memerlukan kajian yang selanjutnya. Beberapa contoh dan cadangan penterjemahan dalam bentuk KMS BC dipaparkan dalam Jadual 5.5:

Jadual 5.5

Cadangan terjemahan dalam KPE3

| KMS BM | TERJEMAHAN BC (KPE3) | CADANGAN |
|------------------|---------------------------------------|---------------------------------|
| azab sengsara | 各种困难 <i>all kinds of difficulties</i> | 困难 susah + susah = kesusahan |
| cinta berahi | - (tiada padanan) | 恋爱 kasih + kasih = kasih sayang |
| hutan rimba | 保护林, 原始森林 <i>primeval big jungle</i> | 森林hutan+hutan=hutan rimba |

Dapat disimpulkan dengan berdasarkan sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008), hasil analisis ini mendapati KMS BM dapat dijelaskan dengan tujuh ciri penentu manakala KMS BC pula dapat dijelaskan dengan tiga ciri penentu. Oleh yang demikian, sembilan ciri penentu kata majmuk Zaidi (2008) walaupun mempunyai kelemahan dalam menjelaskan ciri-ciri data KMS kajian ini tetapi masih terbukti dapat dijadikan rangka yang asas dan dapat digunakan dalam pengajaran bahasa.

5.5 IMPLIKASI KAJIAN

Dalam kajian ini didapati sebanyak 15 data KMS BM seperti berikutnya yang tidak langsung dapat dicari dalam kamus KPE3. Keadaan sedemikian seharusnya diatasi oleh penerbit kamus tribahasa BM-BC-BI KPE3. Memandangkan kamus KDE4 merupakan sebuah kamus ekabahasa BM yang popular digunakan oleh pengguna BM, dengan itu semua kata-kata dalam KDE4 harus dimasukkan di KPE3 supaya dapat memudahkan rujukan pengguna-penggunanya. Sebenarnya 15 data yang tidak dimasukkan dalam entri KPE3 ini didapati dapat diterjemahkan dalam bahasa Cina seperti di dalam Jadual 5.6.

Jadual 5.6

Data KMS BM (KDE4) yang tidak dimasukkan dalam entri KPE3

| Bil | KMS BM | Cadangan terjemahan KMS BC |
|------|--|----------------------------|
| 8. | cinta berahi, 9.cinta kasih, 10.kasih sayang | 恋爱 |
| 42. | kawal selia | 监督 |
| 65. | bijak pandai | 智慧 |
| 77. | panas radang | 愤怒 |
| 78. | riang gembira, 79. riang ria | 喜悦 |
| 93. | laba rugi | 亏损 |
| 98. | pagi petang | 早晚 |
| 104. | jatuh bangun | 起落 |
| 113. | turun naik, naik turun | 上下 |
| 115. | dingin panas | 冷热 |
| 148. | lapar dahaga | 饥渴 |
| 164. | senang sentosa | 舒适 |

Selain itu, sebanyak 75 KMS BM yang tidak mempunyai padanan penterjemahan yang sepadan dalam BC. Ini bermakna KPE3 harus dipermantapkan supaya selaras dengan KDE4. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi input kepada penerbit kamus dwibahasa supaya lebih peka dalam penterjemahan terutamanya terhadap KMS yang mempunyai kejelasan makna yang tinggi.

Dapatan kajian dari empat aspek perbandingan KMS BM dengan KMS BC ini memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang dapat menyumbangkan dalam bidang leksikologi, pengajaran dan pembelajaran bahasa dan perkamusan. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan juga panduan terutamanya dalam aspek penggunaan bahasa iaitu:

- a. Menerapkan konsep kata majmuk setara dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya pelajaran lebih dinamik dan menarik dengan bandingan bahasa.

- b. Sebagai satu sumber rujukan dan maklumat kepada pelajar, guru, penyelidik dan penyusun kamus dalam penggunaan dwibahasa.
- c. Menjalinkan persahabatan kaum dengan dapat menginterpretasi makna dengan lebih tepat.
- d. Memperkaya kajian leksikologi bahasa Melayu dan bahasa Cina dan penyusunan kamus dwibahasa

5.6 CADANGAN KAJIAN LANJUT

Secara amnya, kajian ini telah meneliti KMS BM dan KMS BC daripada empat aspek iaitu: struktur, kategori, makna dan ciri-ciri. Dengan itu, disarankan kajian akan datang boleh mengkaji KMS terjemahan terutamanya dalam perbandingan terhadap bahasa-bahasa asing yang lain supaya ketepatan makna terjemahan. Sehubungan dengan itu, kajian lanjut dicadangkan dengan melihat bentuk-bentuk kata majmuk jenis yang lain, permasalahan penggandaan kata majmuk dan penelitian-penelitian lanjut dalam jenis pembentukan yang lain dapat memberi gambaran yang lengkap dan menyeluruh bagi pembentukan leksikologi dalam bahasa Melayu.

Selain itu, analisis KMS yang lanjut dengan perbandingan beberapa kamus dwibahasa dalam bahasa Melayu dengan bahasa asing yang lain boleh dilakukan. Ketepatan makna penterjemahan dapat diuji. Diharapkan pada masa akan datang, kajian perbandingan dua bahasa dalam bidang leksis diberi perhatian.

Analisis data kajian ini hanya dalam bilangan yang sedikit sahaja, kajian yang dicadangkan dalam bentuk data korpus, bahan tulisan contohnya suratkhbar, majalah atau dalam bentuk penulisan boleh diperincikan lagi khususnya dari aspek kata majmuk setara.

Didapati dari aspek makna, kajian ini hanya memberi fokus kepada konsep kepala Ceccagno dan Scalise (2006) dan pendekatan Chui (1991) sementara konsep semantik dengan mengikut pendekatan penahu lain tidak disentuh dalam kajian ini, oleh itu penelitian lanjut boleh dilakukan bagi memperlihatkan bagaimana konsep semantik berperanan. Kajian-kajian lanjut tentang pengenalanpastian ciri-ciri penentu KMS terhadap bahasa Melayu dan KMS BC dapat menambah ilmu tentang analisis tatabahasa BM dan BC yang telah sedia ada.

5.7 KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan KMS BM dan KMS BC dari empat aspek, iaitu: struktur, kategori, makna dan ciri-ciri secara umumnya. Kajian terdahulu tentang KMS BM secara perbandingan dengan padanan terjemahan BC khususnya belum pernah dijalankan.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Ceccagno dan Scalise (2006) yang mempunyai tujuh jenis struktur dan kategori bagi KMS BC. Kajian ini dapat merumuskan KMS BM mempunyai 12 jenis struktur dan kategori, sementara KMS BC mempunyai 14 jenis struktur dan kategori. Dengan itu, $[KN+KN]_{KN}$ merupakan kombinasi yang paling produktif.

Dari aspek makna, oleh sebab KMS BM dan KMS BC memang merupakan kombinasi dua kata yang menjadikan satu kesatuan, dengan itu konsep kepala Ceccagno dan Scalise (2006) dapat menggambarkan kebanyakan KMS BM dan KMS BC mempunyai makna yang jelas dan senang difahami.

Daripada dapatan tentang ciri-ciri KMS, kajian ini menyokong tujuh ciri penentu bagi KMS BM dan tiga ciri penentu bagi KMS BC yang diketengahkan oleh Zaidi (2008). Dengan berdasarkan sembilan ciri penentu Zaidi (2008), pengenalpastian ciri penentu KMS BM dan KMS BC selepas pengubahsuaian dapat dibentuk. Akhirnya kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pelajar, guru, para pengkaji terutama dari segi leksikologi supaya dapat memberi lebih perhatian dalam ketepatan penterjemahan bahasa yang dapat memberi sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran BM dan BC yang merupakan dua bahasa yang popular di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1974). *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (1987). *Penerbitan kata dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik am siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa dinamika berdasarkan tatabahasa dewan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aishah Mahdi. (1978). Kata majmuk dalam bahasa Malaysia hari ini. *Jurnal Dewan Bahasa, Jun*, 417-427. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1984). *Tatabahasa bahasa Malaysia: Suatu pembaharuan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M).
- Arbak Othman. (1985). *Mengajar tatabahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1982). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bisetto, A., & Scalise, S. (2005). The classification of compounds. *Lingue e Linguaggio*, IV(2), 319-332. Diakses daripada http://morbocomp.sslmit.unibo.it/unibo.it/download/classification_of_compounds.pdf

